

**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN HUKUM  
PENGUNAAN INTERNET DENGAN TAHAP  
PENGUNAAN INTERNET PELAJAR  
SEKOLAH RENDAH PEKAN  
SUBANG, SELANGOR**

**NOR AIN BT MOHAMAD KASTOLANI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN HUKUM  
PENGUNAAN INTERNET DENGAN TAHAP  
PENGUNAAN INTERNET PELAJAR  
SEKOLAH RENDAH PEKAN  
SUBANG, SELANGOR**

**NOR AIN BT MOHAMAD KASTOLANI**

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Nor Ain Bt Mohamad Kastolani**

No. Matrik: **IGA140028**

Nama Ijazah: **Sarjana Syariah**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**Hubungan Antara Pengetahuan Hukum Penggunaan Internet Dengan Tahap Penggunaan Internet Pelajar Sekolah Rendah Pekan Subang, Selangor.**

Bidang Penyelidikan: **Fiqh**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

# HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN HUKUM PENGGUNAAN INTERNET DENGAN TAHAP PENGGUNAAN INTERNET PELAJAR SEKOLAH RENDAH PEKAN SUBANG, SELANGOR

## ABSTRAK

Penggunaan internet kini telah menjadi satu keperluan dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Tanpa pengawalan dan garis panduan penggunaan internet yang terarah, pelajar boleh terjebak dalam gejala ketagihan internet. Pengetahuan berkenaan hukum penggunaan internet yang dipelajari di sekolah rendah boleh menjadi faktor dalam mengawal tahap penggunaan internet. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara pengetahuan berkaitan hukum dan etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet. Sampel kajian terdiri daripada 328 orang pelajar sekolah rendah sekitar Pekan Subang. Data diperoleh daripada soal selidik yang telah dijalankan. Bagi menjawab objektif kajian, kaedah statistik inferensi iaitu korelasi digunakan. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar ialah ( $M=1.8572$ ). Dapatan ini menunjukkan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah Pekan Subang berada pada tahap penggunaan normal tetapi berisiko untuk berlebihan. Seterusnya, hubungan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet nilai ( $r=0.276$ ). Dapatan menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah kerana nilai  $r < 0.4$ . Ini bermakna pengetahuan berkenaan hukum penggunaan internet bukan faktor yang mempengaruhi tinggi atau rendah tahap penggunaan internet pelajar. Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat faktor lain yang mengawal tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah rendah Pekan Subang.

Kata kunci: internet, teknologi maklumat, ketagihan, berbahaya, dan manfaat

**THE RELATIONSHIP BETWEEN KNOWLEDGE OF INTERNET USAGE  
RULING WITH THE LEVEL OF INTERNET USAGE AMONG PRIMARY  
SCHOOL STUDENTS IN PEKAN SUBANG, SELANGOR**

**ABSTRACT**

Internet usage has now become a necessity among primary school students. Without the guidance, students can be trapped in the symptoms of internet addiction. Knowledge of internet usage ruling learned in primary school can be a factor in controlling the level of internet usage. In this regard, this study is conducted to identify whether there is a correlation between knowledge of ruling and ethics of internet usage with internet usage level. The sample of the study consisted of 328 primary school students around Pekan Subang. The data were obtained from the questionnaires. In order to answer the objective of the study, inferential statistical methods of correlation are used. The findings show that the overall mean of internet usage among students is ( $M = 1.8572$ ). This finding shows that the level of internet usage of primary school students Pekan Subang is at normal use but risky for addiction. Furthermore, the correlation between knowledge of internet usage ruling with internet usage level value ( $r=0.276$ ). The findings show no significant relationship between the two variables because the value ( $r<0.4$ ). This means that knowledge about internet usage ruling is not a factor that affects high or low levels of student internet usage. It can be concluded that there are other factors that control the level of internet usage among primary school students of Pekan Subang.

Keywords: internet, information technology, addiction, harmful, benefit

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين. وبعد،

Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T kerana di atas keizinan dan rahmat-Nya, pengkaji dapat menyelesaikan kajian ini dalam tempoh yang agak panjang. Segala kekangan dan kepayahan sepanjang menyelesaikan kajian ini, dapat diatasi dengan baik oleh pengkaji.

Di kesempatan ini, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Mohd Anuar Bin Ramli selaku penyelia yang sudi meluangkan masa dalam memberi tunjuk ajar kepada pengkaji sehingga kajian ini dapat diselesaikan. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga tidak dilupakan buat Ketua Jabatan Fiqh dan Usul (JFU), Dr. Luqman Hj. Abdullah dan semua pensyarah di JFU, Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali, Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Raihanah Hj. Azahari, Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Dr. Saadan Man, Dr. Rushdi Ramli, Dr. Ridzwan Ahmad, Dr. Ameen Ahmed Abdullah, Dr. Nor Fahimah Mohd Razif, Dr. Bahiyah Ahmad, Dr Shahidra Abdul Khalil, Dr Muhammad Ikhlas Rosele, Dr Norhidayah Pauzi serta semua kakitangan JFU atas bantuan dan tunjuk ajar sepanjang bergelar pelajar sarjana syariah. Begitu juga dengan kakitangan ijazah tinggi APIUM dan perpustakaan Universiti Malaya serta Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr Nor Aini bt Ali dari atas kesudian memberi tunjuk ajar dalam menghasilkan instrumen soal selidik bagi kajian ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan kepada ayahanda Mohamad Kastolani bin Madrom serta Bonda Habsah bt Haji Bajuri yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dalam apa sahaja yang saya lakukan. Terima kasih kepada suami, dan anak-anak atas pengorbanan kalian, serta keluarga dan rakan-rakan atas sokongan dan doa selama ini. Semoga kajian ini mendapat pahala disisi Allah S.W.T. dan memberi manfaat kepada orang lain.

Sekian, terima kasih.

**NOR AIN BT MOHAMAD KASTOLANI**  
**14 MAC 2019M|| 7 REJAB 1440H**

## JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK .....	iv
ABSTRACT .....	v
PENGHARGAAN .....	vi
JADUAL KANDUNGAN .....	vii
SENARAI RAJAH .....	ix
SENARAI JADUAL .....	x
SENARAI KEPENDEKAN .....	xi
PANDUAN TRANSLITERASI .....	xii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 PENGENALAN .....	1
1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN .....	3
1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN .....	5
1.4 PERSOALAN KAJIAN .....	12
1.5 OBJEKTIF KAJIAN .....	12
1.6 HIPOTESIS KAJIAN .....	12
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN .....	13
1.8 SKOP KAJIAN .....	14
1.9 KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN .....	15
1.10 SOROTAN KAJIAN LEPAS .....	15
1.11 METODOLOGI KAJIAN .....	23
1.12 SISTEMATIKA KAJIAN .....	35
<b>BAB 2: KONSEP PENGGUNAAN INTERNET .....</b>	<b>36</b>
2.1 PENGENALAN .....	36

2.2	KONSEP PENGGUNAAN INTERNET .....	37
2.3	GEJALA PENGGUNAAN INTERNET BERLEBIHAN.....	42
2.4	FAKTOR PENINGKATAN PENGGUNAAN INTERNET .....	46
2.5	KESIMPULAN.....	52
<b>BAB 3: HUKUM DAN ETIKA PENGGUNAAN INTERNET .....</b>		<b>54</b>
3.1	PENGENALAN .....	54
3.2	PERSPEKTIF HUKUM ISLAM TENTANG PENGGUNAAN INTERNET .....	55
3.3	ETIKA KEPENGGUNAAN INTERNET.....	73
3.4	KESIMPULAN .....	78
<b>BAB 4: ANALISIS DATA.....</b>		<b>79</b>
4.1	PENGENALAN .....	79
4.2	ANALISIS DATA .....	79
4.3	PERBINCANGAN.....	94
4.4	KESIMPULAN .....	101
<b>BAB 5: PENUTUP .....</b>		<b>102</b>
5.1	PENGENALAN .....	102
5.2	DAPATAN KAJIAN.....	102
5.3	SARANAN KAJIAN .....	103
5.4	CADANGAN KAJIAN LANJUTAN .....	105
5.5	KESIMPULAN .....	106
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>		<b>107</b>



## SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 Kerangka teoritikal kajian
- Rajah 1.2 Prosedur kajian tinjauan soal selidik

Universiti Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Pernyataan Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah
Jadual 1.2	Justifikasi sumber konstruk instrumen soal selidik
Jadual 1.3	Skala tahap penggunaan internet
Jadual 1.4	Populasi dan sampel kajian
Jadual 1.5	Ketekalan dalaman instrumen soal selidik ( <i>Alpha Cronbach's</i> )
Jadual 1.6	Kaedah analisis data
Jadual 4.1	Analisis Demografi responden
Jadual 4.2	Tahap penggunaan internet (konstruk sikap/tingkah laku)
Jadual 4.3	Rumusan nilai min konstruk sikap / tingkah laku
Jadual 4.4	Tahap penggunaan internet (konstruk kesan fizikal)
Jadual 4.5	Rumusan nilai min konstruk kesan fizikal
Jadual 4.6	Tahap penggunaan internet (konstruk kesan emosi)
Jadual 4.7	Rumusan nilai min konstruk kesan emosi
Jadual 4.8	Rumusan nilai min keseluruhan tahap penggunaan internet
Jadual 4.9	Perbezaan tahap penggunaan internet berdasarkan jantina
Jadual 4.10	Rumusan hipotesis 2
Jadual 4.11	Rumusan hipotesis 3

## SENARAI KEPENDEKAN

Dr.	: Doktor
ed.	: Edisi
ed.	: Nama editor
et al.	: Pengarang dan lain-lain (melebihi empat orang)
Ibid	: Ibiidem (rujukan berturut)
no.	: Nombor
RA	: RaḍiyAllah S.W.Tu „anhu
SAW	: Şallalahu „alayhi wasallam
SWT	: Subḥanahu wa Ta„ālā
t.p.	: Tanpa penerbit
t.t	: Tanpa tarikh
t.tp.	: Tanpa tempat penerbit
terj.	: Terjemahan
%	: Peratus

## PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan tersebut adalah seperti berikut<sup>1</sup>:

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا, ء	<i>Alif</i>	a, “
ب	<i>ba”</i>	b
ت	<i>ta”</i>	t
ث	<i>tha”</i>	th
ج	<i>Jim</i>	j
ح	<i>ha”</i>	h
خ	<i>kha”</i>	kh
د	<i>Dal</i>	d
ذ	<i>Dhal</i>	dh
ر	<i>ra”</i>	r
ز	<i>Zay</i>	z
س	<i>Sin</i>	s
ش	<i>Shin</i>	sh
ص	<i>Sad</i>	ṣ
ض	<i>Dad</i>	ḍ
ط	<i>ta”</i>	ṭ
ظ	<i>za”</i>	ẓ
ع	<i>„ayn</i>	”
غ	<i>Ghayn</i>	gh
ف	<i>fa”</i>	f

<sup>1</sup> Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu, Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992); Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

ق	<i>Qaf</i>	q
ك	<i>Kaf</i>	k
ل	<i>Lam</i>	l
م	<i>Mim</i>	m
ن	<i>Nun</i>	n
و	<i>Waw</i>	w
هـ	<i>ha''</i>	h
ي	<i>ya''</i>	y
ة	<i>ta'' marbutah</i>	h,t

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah) _____	a
	(dammah) _____	u
	(kasrah) _____	i
Panjang	آ	ā
	أُو	ū
	إِي	ī
Diftong	أُو	aw
	أَيُّ	ay
	يِي	iy/i
	وُو	uww

# BAB 1: PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Perkembangan teknologi dunia yang semakin menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat Islam di Malaysia. Bukan sahaja orang dewasa yang terkesan, namun pelajar dan anak-anak kecil juga antara mereka yang mendapat kesan daripada perkembangan teknologi ini. Ramai pengkaji terdahulu telah meramalkan bahawa internet bakal mengubah dunia dan mengubah corak hidup masyarakat.<sup>2</sup> Sebelum ini kita tidak pernah membayangkan bahawa daripada perkembangan teknologi ini pelbagai kejahatan muncul yang membawa kepada masalah sosial seperti *cyber bullying*, *hacking*, penipuan, *cyber crime*, dan pelbagai bentuk jenayah melalui internet.<sup>3</sup>

Kebanyakan kanak-kanak telah didedahkan dengan beberapa bentuk peranti elektronik termasuk telefon pintar dan tablet sebagai satu jalan mudah untuk ibu bapa menyelesaikan tugas harian mereka selain menjadikan peranti elektronik sebagai „pengasuh“ anak-anak. Antara aplikasi yang menjadi obsesi pengguna terutamanya kanak-kanak adalah permainan digital di dalam peranti mudah alih (*mobile games*).<sup>4</sup>

Penggunaan internet telah mengubah corak hidup komuniti dan masyarakat dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi, politik, sosial dan kehidupan beragama termasuk dalam urusan dakwah. Penggunaan internet pada masa kini merupakan salah satu teknologi canggih yang dapat membantu meningkatkan maklumat, pengetahuan dan kemahiran-kemahiran baru dalam kalangan semua lapisan

---

<sup>2</sup> James Curran, Natalie Fenton and Des Freedman, *Misunderstanding The Internet* (New York: Routledge, 2016): 2-4.

<sup>3</sup> Tamrin Amboala, et al., “Undang-Undang Siber Dari Perspektif Islam,” *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)* 72:1 (2015): 125–130.

<sup>4</sup> Aznan Omar, “Permainan Mudah Alih dan Kanak-Kanak,” *Ideology* 2(1) (2017): 137-149.

komuniti masyarakat tanpa mengira bangsa, kepercayaan agama, sempadan politik, umur dan jantina. Penggunaan internet kini dilihat sebagai satu keperluan oleh kebanyakan golongan dan menjadi kebiasaan kepada semua termasuk anak-anak kecil dan pelajar sekolah.<sup>5</sup>

Internet tidak mendatangkan masalah jika digunakan dengan baik oleh penggunanya. Islam tidak menolak teknologi internet dan media sosial secara mutlak, tetapi Islam memberi garis panduan untuk mengawal penganutnya untuk mengambil langkah bijak dan memaksimumkan penggunaan internet ke arah kehidupan yang lebih berkualiti dan bermanfaat. Perkembangan teknologi dunia merupakan satu perkara yang sangat baik yang dituntut dalam Islam di mana Islam itu perlu maju dan berkembang seiring peredaran masa.<sup>6</sup>

Agama Islam perlu diasimilasikan dengan kemajuan teknologi dunia. Jika Islam tidak bergerak seiring dengan kemajuan, maka pincanglah segala perilaku manusia. Ini kerana manusia itu memerlukan ilmu serta garis panduan dalam setiap pelaksanaan mereka. Dengan adanya ilmu, maka manusia akan bijak menangani permasalahan yang timbul, termasuklah permasalahan yang muncul hasil dari ledakan maklumat dan perkembangan teknologi ini.

Dengan ilmu dan iman, pengguna diharapkan agar dapat menjaga nilai moral serta memahami hukum dan etika dalam kepenggunaan internet. Selain dapat mengelak diri dari menjadi ketagih dengan teknologi yang pada asalnya memberi manfaat, namun akhirnya menjadi pemusnah kehidupan manusia kerana manusia itu sendiri tidak bijak menguruskan diri dalam hal ehwal kepenggunaan seiring perkembangan dunia semasa.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup> Anderson Milton Starling, "Kids These Days: Political Knowledge, Young People, and The Internet" (Tesis kedoktoran, University of Alabama, Alabama, 2015): 8.

<sup>6</sup> Azuar, Juliandi ed., *Islamisasi Pembangunan* (Medan: UMSU Press, 2014): 12.

<sup>7</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlal, "Merekonstruksikan Metodologi Konsep Fiqh Kepenggunaan Islam" (APIUM, 2014): 1-5.

## 1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Satu kajian soal selidik penggunaan internet bagi tahun 2016 dan 2017 telah dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Soal selidik penggunaan internet tahun 2016 telah dijalankan oleh SKMM terhadap 2787 orang responden.<sup>8</sup> Daripada jumlah tersebut didapati 2402 responden merupakan pengguna internet manakala 305 responden lagi bukan pengguna internet. Melalui soal selidik yang telah dijalankan, antara kesimpulan dapat dibuat termasuklah;

- i. Telefon pintar adalah alat komunikasi utama dalam mengakses internet dengan peratusan 89.3 % berbanding alat komunikasi yang lain.
- ii. Dari sudut demografi didapati purata pengguna yang paling banyak menghabiskan masa di atas talian adalah pelajar sekolah dengan purata 20.9 jam seminggu.

Dapatan soal selidik tahap penggunaan internet bagi tahun 2017 pula mendapati 50.9% pengguna internet adalah masyarakat berbangsa Melayu. Kajian juga mendapati 83.2% kanak-kanak yang berumur 5 hingga 17 tahun adalah pengguna internet. Manakala penggunaan telefon pintar untuk aktiviti dalam talian dalam kalangan kanak-kanak adalah sebanyak 93.0%. Komunikasi teks, rangkaian sosial, mendapatkan maklumat dan menonton video adalah aktiviti atas talian yang lazim dan popular dalam kalangan kanak-kanak 5 hingga 17 tahun.<sup>9</sup> Dapatan ini menunjukkan peratusan yang tinggi dalam penggunaan internet dan telefon pintar dalam kalangan kanak-kanak.

Terdapat beberapa kes yang berlaku di peringkat antarabangsa dan dalam negara berkaitan penggunaan internet. Pada tahun 2011 seorang pemuda di China meninggal dunia akibat bermain permainan komputer atas talian selama tiga hari berturut-turut tanpa makan dan tidur di sebuah kafe siber di pinggir bandar Beijing. Lebih

---

<sup>8</sup> "Kajian Pengguna Internet 2016" Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), diakses pada 16 Mac 2017, <http://www.skmm.gov.my/Resources/Statistics/Internet-users-survey.aspx>

<sup>9</sup> "Kajian Pengguna Internet 2017" Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), diakses pada 12 Januari 2018 <https://www.skmm.gov.my/resources/statistics/internet-users-surveyx>



mengejutkan, di Korea Selatan seorang lelaki berusia 32 tahun telah menemui ajal selepas dilaporkan bermain permainan atas talian selama lima hari dengan berehat sebentar sahaja. Terdapat juga kes seorang kanak-kanak lelaki membunuh diri selepas rasa bersalah akibat membunuh ibu kandung yang memarahinya kerana terlalu banyak menghabiskan masa bermain permainan komputer.<sup>10</sup>

Antara kes yang melibatkan penggunaan internet di Malaysia ialah di mana seorang kanak-kanak berusia 7 tahun telah menghadapi masalah penglihatan iaitu rabun jauh yang semakin teruk pada umur 9 tahun dengan memakai kanta rabun jauh berkuasa 500 akibat tabiat menghadap telefon pintar dan komputer riba sejak kecil lagi.<sup>11</sup> Seterusnya, pada tahun 2013 seorang pemuda berbangsa Cina berusia 23 tahun di Pulau Pinang telah meninggal dunia dipercayai bermain permainan komputer tanpa henti selama 15 jam.<sup>12</sup>

Selain itu, seorang kanak-kanak berumur 4 tahun yang menghafaz al-Quran semakin merosot hafalannya akibat ganjaran permainan video atas talian yang diberikan setiap kali kanak-kanak tersebut menghafaz telah disalahgunakan dengan melayari laman aksi lucu yang ditonton setiap hari. Melihat bahan pornografi sama kesannya dengan pengambilan dadah. Kedua-duanya merembeskan dopamin dengan jumlah yang banyak. Dopamin ini mengeluarkan pergerakan sukarela, keseronokan, motivasi, dan ganjaran.<sup>13</sup> Maka, apabila berhadapan dengan aktiviti yang merembeskan jumlah dopamin yang sedikit seperti menghafaz al-Quran dan belajar, anak-anak akan hilang fokus. Ini menunjukkan keasyikan anak-anak dalam menggunakan internet membuka

---

<sup>10</sup> “Ketagihan Permainan Dalam Talian” Kosmo Online, diakses pada 1 Januari 2018 [http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=0406&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_02.htm](http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=0406&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm)

<sup>11</sup> Nor Shafinaz Sari “100 jadi 500” MyMetro, diakses pada 1 Januari 2018 <https://www.hmetro.com.my/node/190039?fbclid=IwAR2T72rLvAHgpuC8Ippp7MtIJSAtOJs31aMI2idX0vIKppmSl4nQkn5hkh>

<sup>12</sup> Khairunnisa Sulaiman “Atasi Ketagihan Internet” Utusan Online, diakses pada 20 Disember 2017 [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Kesihatan/20131208/kn\\_04/Atasi-ketagihan-Internet](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Kesihatan/20131208/kn_04/Atasi-ketagihan-Internet)

<sup>13</sup> Siti Zarinah Sahib “Awasi paparan di internet” MyMetro, diakses pada 20 Disember 2017, <https://www.hmetro.com.my/node/173394>

ruang dan peluang untuk mudah terjebak dalam kemaksiatan serta ketagihan internet sama ada dengan sengaja atau tidak disengajakan.

Selain itu, terdapat kes di Kuala Lumpur di mana seorang pelajar sekolah menengah rendah ditangkap dan mengaku ponteng sekolah dengan berada di kafe siber selama tiga hingga lima jam sehari semata-mata untuk bermain permainan video atas talian.<sup>14</sup> Menurut Portal Rasmi Guru dan Pelajar sekolah (GPS Bestari) murid berusia 13 hingga 16 tahun turut ditahan atas kesalahan ponteng sekolah kerana melepak di kafe siber seawal jam 8 pagi lagi untuk bermain permainan atas talian.<sup>15</sup>

Penggunaan internet yang tidak dikawal ternyata menimbulkan banyak permasalahan fizikal, mental dan sosial sama ada di peringkat antarabangsa mahupun di Malaysia. Seandainya langkah pencegahan tidak dilakukan lebih awal dikhuatiri semakin ramai individu yang ketagih dengan teknologi ini terutamanya dalam kalangan pengguna kanak-kanak. Sebagai pengguna Islam, penggunaan internet seharian harus selari dengan hukum dan etika kepenggunaan yang telah digariskan oleh Islam agar internet tidak menjadi mudarat kepada pengguna.

### **1.3 Pernyataan Masalah Kajian**

Kehidupan beragama mengajar manusia untuk hidup dalam peraturan dan disiplin. Sebagai pengguna Islam, kita dikehendaki mematuhi panduan hukum syariat Islam serta etika yang telah digariskan dalam setiap aspek kehidupan. Namun, seandainya syariat hukum Islam dan etika tidak diaplikasikan dalam kehidupan, maka kehidupan sosial manusia akan terganggu. Penggunaan internet secara berlebihan tanpa memahami etika kepenggunaannya akan menyebabkan terjadinya ketagihan dalam kalangan pengguna.

---

<sup>14</sup> “Remaja Ponteng Sekolah Kerana Ketagih Permainan Video” Astro Awani Portal, diakses pada 1 September 2017, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-ponteng-sekolah-kerana-ketagih-permainan-video-di-kafe-siber-53372>

<sup>15</sup> “Pelajar Kantoi Ponteng sekolah melepak di Kafe Siber seawal jam 8 pagi untuk bermain permainan online,” Guru Pelajar Portal (GPS Bestari), diakses pada 1 September 2017 <http://www.gpsbestari.com/berita/perak/19-pelajar-kantoi-ponteng-sekolah-melepak-kafe-siber-seawal-jam-8-pagi-untuk-main-permainan-online-1.560998>

Menurut Pengerusi Persidangan Persatuan Ketagihan Internet Antarabangsa (ISIA) 2016 dan Pakar Perunding Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja, Dr. Norharlina Bahar, penggunaan internet secara berlebihan boleh membawa kepada kegagalan menjalankan rutin seharian.<sup>16</sup> Ketagihan internet berlaku apabila seseorang individu tidak mampu mengawal perasaannya untuk mengaktifkan peranti elektronik seperti melayari internet atau aplikasi-aplikasi di telefon.<sup>17</sup> Mereka yang ketagihan internet juga adalah mereka yang mempunyai unsur '*withdrawal*' iaitu timbul perasaan resah gelisah apabila tidak dapat menggunakan internet. Mereka juga mempunyai sifat '*tolerance*' iaitu jumlah penggunaan internet yang semakin meningkat dari hari ke hari.<sup>18</sup>

Pakar-pakar psikologi berpandangan bahawa terdapat beberapa simptom untuk menilai sama ada seseorang itu sedang ketagih terhadap internet. Antaranya termasuklah mereka yang dikategorikan akan mengabaikan keperluan asas seperti makan, minum, dan tidur yang akhirnya menjadikan mereka lesu, hilang semangat, menjejaskan kesihatan yang melibatkan mata, jantung, obesiti dan tekanan emosi. Bagaimanapun masalah ini tidak disedari oleh individu berkenaan tetapi dapat dikenalpasti oleh orang sekeliling seperti ibu bapa, adik beradik atau kawan-kawan.<sup>19</sup>

Dr. Muhammad Muhsin Ahmad Zahari, merupakan Pakar Perunding Psikiatri Universiti Malaya menyatakan biasanya individu yang terlibat tidak mempunyai aktiviti riadah, kurang bersosial dan berkawan serta bersikap introvert iaitu sukar untuk berinteraksi dengan orang sekeliling.<sup>20</sup> Mereka akan menghabiskan masa dengan internet malah lebih teruk terdapat pelajar yang sanggup mencuri bagi mendapatkan duit

---

<sup>16</sup> "Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak" Utusan Online diakses pada 13 Januari 2018, <http://m.utusan.com.my/rencana/i-penggunaan-internet-dan-media-sosial-dalam-kalangan-kanak-kanak-i-1.494492>

<sup>17</sup> Bahadir Bozoglan, Psychological, Social, and Cultural Aspects of Internet Addiction, in a volume in *The Advances in Human and Social Aspects of Technology (AHSAT) Book Series*, (Germany: IF Weinheim Institute, 2018): 1-17

<sup>18</sup> Vladan Starcevic and Elias Aboujaoude, "Internet Gaming Disorder, Obsessive-Compulsive Disorder, and Addiction," *Journal of Behavioral Addictions* Volume 4, Issue 3, (2017): 317-322.

<sup>19</sup> "Atasi Ketagihan Internet"

<sup>20</sup> *Ibid.*,

untuk ke kafe siber dan akhirnya terjadilah gejala ponteng sekolah, penurunan gred pelajaran akademik serta culas dalam kerja harian.<sup>21</sup>

Hasil satu kajian mendapati orang dewasa yang ketagihan internet bermula dari zaman kanak-kanaknya yang lebih awal terdedah dengan penggunaan internet. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan penggunaan internet pelajar sekolah rendah berusia 6 hingga 11 tahun cenderung dalam melayari laman sosial dan permainan atas talian. Kecenderungan kanak-kanak lelaki dilihat lebih kepada permainan atas talian. Lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai akses internet di rumah.<sup>22</sup>

Menurut hasil soal selidik penggunaan internet 2016 yang dijalankan oleh SKMM,<sup>23</sup> 92.7% pengguna internet menggunakan khidmat mesej melalui aplikasi seperti *Whatsapp*, *Telegram* dan *Wechat* untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Peratus penggunaan media sosial merupakan jumlah tertinggi dalam penggunaan internet di Malaysia. Media sosial ialah alat atau medium komunikasi berasaskan sebuah jaringan yang membolehkan manusia berinteraksi antara satu sama lain, dengan kedua-dua belah pihak berkongsi atau menggunakan maklumat yang dikongsi.<sup>24</sup>

Penggunaan internet membawa pengguna kepada laman sesawang yang amat berguna untuk tujuan mencari pelbagai maklumat termasuk pendidikan, perubatan, urusan perbankan dan sebagainya. Namun, penyalahgunaan internet dan tanpa kawalan penapisan laman sesawang dan penguatkuasaan undang-undang, pelajar amat cenderung untuk mengakses ke laman sesawang yang tidak sepatutnya seperti laman pornografi dan pelbagai laman sesawang lain yang tidak bermoral dan tidak bermanfaat.<sup>25</sup>

---

<sup>21</sup> Mishra S, et al., "The Impact of Internet Addiction on University Students and Its Effect on Subsequent Academic Success: A Survey Based" *Issues In Information Systems* 15(1), (2014): 344.

<sup>22</sup> Zoi Tsimitsiou, et al., "Internet Usage in Primary and Secondary School Children: A Multi-Center, School-Based, Cross-Sectional Study in Greece," *International Journal of High Risk Behaviors & Addiction*, (2016): 3.

<sup>23</sup> "Kajian Pengguna Internet 2016," SKMM

<sup>24</sup> Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd Helmi Abd Rahim "Penerimaan Media Sosial:Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Palembang" *Jurnal Kemanusiaan* Vol. 29 (2), (2013): 130.

<sup>25</sup> Nor Azah Abdul Aziz dan Che Zarrina Saari "Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-undang dan Amalan Spiritual" *Journal of Islamic and Arabic Education* Vol. 3(1), (2011): 31-34.

Laman porno dapat dikategorikan sama ada berbentuk tulisan seperti cerpen, gambar, audio dan video.<sup>26</sup> Pornografi memberikan impak negatif kepada semua peringkat sama ada kepada orang dewasa, remaja mahupun kanak-kanak. Satu Kajian yang mengkaji masalah ketagihan seks „*Who’s Porn Addict*” menyatakan penagih pornografi ramai daripada kalangan lelaki. Beliau juga menyatakan pornografi boleh membawa kepada tingkah laku seksual yang buruk dan di luar batas normal.<sup>27</sup>

Kira-kira 75% pengguna internet dalam kalangan kanak-kanak berumur antara 10 dan 17 tahun di Malaysia memiliki pengalaman pernah melihat kandungan yang tidak sesuai yang kebanyakannya berunsur lucu.<sup>28</sup> Pengarah Kanan Bahagian Advokasi dan Jangkauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Eneng Faridah Iskandar menjelaskan daripada jumlah itu, 47.4% adalah kanak-kanak berusia antara 10 dan 12 tahun, 41% berusia antara 13 dan 15 tahun dan 11.5% berusia antara 16 dan 17 tahun. Peratus kanak-kanak sekolah rendah 10 hingga 12 tahun dilihat paling tinggi dalam permasalahan pornografi ini.

Pornografi yang berlebihan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dapat mencelarukan fungsi otak. Otak mereka akan berfantasi dengan apa yang ditonton sehingga hilang fokus terhadap perkara lain dan akhirnya mereka tidak puas dengan hanya satu sesi tontonan. Seperti ketagihan dadah, ketagihan terhadap laman sesawang porno ini menjadikan penonton bertindak „liar”. Jika sebelumnya mereka hanya melihat gambar, menonton video dan akhirnya mereka melakukan perkara yang ditonton terhadap orang lain yang menjurus kepada kesalahan rogol, zina dan liwat.<sup>29</sup>

---

<sup>26</sup> Alyshia Murgatroyd Giffen and Darren Bishopp “The Influence of Pornography on Young People’s Sexual Health and Behaviour” *The Journal of Sexual Medicine* Vol.14(5), (2017): 289.

<sup>27</sup> Joshua B.Grubbs, Jennifer T.Grant and Joel Engelman, “Who’s a Porn Addict? Examining the Roles of Pornography Use, Religiousness, and Moral Incongruence” (Research work, Bowling Green State University, Ohio USA, 2017): 5-7.

<sup>28</sup> “75% Kanak-kanak Pernah Lihat Web Lucuh” Utusan Malaysia Online, diakses pada 11 November 2017, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/75-kanak-kanak-pernah-lihat-web-lucah-1.456789>

<sup>29</sup> Alam S. S, et al., “Negative and Positive Impact of Internet Addiction on Young Adults: Empirical Study in Malaysia” *Intangible Capital* Vol. 10(3), (2014): 619-638.

Seterusnya adalah penggunaan internet untuk bermain permainan atas talian (*Online Game*). Satu kajian mendapati bahawa pengguna internet lelaki lebih banyak tertarik dengan permainan atas talian berbanding pengguna perempuan.<sup>30</sup> Ketagihan terhadap permainan komputer atas talian ini telah menjadi satu masalah global di mana Malaysia turut terkena tempasnya. Kehebatan grafik permainan yang dibangunkan seperti permainan Video Berperanan Berganda Dalam Talian atau lebih dikenali sebagai *Massively Multiplayer Online Role-Playing Game (MMORPG)*<sup>31</sup> semakin menjadi kegilaan remaja dan kanak-kanak hingga mereka sanggup ponteng sekolah semata-mata untuk melayarinya di kafe siber.<sup>32</sup>

Judi atas talian juga merupakan salah satu penggunaan internet yang membawa kanak-kanak kepada masalah ketagihan teknologi internet. Judi bola adalah antara pemegang teratas dalam carta judi atas talian.<sup>33</sup> Ketagihan judi atas talian lebih menular dalam kalangan orang dewasa. Pelbagai undang-undang seperti penguatkuasaan had umur telah dibuat untuk mengelakkan masalah menular kepada remaja dan pelajar sekolah. Walau bagaimanapun, kewujudan pusat pertaruhan internet di kafe siber menunjukkan konsep perjudian berkenaan sudah mula diperkenalkan kepada anak-anak muda. Menurut satu kajian, ketagihan judi atas talian dalam kalangan dewasa bermula dari ketagihan judi sejak dari usia muda.<sup>34</sup> Di Malaysia, satu kajian yang dilakukan oleh Pusat Rehab Perjudian (GRC) menunjukkan 93% daripada 600 murid sekolah rendah

---

<sup>30</sup> Muscanell, N. L., and Guadagno, R. E. "Make New Friends or Keep the Old: Gender and Personality Differences in Social Networking Use" *Computers in Human Behavior*, 28, (2012): 107–112.

<sup>31</sup> Daria J Kuss, "Psychology Research and Behavior Management :6 Internet Gaming Addiction: Current Perspectives" (Research work, Birmingham City University, UK, 2013);:126-127.

<sup>32</sup> "Remaja Ponteng Sekolah Kerana Ketagih Permainan Video di Kafe Siber," Astro Awani Portal.

<sup>33</sup> Nowak DE. "College Student-Athlete Gambling Disorder: A Review of Research (1991-2017)," *Journal Psychiatry Mental Health*, (2017): 1-7.

<sup>34</sup> Robert Edgren, et al., "Reliability of Instruments Measuring At-Risk and Problem Gambling Among Young Individuals: A Systematic Review Covering Years 2009-2015," *Journal of Adolescent Health* 58, (2016): 600-615.

(Melayu, Cina dan India) termasuk lelaki dan perempuan yang diselidik pernah berjudi sama ada atas talian atau luar talian.<sup>35</sup>

Di Malaysia, banyak kajian telah dilakukan dalam menzahirkan kebimbangan terhadap penggunaan teknologi internet secara berlebihan. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berfokus terhadap golongan mahasiswa dan pelajar sekolah menengah yang lebih matang fikiran dan tingkah lakunya. Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan kajian berkaitan tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah rendah dengan melihat silibus Pendidikan Islam Tahun Lima dan Tahun Empat yang diajar di sekolah di mana boleh dikaitkan selari dengan hukum dan etika kepenggunaan internet untuk melihat sejauh mana pengetahuan tersebut mempengaruhi tahap penggunaan internet mereka.

Disemak daripada isi kandungan buku teks Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Islam Tahun Lima antara tajuk yang menjadi rujukan adalah “Dosa Kecil dan Dosa Besar”, “Allah S.W.T Bersifat Ilmun (Maha Mengetahui)”, “Menjaga Kesihatan dan Kebersihan Diri”<sup>36</sup> manakala tajuk Tahun 4 yang menjadi rujukan ialah “Lakukan Kebaikan, Jauhi Kemungkaran (Dosa Pahala)”, “Maklumat di Hujung Jari” dan “Menjaga Kebersihan Diri”.<sup>37</sup> Pengkaji memilih tajuk-tajuk yang bersesuaian dengan kajian ini untuk melihat sama ada pelajar tahu perkara yang dilakukan semasa melayari internet membawa kepada hukum harus, haram, pahala, dosa besar dan dosa kecil. Selain itu juga, pengkaji ingin melihat sejauh mana pelajar menghayati sifat Allah S.W.T Maha Mengetahui melalui pentabiatan perlakuan, amalan adab dan etika semasa mereka menggunakan internet.

---

<sup>35</sup> Christina Tan, Farik Zolkepli dan Norbaiti Hamdan, “Judi Piala Dunia : Kajian Mendapati Kanak-kanak Remaja Mula Berjudi,” Mstar, diakses pada 21 Januari 2018, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/04/21/judi-piala-dunia/>

<sup>36</sup> Norsuhana bt Abdullah, Muhammad Nazalman bin Ahmad Rawaddin, dan Aminah bt Idris, *Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 5*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

<sup>37</sup> Norsuhana bt Abdullah, Muhammad Nazalman bin Ahmad Rawaddin, & Aminah bt Idris, *Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 4*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

Perkara di atas adalah bersesuaian dengan kehendak yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum Bersepadu (DSKP) untuk mata pelajaran Pendidikan Islam yang menetapkan enam tahap penguasaan dalam pembelajaran iaitu untuk mencapai enam tahap penguasaan iaitu Ilmu, Amali, Amalan, Iltizam, Penghayatan dan Pentabiatan; dan penguasaan yang tertinggi ialah „Pentabiatan“.

**Jadual 1.1 : Pernyataan Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah.<sup>38</sup>**

Tahap	Penguasaan	Pernyataan Standard
1	Ilmu	Murid dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam setiap kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing
2	Amali	Murid dapat menjelaskan konsep atau menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara praktik dalam kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing.
3	Amalan	Murid dapat menjelaskan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing.
4	Iltizam	Murid berkebolehan menghuraikan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari secara bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab melaksanakannya dalam kehidupan seharian.
5	Penghayatan	Murid berkebolehan memberikan justifikasi serta istiqamah terhadap tindakan yang dilakukan dalam kehidupan seharian berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari.
6	Pentabiatan	Murid berkebolehan merumuskan pengetahuan, mengaplikasikan kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam bentuk perubahan tingkah laku serta mempamerkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertaqwa dan boleh dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

Kandungan kurikulum ini digubal untuk memenuhi keperluan setiap Muslim dari segi fardhu ain dan fardhu kifayah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat, bersesuaian dengan peringkat dan keupayaan murid sekolah rendah.<sup>39</sup> Untuk itu,

<sup>38</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, “Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun Lima, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR),” (Putrajaya : Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015): 12.

<sup>39</sup> *Ibid.*, 13.



diharapkan kajian ini dapat menunjukkan sejauh mana tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah rendah sekitar Pekan Subang selain melihat sama ada pengetahuan berkaitan pelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari dijadikan amalan dan tabiat semasa menggunakan internet seterusnya memahami secara tidak langsung hukum dan etika penggunaan internet bagi melihat kaitannya dengan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah secara keseluruhan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- i. Apakah konsep dan gejala penggunaan internet?
- ii. Apakah hukum berkaitan penggunaan internet?
- iii. Adakah pengetahuan hukum dan etika penggunaan internet mempengaruhi tahap penggunaan internet?

#### **1.5 Objektif Kajian**

- i. Menjelaskan konsep dan gejala penggunaan internet.
- ii. Menerangkan hukum berkaitan penggunaan internet.
- iii. Mengenalpasti hubungan pengetahuan pelajar dalam hukum dan etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet.

#### **1.6 Hipotesis Kajian**

- i. Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan internet pelajar lelaki dan tahap penggunaan internet pelajar perempuan.
- ii. Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet.
- iii. Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan mempunyai beberapa kepentingan termasuk kepada pelajar, sekolah, ibu bapa, dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

### i. Kepentingan Kepada Pelajar

Kajian yang dijalankan adalah penting kepada pelajar sekolah rendah kerana kajian ini akan memperkenalkan beberapa hukum penggunaan internet dan etika kepenggunaan internet untuk membantu memberi panduan kepada pelajar menggunakan internet dengan cara yang betul berlandaskan syariat Islam.

### ii. Kepentingan Kepada Sekolah

Penyalahgunaan internet nyata memberi impak yang besar kepada sekolah di mana banyak masalah disiplin pelajar serta kecelaruan akhlak berpunca daripada pengaruh media, terutamanya media internet.<sup>40</sup> Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji berharap dapat memberi dapatan baru kepada pihak sekolah berkaitan tahap penggunaan internet pelajar di samping membentuk pelajar yang lebih berakhlak.

### iii. Kepentingan Kepada Ibu Bapa

Dengan kajian ini juga diharap dapat memberi maklumat kepada ibu bapa bagi menunjukkan tahap penggunaan internet anak-anak. Ini dapat menyedarkan mereka bahawa anak-anak sedang diancam oleh kemajuan teknologi. Oleh itu, diharapkan kajian ini memberi dapatan baru agar ibu bapa pelajar lebih peka dalam menerapkan nilai amalan serta etika menggunakan media sosial dan teknologi lain semasa di rumah.

---

<sup>40</sup> Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah, "Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar Fakulti Pendidikan" (Kajian Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, 2010)

iv. Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (BPI)

Demi mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah untuk membina modal insan kelas pertama dalam pembelajaran abad ke-21, kajian ini memberi satu dapatan baru yang dapat disemak semula oleh kementerian bagi memperkasakan silibus khusus berkaitan adab dan etika kepenggunaan internet dalam mata pelajaran Pendidikan Islam selain mempelbagaikan program bagi mengelak berlakunya gejala ketagihan internet.


### **1.8 Skop Kajian**

Kajian ini pada umumnya adalah untuk mengkaji tahap penggunaan internet dalam kalangan pengguna Muslim. Tumpuan kajian ini adalah kepada pelajar Islam sekolah rendah berusia sepuluh hingga sebelas tahun. Ia adalah kerana pelajar tahun empat dan lima dilihat sebagai generasi muda yang menjadi golongan sasaran dalam menjadi mangsa ketagihan teknologi. Walau bagaimanapun, skop kajian ini dikecilkan dalam hukum asas penggunaan internet yang melibatkan hukum haram dan harus, dosa dan pahala memandangkan responden adalah dalam kalangan pelajar sekolah rendah di mana pemahaman hukum mereka agak terhad.

Kajian ini dijalankan di sekolah sekitar Pekan Subang iaitu Sekolah Kebangsaan Jalan U3 dan Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong. Kajian tertumpu di dua buah sekolah ini yang berada di kawasan yang mempunyai banyak kemudahan internet seperti kafe siber yang boleh didapati hampir di setiap premis perniagaan serta capaian talian internet yang pantas. Bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian, 350 borang soal selidik telah diedarkan bagi mendapat maklum balas responden.

## 1.9 Kerangka Teoritikal Kajian

Rajah 1.1 : Kerangka Teoritikal Kajian



(Model Grundy, 1982)<sup>41</sup>

## 1.10 Sorotan Literatur

### 1.10.1 Kajian berkaitan penggunaan internet

Perkembangan teknologi moden telah memberi impak yang amat besar terhadap kehidupan harian kanak-kanak masa kini hingga usia remaja. Jika 20 tahun lalu, alam

<sup>41</sup> Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin, *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*, (Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd, 2011): 118.

kanak-kanak dipenuhi dengan aktiviti bermain fizikal di luar rumah, bermain layang-layang, teng-teng, berbasikal dan sebagainya, namun kanak-kanak pada abad ke 21 kini telah terdedah kepada penggunaan pelbagai peralatan teknologi seperti televisyen, internet, komputer, telefon pintar serta permainan video. Secara purata, kanak-kanak menghabiskan masa selama lapan jam sehari menggunakan peralatan teknologi tersebut, menyebabkan pertumbuhan kanak-kanak dipengaruhi oleh sumber teknologi di sekeliling mereka.<sup>42</sup>

Pengguna internet dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Dapatan soal selidik SKMM bagi tahun 2018 mendapati sejumlah 87.4% adalah pengguna internet, berbanding 76.9% pada tahun 2016.<sup>43</sup> Dapatan ini menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kalangan pengguna internet Malaysia dalam tempoh dua tahun. Pelbagai peranti elektronik digunakan bagi melayari internet termasuklah telefon pintar, komputer riba, tablet dan sebagainya. Dapatan SKMM bagi tahun 2018 menjelaskan bahawa telefon pintar adalah peranti elektronik utama yang digunakan untuk mengakses internet sama seperti tahun-tahun sebelumnya dengan jumlah peratus tertinggi sebanyak 93.1%. Jumlah ini menunjukkan peningkatan yang tinggi berbanding tahun 2016 an 2017 sebelum ini.

Penggunaan media teknologi menjadi perkara penting masa kini dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknologi internet kini menjadi keperluan kepada pelajar dan pendidik kerana pelbagai konsep pembelajaran atas talian telah diperkenalkan sebagai pemudah cara proses pengajaran dan pembelajaran yang dikenali sebagai *E-Learning*. Penggunaan teknologi amat penting bagi membolehkan negara mencapai sasaran menjadi negara maju bagi menghasilkan modal insan berdaya saing dan berpengetahuan

---

<sup>42</sup> Naquiah Nahar, et al., "Impak Negatif Teknologi Moden dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja," *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Vol.1, (2018): 87.

<sup>43</sup>"Kajian Pengguna Internet 2018," SKMM, diakses pada 12 Januari 2019, <https://www.skmm.gov.my/resources/statistics/internet-users-survey>

tinggi dalam semua bidang kehidupan.<sup>44</sup> Penggunaan media teknologi amat diperlukan oleh pelajar masa kini yang hidup dalam zaman sains dan teknologi dan penggunaan media teknologi juga dapat membentuk pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan pengguna terutama pengguna internet dalam kalangan pelajar.<sup>45</sup>

Media sosial merupakan salah satu cabang dari penggunaan internet. Media sosial bebas digunakan oleh sesiapa sahaja bermula dari perbincangan umum, menyuarakan pendapat dan menyebarkan maklumat kepada seluruh lapisan masyarakat.<sup>46</sup> Kepelbagaian penggunaan media sosial ini mampu mengubah kehidupan seseorang individu sama ada dari segi fizikal, mental, sosial dan tingkah laku. Dalam era teknologi komunikasi dan maklumat, media sosial mempunyai kuasa yang sangat besar. Pelbagai impak daripada kehadiran media sosial ini mula memberikan suasana yang baharu. Media sosial menggantikan pelbagai peranan media lama yang popular pada zamannya. Pelbagai aktiviti sosial boleh diperolehi daripada media sosial ini.<sup>47</sup>

Penggunaan media sosial yang popular seperti *Facebook*, *Youtube*, *Twitter* dan blog sering disalahgunakan untuk menyebarkan perkara yang tidak sah agar ia tular demi mencari keuntungan dan mengejar populariti. Setiap perkara yang disebar di internet perlu diselidik sejauh mana kebenarannya dengan mencari maklumat dari pelbagai sumber. Boleh jadi apa yang dikongsikan adalah tidak benar atau hanya direka oleh pengguna yang tidak bertanggungjawab.<sup>48</sup>

Jaringan internet tanpa sempadan nyata boleh merosakkan kehidupan sosial kanak-kanak, justeru pengurusan dan penggunaan media internet di rumah menuntut

---

<sup>44</sup> Mohd Noorhadi Mohd Yusof dan Zurinah Tahir "Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi dalam Pendidikan IPTA" *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan*, Vol. 12(3), (2017): 4.

<sup>45</sup> Potter, J.W., *Media Literacy*, (New York: Sage, 2013)

<sup>46</sup> Khusnul Hanafi dan Mohd. Helmi Abd. Rahim, "Penggunaan Media Sosial dan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Terbentuknya Gerakan Sosial Oleh Pemimpin Pelajar Universiti di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia," *Journal of Science Social and Humanities*, Vol. 12(2), (2017): 90.

<sup>47</sup> Fan. W.F and Gordon, "The Power of Social Media Analytics," *Journal Communications of the Acm*, 57 (6) (2014): 75.

<sup>48</sup> Hannah Gomez Farias, Ann Paskor and Walter E. Block, "The Social Media Leads to Socialism," *Humanomics*, Vol.31(4), (2015): 387.

kebijaksanaan ibu bapa untuk menanganinya.<sup>49</sup> Kita tidak dapat menghalang kemajuan teknologi, namun terdapat kaedah tertentu yang boleh menjadi panduan kepada ibu bapa, guru dan masyarakat umumnya untuk menangani dan mengurus penggunaan teknologi dalam kalangan kanak-kanak dengan bijak.

### **1.10.2 Kajian berkaitan ketagihan internet**

Ketagihan internet telah mula wujud di Malaysia. Selain Korea, China dan India, Malaysia adalah antara negara Asia yang terkesan dengan perkembangan teknologi. Kajian Sukunesan Sinnapan membincangkan beberapa pendedahan fenomena ketagihan internet yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia.<sup>50</sup> Kajian ini dianggap penting kerana ia merupakan asas bermulanya ketagihan internet di Malaysia semenjak bermulanya era penggunaan internet dan media elektronik.

Hasil kajian beliau mendapati pengguna internet di kafe siber adalah ramai dari golongan lelaki muda yang berpendapatan rendah. Kebanyakan kes, penggunaan internet adalah dipengaruhi oleh rakan sebaya dan pengguna lebih rela mengabaikan aktiviti rekreasi demi melayari internet. Corak penggunaan internet pula lebih tertumpu kepada hiburan, kajian dan komunikasi.

Ketagihan internet boleh mengakibatkan gangguan kognitif, emosi dan tingkah laku. Penyelidik psikologi menjelaskan gangguan kognitif berlaku apabila seseorang kerap memikirkan penggunaan teknologi meskipun mereka tidak menggunakannya. Gangguan tingkah laku pula berlaku apabila individu berusaha mencuri peluang yang ada untuk menggunakan telefon pintarnya.<sup>51</sup> Selain itu juga, kajian Suhaili bt Ariffin memberi gambaran bahawa penggunaan internet berlebihan memberi kesan yang buruk

---

<sup>49</sup> Wan Anita Wan Abas & Azizah Hamzah, "Media dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-kanak," *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, Vol. 15(2), (2013): 27-39.

<sup>50</sup> Sukunesan Sinnapan, "Internet Addiction : An Exploratory Study on Malaysian Internet Users" (Tesis keddoktoran, Universiti Putra Malaysia, 1999): 5.

<sup>51</sup> Christian Montag and Martin Reuter, ed., *The Evolution of Internet Addiction : Neuroscientific Approches and Theraputical Interventions*, (Germany: Springer, 2015), 3-5.

seperti mengganggu kesihatan mental sehingga membawa kepada mendapatkan khidmat kaunseling.<sup>52</sup> Justeru, jika ia berlaku dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan tidak dibendung sejak awal, ketagihan penggunaan internet akan berlaku dan memberi kesan buruk untuk jangka masa yang sangat panjang.

Kebimbangan terhadap ketagihan internet kini tertumpu kepada golongan kanak-kanak. Ini adalah kerana kanak-kanak merupakan individu yang mudah terpengaruh dengan perkara baru termasuklah penggunaan internet melalui peranti elektronik. Young membincangkan mengenai ketagihan internet dalam kalangan kanak-kanak, soal selidik berkaitan penggunaan internet yang dijalankan telah diubah daripada berapa lama seseorang itu berada atas talian kepada berapa umur terawal seseorang kanak-kanak sudah mula melayari internet.<sup>53</sup>

Sikap berlebihan semasa menggunakan internet menyebabkan pengabaian tanggungjawab dalam kalangan pelajar, termasuklah tanggungjawab terhadap diri, keluarga dan pelajaran. Artikel Nandhini dan K. Krishnaveni membincangkan bahawa mereka yang kerap berkomunikasi dengan rakan maya melalui media sosial dan pelbagai aktiviti atas talian yang lain menyebabkan pengguna mengabaikan rutin harian, pelajaran serta hubungan dengan rakan-rakan dan keluarga selain selain mengganggu kesihatan fizikal dan mental.<sup>54</sup>

### **1.10.3 Kajian berkaitan pendidikan akhlak dan etika pelajar**

Pendidikan akhlak dan etika pelajar banyak diterapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bermula sekolah rendah hingga sekolah menengah. Kementerian Pendidikan berhasrat untuk memperkenalkan mata pelajaran berunsurkan nilai dan berharap bahawa

---

<sup>52</sup> Suhaili bt Ariffin "Pengaruh Ketagihan Internet dan Kesihatan Mental ke Atas Sikap Mendapatkan Bantuan Kaunseling, (Tesis master, Universiti Putra Malaysia, 2014): 5.

<sup>53</sup> Mark D. Griffiths, et.al., "The Evolution of Internet addiction: A Global Perspective" *Addictive Behaviors*, Vol.5(3), (2016): 193–195.

<sup>54</sup> C.Nandhini and K. Krishnaveni, "Evaluation of Internet Addiction Disorder Among Students," *Indian Journal of Science and Technology*, Vol.9(19),(2016): 1.



mata pelajaran ini mampu menyemai nilai-nilai moral dan nilai-nilai keagamaan bagi membentuk masyarakat yang harmoni.<sup>55</sup> Hal ini kerana proses pendidikan yang dinyatakan dalam al-Quran dapat membantu dalam perkembangan sesebuah komuniti.<sup>56</sup>

Pelbagai video dan gambar yang dipaparkan di media sosial boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang terutamanya kanak-kanak. Kajian dalam sebuah artikel bertajuk “*Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam di Politeknik Malaysia*” membincangkan penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan dalam negara.<sup>57</sup> Hasil penelitian para pengkaji menunjukkan bahawa paparan media elektronik dan media cetak boleh mempengaruhi tingkah laku golongan remaja yang juga dikategorikan sebagai pelajar.

Walaupun dapatan menunjukkan rancangan yang diminati tidak mempengaruhi penampilan akhlak pelajar, namun ia penting dari aspek statistik kerana terdapat segelintir daripada pelajar mengakui bahawa mereka turut terpengaruh dengan penampilan akhlak negatif hasil daripada rancangan media massa yang ditonton. Di samping itu, dapatan ini juga menunjukkan minat pelajar terhadap bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan, humor, seram dan lucah boleh memberi kesan negatif kepada penampilan akhlak sebagai pelajar.

Kajian bertajuk “*Unsur-Unsur Yang Mempengaruhi Akhlak Remaja: Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Meranti, Pasir Mas, Kelantan.*” turut menjelaskan bahawa media massa dan media elektronik adalah salah satu faktor yang mempengaruhi akhlak remaja atau pelajar ke arah yang positif mahupun negatif.

---

<sup>55</sup> Abd Rahman S. “Faktor Sosial dalam Pembentukan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah” (Kertas Kerja dibentang di Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] di Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, 17-18 September 2013): 478-492.

<sup>56</sup> Mohd Zamrus Mohd Ali & Ratna Roshida Ab Razak, “Metodologi Disiplin Al-Quran dalam Budaya Pembangunan Intelektual: Kajian Terhadap Ilmuwan Andalusia” (Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam di Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim, 8-9 Mac 2012): 489- 496.

<sup>57</sup> Wan Norina Wan Hamat, et al., “Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia” *Journal of Islamic Education* Vol. 1(1), (2013): 12.

Justeru, pengguna internet perlu mengawal penggunaan internet agar terpelihara akhlak dan peribadi.<sup>58</sup>

Hakikat pembangunan akhlak terbina atas dasar “*al-Taqwā*” yang membawa makna berpegang teguh dengan perintah Allah S.W.T serta meninggalkan setiap larangan-Nya. Untuk itu, penerapan nilai etika dalam penggunaan internet mesti diperkembangkan dalam kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam selain penerapan nilai akhlak yang baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar teknologi dapat dimanfaatkan sebaiknya berlandaskan dasar takwa.

#### **1.10.4 Kajian berkaitan hukum dan etika penggunaan internet**

Hukum penggunaan internet berubah mengikut cara dan jenis penggunaannya, jika internet digunakan ke arah kebaikan, mengajak berbuat baik dan menyeru kepada jalan Allah S.W.T maka pengguna akan beroleh pahala amal soleh. Namun, jika internet digunakan ke arah kemaksiatan dan kelalaian maka pengguna akan mendapat dosa dan dimurkai Allah S.W.T. Amini Amir bin Abdullah dalam artikelnya menyenaraikan banyak dalil dari al-Quran yang berkaitan dengan penggunaan internet termasuklah pelbagai hukum dan etika seorang Muslim semasa menggunakan internet.<sup>59</sup>

Antara etika menggunakan internet adalah menggunakan internet dengan tujuan yang baik serta berhati-hati dalam memilih kandungan laman sesawang yang dilayari agar tidak terdorong ke arah kemaksiatan. Kajian Mohd Azul Mohd Salleh dan Nurul Madiha Mohd Ilham membincangkan pengalaman, kesedaran dan pengetahuan pengguna terhadap isu pengawasan ketika menggunakan media sosial.<sup>60</sup> Kajian ini

---

<sup>58</sup> Mohd Nawawi Abd Ghapar, Fakhru Adabi Abdul Kadir dan Nurul Husna Mansor, “Unsur-Unsur Yang Mempengaruhi Akhlak Remaja: Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Meranti, Pasir Mas, Kelantan,” (Kajian penyelidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015): 137.

<sup>59</sup> Amini Amir bin Abdullah, “Etika Digital dan Berinternet Menurut Islam,” *Jurnal Penyelidikan Islam* Vol.25, (2011): 70-80.

<sup>60</sup> Mohd Azul Mohamad Salleh dan Nurul Madiha Mohd Ilham, “Pengalaman dan Kesedaran Pengguna Dewasa Terhadap Isu Pengawasan di Media Sosial,” *Journal of Communication*, Vol.33(1), (2017): 505.

secara tidak langsung memberikan gambaran etika dalam penggunaan media sosial di mana pengguna perlu lebih berhati-hati dalam berkongsi segala maklumat di media sosial. Pengguna juga perlu bijak dalam menggunakan teknologi internet agar ia selari dengan nilai norma dan etika kehidupan seorang Muslim.

Laman pornografi adalah salah satu laman sesawang yang menyebabkan berlakunya banyak kemaksiatan dan pelbagai masalah sosial. Pengguna perlu jelas, faham dan tahu tentang kawalan terhadap permasalahan ini. Sebuah artikel Nor Azah Abdul Aziz menegaskan bahawa melayari laman pornografi jelas haram di sisi Islam. Laman pornografi dan penggunaannya boleh dikawal menerusi penapisan, penguatkuasaan undang-undang serta mengamalkan kod etika dan kerohanian. Bagi mengawal gejala tidak bermoral ini, pengguna perlu bergaul dengan golongan yang mendekati diri kepada Allah S.W.T selain individu itu sendiri sentiasa melakukan perkara makruf atau kebaikan. Jika perbuatan makruf ini telah bertapak di dalam hati pengguna maka mudahlah untuk pengguna mengambil langkah yang lebih jauh dalam menjadi hamba Allah S.W.T yang bertakwa.<sup>61</sup>

Pelbagai undang-undang dan peraturan turut dibangunkan bagi mengatasi permasalahan yang timbul akibat pertumbuhan pesat teknologi internet. Dalam keghairahan melayari internet, pengguna perlu waspada dalam menjaga data peribadi diri selain menjaga aib diri dan orang lain agar tidak dikongsi di media sosial. Ini kerana jenayah siber telah mula menular dalam kalangan pengguna internet di Malaysia. Perkara ini amat membimbangkan kerana ia boleh mencetuskan pergolakan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyentuh sikap, peribadi dan tingkah laku manusia. Jenayah siber atau penyalahgunaan internet berlaku akibat pengguna lupa akan hukum tuhan selain terpengaruh dengan nafsu dan ajakan syaitan. Maka, jika kita

---

<sup>61</sup> Nor Azah Badul Aziz, "Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi," 29.

menjadikan al-Quran sebagai panduan, menghayati, mendalami dan mengamalkan ajarannya, sudah pasti tingkah laku manusia akan lebih terarah, berakhlak dan beretika.<sup>62</sup>

Berdasarkan kajian-kajian lepas tentang penggunaan dan ketagihan internet, pendidikan akhlak serta etika dan hukum penggunaan internet, maka dapat disimpulkan bahawa pengetahuan terhadap hukum dan etika penggunaan internet amat penting dalam menentukan tahap penggunaan internet seseorang. Sepanjang penelitian pengkaji, para pengkaji sebelum ini tidak menyentuh secara langsung perkaitan faktor pengetahuan hukum dan etika terhadap tahap penggunaan internet. Sehubungan dengan itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengisi kelompongan yang ada dengan menghubungkan pengetahuan hukum dan pengetahuan etika penggunaan internet berdasarkan kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari di sekolah. Pemilihan pelajar sekolah rendah dilihat bersesuaian kerana mereka adalah generasi awal yang berisiko untuk ketagih terhadap teknologi internet.

## **1.11 Metodologi Kajian**

### **1.11.1 Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian ditentukan oleh tujuan kajian. Menurut Chua Yan Piaw, pengkaji harus dapat merancang kajiannya dengan menggunakan reka bentuk kajian yang sesuai dengan tujuan kajiannya. Jika reka bentuk kajian yang dijalankan tidak sesuai, hasil kajian yang diperoleh mungkin tidak benar dan dengan ini mendatangkan kesan negatif kepada pengkaji lain yang membuat rujukan hasil kajian tersebut.<sup>63</sup>

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan sebagai kaedah utamanya. Kaedah tinjauan merupakan satu kajian untuk mengumpul data daripada sejumlah unit atau individu dalam sesuatu masa. Dengan ini

---

<sup>62</sup> Tamrin Amboala, et.al., "Undang-Undang Siber dari Perspektif Islam," 126.

<sup>63</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, (Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education, 2011)

data yang diperoleh memberikan satu keputusan yang logik dan pengkaji dapat memperolehi maklumat dan data lebih banyak manakala sampel kajian yang diperoleh akan menunjukkan keseluruhan populasi.<sup>64</sup>

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kajian deskriptif iaitu menggunakan kaedah *survey* (soal selidik-tinjauan) ke atas populasi pelajar Islam tahun empat dan lima dengan borang soal selidik untuk mengenalpasti dan mengkaji tahap penggunaan internet pelajar Islam di Pekan Subang. Kajian deskriptif bertujuan untuk memerihalkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan. Menurut Sidek Mohd Noah reka bentuk deskriptif dijalankan bagi memberikan penerangan yang sistematik dan tepat mengenai fakta yang diperoleh daripada hasil soal selidik.<sup>65</sup>

Kajian yang dijalankan adalah berpandukan kaedah kuantitatif untuk menjawab persoalan kajian dan menguji hipotesis. Kaedah yang dipilih oleh pengkaji ialah kajian tinjauan berbentuk deskriptif dan menggunakan set soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Kajian deskriptif merujuk kepada kaedah statistik untuk menerangkan ciri-ciri satu kumpulan sampel. Selain itu, penyelesaian secara deskriptif dapat memberikan gambaran tentang keadaan sedia ada populasi. Dengan itu, reka bentuk ini amat sesuai untuk digunakan oleh pengkaji kerana ia dapat menerangkan hubungan antara pengetahuan hukum dan etika terhadap tahap penggunaan internet pelajar.

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tinjauan soal selidik untuk menjawab persoalan kajian. Seramai 328 orang responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Islam tahun empat dan tahun lima dari Sekolah Kebangsaan Jalan U3 dan Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong. Instrumen soal selidik yang dibina adalah berpandukan soal selidik Kimberly S.Young<sup>66</sup> dan diperbaharui dengan

---

<sup>64</sup> Sidi Ghazalba, *Pembimbing Latihan Imiah dan Tesis*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1981)

<sup>65</sup> Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori Dan Praktis*, (Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001): 2.

<sup>66</sup> Young, K. S., "Internet Addiction: The Emergence of a New Clinical Disorder," *CyberPsychology and Behavior*, 1(3), (1998): 237-244.

memasukkan kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun empat dan lima yang melibatkan hukum dan etika penggunaan internet. Soal selidik ini telah disahkan oleh panel pakar dalam bidang penyelidikan.

Menurut Noraini, ujian dan set soal selidik adalah merupakan cara yang sering digunakan dalam kajian kuantitatif.<sup>67</sup> Soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel. Selain itu, gerak balas yang diberikan oleh sampel tidak dipengaruhi oleh pengkaji dan sampel bebas menyatakan pendapat sendiri dan menjawab setiap item yang dikemukakan.

### **1.11.2 Populasi dan sampel kajian**

Metode penentuan subjek ini digunakan oleh pengkaji bagi membatasi jumlah bilangan responden yang akan dilibatkan dalam sesebuah kajian. Jumlah populasi yang besar menyukarkan pengkaji untuk memperoleh data dan maklumat daripada seluruh subjek yang dikaji. Bagi memudahkan penyelidik mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada sebahagian populasi, kaedah persampelan digunakan.

Kajian ini menggunakan prosedur persampelan bukan kebarangkalian. Prosedur ini dilaksanakan dengan memilih sampel apabila setiap subjek dalam populasi tidak mempunyai peluang yang sama untuk dipilih menjadi responden kajian. Di bawah prosedur persampelan ini, pengkaji memilih subjek daripada populasi berdasarkan ciri-ciri tertentu. Ini menjadikan subjek-subjek lain yang tidak mempunyai ciri-ciri tersebut tidak berpeluang terpilih sebagai responden. Justeru, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian.<sup>68</sup>

---

<sup>67</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan (edisi kedua)*, (Shah Alam, Selangor: McGraw-Hill Education Malaysia Sdn. Bhd., 2013): 231.

Pengkaji memilih subjek kajian berdasarkan tujuan atau kehendak. Pengkaji memilih responden-responden yang terdiri daripada murid-murid Islam tahun empat dan lima yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi dan latar belakang keluarga. Responden juga dipilih secara campuran antara kelas pertama, kelas pertengahan dan kelas akhir dengan bilangan murid lelaki dan perempuan yang seimbang agar dapat dilihat secara menyeluruh hasil kajian ini.

### **1.11.3 Kaedah pengumpulan data**

Pengumpulan data dan maklumat awal bagi tujuan kajian ini dilakukan oleh pengkaji dengan beberapa cara iaitu penyelidikan kepustakaan dan penyelidikan lapangan. Data-data dalam kajian ini juga diperolehi daripada dokumen bertulis. Ianya sebagai sokongan tambahan bagi menyokong dan menambah bukti serta mengesahkan maklumat yang diperolehi.<sup>69</sup>

#### **i. Kajian Kepustakaan**

Dalam penyelidikan perpustakaan, pengkaji telah menggunakan kaedah dokumentasi berasaskan sumber dokumen atau catatan bertulis yang dapat memberikan pelbagai bentuk keterangan dan maklumat daripada sumber sekunder.<sup>70</sup> Sumber sekunder termasuklah dokumen bertulis yang diperolehi dari kajian lapangan, nota-nota lapangan, artikel, keratan akhbar, buku akademik, tesis ilmiah, kertas persidangan dan laporan kes yang berkaitan kajian. Pengkaji telah mengunjungi beberapa perpustakaan iaitu :

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Awam Tun Raja Uda, Shah Alam


<sup>69</sup> Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016): 460.

<sup>70</sup> Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi (edisi ke 3)*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005): 62-63.

## ii. Kajian Lapangan

Bagi memperoleh maklumat yang terperinci dalam kajian ini, penyelidik menjalankan soal selidik terhadap pelajar di dua buah sekolah terpilih dengan beberapa soalan dalam set soal selidik. Soal selidik ialah instrumen yang selalu digunakan untuk penyelidikan korelasi.<sup>71</sup> Soal selidik dilihat lebih berkesan dalam menyatakan maklumat dan hasil yang ingin dicapai. Ia lebih praktikal kerana jawapan lebih kepada respon sampel itu sendiri tanpa dipengaruhi oleh pengkaji.

Rajah 1.2: Prosedur kajian tinjauan soal selidik



(Model Kurt Lewin, 1948)<sup>72</sup>

Rajah 1.2 menunjukkan prosedur tinjauan soal selidik yang dijalankan berpandukan model Kurt Lewin. Menurut Kurt Lewin, perkara pertama yang perlu dilaksanakan adalah pembangunan soal selidik berpandukan tinjauan literatur dan kajian-kajian lepas.

<sup>71</sup> Noraini Idris, "Penyelidikan dalam Pendidikan," 231

<sup>72</sup> Akhbar Pardi, *Pengantar Penyelidikan Tindakan*, 108.



Seterusnya pengesahan instrumen dilakukan melalui pengesahan panel pakar yang telah dilantik. Selepas instrumen telah disahkan kajian rintis dijalankan terhadap 20 orang pelajar untuk mendapatkan nilai ketekalan dalaman *Alpha Cronbach's* untuk kesahan soal selidik.

Seterusnya, instrumen soal selidik diedarkan kepada 350 orang responden untuk menjawab soalan yang telah dibina. Peringkat kelima input responden dianalisis menggunakan perisian SPSS 2.0 for Windows (*Statistical Packages for The Social Sciences*) dan data dianalisis untuk menjelaskan hipotesis dan persoalan kajian. Peringkat terakhir, adalah membuat laporan hasil dapatan kajian berdasarkan analisis yang telah dijalankan.

Instrumen yang telah dibina terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A: Demografi, Bahagian B: Tahap penggunaan internet, Bahagian C: Pengetahuan tentang hukum dan etika penggunaan internet. Justifikasi konstruk instrumen soal selidik dan sumber adalah seperti jadual 1.2 di bawah:

**Jadual 1.2 : Justifikasi sumber konstruk instrumen soal selidik**

<b>Konstruk</b>	<b>Bil. Item</b>	<b>Sumber</b>
<u>Bahagian B</u> Tahap penggunaan internet	44	<i>Internet Addiction Test</i> (IAT) oleh Dr. Kimberly S.Young (20 soalan)
<u>Bahagian C (i)</u> Pengetahuan hukum penggunaan internet	17	Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zain Pendidikan Islam Tahun 4, DBP, KPM Pendidikan Islam Tahun 5, DBp, KPM
<u>Bahagian C (ii)</u> Pengetahuan etika penggunaan internet	23	Dr Amini Amir bin Abdulllah

Data diambil untuk mengetahui tahap penggunaan internet responden yang terlibat menggunakan 4 skala likert. Pemarkahan dalam menentukan tahap penggunaan internet adalah berdasarkan panduan yang diberikan oleh Kimberly S.Young semasa mengendalikan *Internet Addiction Test (IAT)*<sup>73</sup> menggunakan skala markah 0-5 daripada 20 item soalan dengan skor tertinggi ialah 100. Maka, pengkaji menggunakan skala markah 1-4 daripada 44 item soalan dengan skor tertinggi 176. Tahap penggunaan internet ditentukan dengan panduan empat tahap penskoran yang dilakukan oleh Young. Tahap penggunaan internet adalah seperti jadual di bawah:

**Jadual 1.3 : Skala tahap penggunaan internet**

Skala	Respons	Pemarkahan/Nilai min	Tahap penggunaan
1	Tidak	44-66 (1.00-1.49)	Penggunaan internet normal
2	Jarang-jarang	67-110 (1.50-2.49)	Penggunaan internet normal (berisiko)
3	Kadang-kadang	111-153 (2.50-3.49)	Penggunaan internet berlebihan (ketagih rendah/ sederhana)
4	Selalu	154-176 (3.50-4.00)	Penggunaan internet berlebihan (ketagih sederhana/ tinggi)

Bagi pemilihan sekolah, pengkaji menggunakan prosedur persampelan kelompok. Prosedur ini dilakukan kerana populasi melibatkan kawasan yang luas dan bilangan subjek yang banyak dalam populasi. Pada awalnya, pengkaji memilih secara rawak dengan menggunakan prosedur persampelan rawak berkelompok untuk memilih 2 daripada 7 buah sekolah kebangsaan di sekitar Pekan Subang dalam daerah Petaling Perdana yang mempunyai ciri-ciri sekolah dalam kawasan sosioekonomi yang rendah, sederhana dan tinggi. Seterusnya, pengkaji memilih sampel secara rawak berkelompok

<sup>73</sup> Young K.S, "Internet Addiction Test, (IAT)," Center for Internet Addiction Recovery, diakses pada 20 Januari 2018, [www.netaddiction.com](http://www.netaddiction.com).

seramai 175 orang yang terdiri daripada pelajar beragama Islam tahun 4 dan 5 daripada kedua-dua buah sekolah. Disebabkan persampelan rawak dijalankan sebanyak dua kali, prosedur ini merupakan prosedur persampelan kelompok dua tingkat.<sup>74</sup>

Pemilihan Sekolah Kebangsaan Jalan U3 adalah kerana ia merupakan sekolah pinggir bandar di mana pelajarinya terdiri daripada keluarga yang memiliki sosioekonomi yang rendah dan sederhana di samping kawasan sekolah yang berhampiran dengan banyak kafe siber. Manakala pemilihan Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong pula adalah kerana kebanyakan pelajar berada dalam kelompok sosioekonomi keluarga yang kaya dan sederhana. Pemilihan bilangan sampel adalah berdasarkan jadual Krejcie & Morgan, jika populasi keseluruhan adalah seramai 1300, maka bilangan sampel adalah 297 responden.<sup>75</sup> Sehubungan itu pengkaji telah memilih seramai 350 pelajar, iaitu lebih dari jumlah populasi bagi mendapatkan hasil dapatan yang lebih tepat.

**Jadual 1.4 : Populasi dan sampel kajian**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Sekolah</b>	<b>Tahun 4</b>	<b>Tahun 5</b>	<b>Bil. Populasi</b>	<b>Bil. Sampel</b>
1.	SK Jalan U3	255	278	533	175
2.	SK Bukit Jelutong	328	352	680	175
	<b>Jumlah</b>			1213	350

### **iii. Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis bagi menentukan kesahan dan mengenalpasti kekurangan dalam instrumen kajian. Ia juga bagi memastikan responden memahami soalan yang diajukan. Pengkaji telah

<sup>74</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Kaedah Penyelidikan*, (Malaysia : McGraw-Hill, 2006) : 196-197.

<sup>75</sup> Robert V. Krejcie and Daryle W. Morgan, "Determining Sample Size for Research Activities", *Educational and Psychological Measurement*, Vol.30(3), (1970): 607-610.

menjalankan kajian rintis terhadap 20 orang responden yang memiliki ciri yang sama untuk sampel kajian sebenar.

Responden kajian rintis adalah sebahagian daripada murid yang terlibat dalam kajian sebenar dijalankan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Glesne dan Peshkin bahawa secara idealnya responden kajian rintis diperolehi daripada responden sasaran kajian.<sup>76</sup> Data yang diperolehi daripada kajian rintis ini dapat menentukan kesahan instrumen kajian melalui perisian SPSS untuk mengukur nilai *alpha cronbach*. Nilai *Alpha Cronbach* dengan nilai 0.6 dan ke atas dianggap sah dan boleh diterima pakai.

**Jadual 1.5 : Ketekalan dalaman instrumen soal selidik (*Alpha Cronbach's*)**

<b>Instrumen</b>	<b>Jumlah Item</b>	<b>Nilai <i>Alpha Cronbach's</i></b>
Kesemua Item	84	0.778
Bahagian B Tahap Penggunaan Internet	44	0.792
Bahagian C (i) Pengetahuan Hukum Penggunaan Internet	17	0.619
Bahagian C (ii) Pengetahuan Etika Penggunaan Internet	23	0.865

#### **1.11.4 Kaedah analisis data**

Apabila data-data yang diperlukan telah terkumpul melalui kaedah-kaedah yang digunakan, maka pengkaji membuat olahan serta rumusan dan menganalisisnya menggunakan metode analisis data.

##### **i. Metode induktif**

Metode induktif ialah satu cara penganalisan data melalui pola berfikir yang mencari bukti dari perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada bukti yang bersifat umum. Metode ini diaplikasikan dalam bab dua bagi menjelaskan konsep

<sup>76</sup> Glesne, C. & Peshkin, A., *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction*.(New York: Longman,1992)

penggunaan internet bermula dari definisi internet dan sejarah permulaan penggunaan internet secara khusus. Seterusnya perbincangan dilanjutkan ke arah maklumat yang lebih umum berkaitan pembahagian penggunaan internet yang terdiri daripada penggunaan laman sesawang, media sosial serta permainan atas talian yang dibincangkan secara terperinci. Dalam bab ini juga dijelaskan serba sedikit kebaikan dan keburukan penggunaan internet, gejala penggunaan internet dan faktor- faktor yang mempengaruhi peningkatan penggunaan internet

## **ii. Metode deduktif**

Metode deduktif digunakan untuk menganalisis dan melakukan kajian bagi membuat kesimpulan secara khusus. Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam bab tiga untuk merumuskan hukum penggunaan internet dari perspektif al-Quran, hadis dan kaedah fiqh serta perbincangan etika dalam penggunaan internet.

Pengkaji menggunakan metode ini dengan menjelaskan lima hukum utama dalam Islam. Iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Daripada kelima-lima hukum tersebut pengkaji membincangkan penjelasan secara khusus berkaitan kepenggunaan internet yang melibatkan kelima-lima hukum tersebut dengan bersandarkan kepada ayat al-Quran, hadis, kaedah fiqh dan pandangan ulama.

Metode yang sama digunakan bagi menjelaskan etika penggunaan internet yang disenaraikan oleh pengkaji iaitu penggunaan berpandukan ilmu, penggunaan berdisiplin, penggunaan berhemat dan penggunaan bertujuan. Daripada ciri umum tersebut, pengkaji menjelaskan ciri-ciri khusus penggunaan internet yang beretika dan berakhlak.

### iii. Analisis kandungan

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis kandungan kurikulum Pendidikan Islam Tahun 4 dan 5 bagi melihat perkaitannya dengan pengetahuan dan pengamalan pelajar terhadap hukum dan etika dalam penggunaan internet. Analisis dilakukan terhadap sub-topik yang bersesuaian dengan kehendak kajian.

### iv. Analisis deskriptif

Analisis dilakukan menggunakan perisian SPSS 22.0 *for Windows (Statistical Packages for The Social Sciences)*. Analisis menggunakan metode deskriptif secara peratusan dan interpretasi min. Selepas peringkat pengedaran borang soal selidik kepada responden, data-data dan maklumat-maklumat dicerap dan dianalisis. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan di antara hukum dan etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar. Dengan itu, nilai  $r$  merupakan penanda aras kepada kekuatan hubungan yang ditunjukkan berdasarkan analisis korelasi Pearson yang dijalankan.

### v. Analisis statistik inferensi

Statistik Inferensi membolehkan ramalan mengenai ciri-ciri populasi dibuat berdasarkan maklumat dari sesuatu sampel kajian. Analisa Regresi Berganda (*Multiple Regression*) digunakan untuk menentukan persamaan yang paling berpadanan dengan merangkumi beberapa pemboleh ubah tak bersandar untuk menerangkan variasi pemboleh ubah bersandar.<sup>77</sup>

Walaupun pekali korelasi „ $r$ “ menandakan kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah, namun ia tidak memberi maklumat setakat mana varians sesuatu pemboleh ubah bersandar dapat diterangkan oleh beberapa pemboleh ubah tidak

---

<sup>77</sup> Agresti Alan and Barbara Finlay, *Statistical Methods for the Social Sciences*, Fourth Edition. (New Jersey : Upper Saddle River, Prentice-Hall, Inc., 2009)

bersandar yang mendasarinya. Oleh itu, kaedah regrasi berganda perlu digunakan untuk menentukan faktor-faktor yang paling mempengaruhi sesuatu pemboleh ubah.

Pada amnya, hasil analisa regrasi berganda bagi kajian ini membantu kita memahami varians tahap penggunaan internet yang dapat diterangkan oleh item-item pengetahuan hukum dan etika penggunaan internet. Akhirnya, satu model yang paling berpadanan diperolehi daripada analisa regresi berganda secara *backward elimination* untuk mengenalpasti pemboleh ubah tak bersandar yang paling baik dalam menerangkan sebahagian besar daripada variasi tahap penggunaan internet pelajar.<sup>78</sup>

Pada dasarnya, proses *backward elimination* bermula dengan melibatkan semua pemboleh ubah tidak bersandar yang dijangka boleh meramalkan tahap penggunaan internet pelajar. Seterusnya, satu demi satu pemboleh ubah tak bersandar yang kurang menyumbang akan dihapuskan dalam model regrasi berganda hingga pemboleh ubah yang dapat menerangkan variasi tahap penggunaan internet secara signifikan yang kekal dalam model.<sup>79</sup>

**Jadual 1.6: Kaedah analisis data**

Hipotesis kajian	Kaedah analisis data
i. Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet.	Ujian regrasi berganda
ii. Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet.	Ujian regrasi berganda

<sup>78</sup> *Ibid.*,74

<sup>79</sup> *Ibid.*,

## 1.12 Sistematika Kajian

Kajian ini mengandungi lima bab keseluruhannya. Bab pertama adalah pengenalan berkenaan teknologi maklumat dan perkembangan jaringan internet. Bab pertama juga membincangkan latar belakang masalah kajian dan pernyataan masalah kajian. Selain itu, bab pertama juga membincangkan persoalan, objektif, hipotesis, kepentingan dan skop kajian. Kerangka teoritikal kajian dibina bagi memahami gambaran awal kajian.

Bab kedua adalah perbincangan berkenaan konsep penggunaan internet. Bab ini membincangkan definisi internet, jenis-jenis penggunaan internet, gejala penggunaan internet dalam kalangan pelajar, yang terdiri daripada gejala fizikal, gejala mental dan tingkah laku, gejala emosi dan gejala sosial. Di akhir bab ini pengkaji membincangkan faktor peningkatan penggunaan internet yang melibatkan faktor fizikal, faktor sosial, faktor emosi dan faktor agama.

Bab ketiga pula memfokuskan berkenaan hukum-hukum berkaitan penggunaan internet menurut perspektif Islam yang terbahagi kepada lima iaitu hukum wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Selain itu, bab ini turut membincangkan etika penggunaan internet iaitu penggunaan berpandukan ilmu, penggunaan berhemah, penggunaan berdisiplin dan penggunaan bertujuan.

Bab keempat membincangkan analisis data hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan. Bab kelima adalah rumusan hasil kajian secara keseluruhan. Selain memberi pandangan penambahbaikan untuk kajian akan datang dalam masalah berkaitan kepenggunaan internet. Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kandungan kurikulum yang dipelajari perlu dijadikan tabiat dalam kehidupan pelajar agar dapat mengawal penggunaan internet yang semakin hari semakin menunjukkan kesan negatif kepada kehidupan sosial masyarakat.



## BAB 2: KONSEP PENGGUNAAN INTERNET

### 2.1 Pengenalan

Internet mula dibangunkan pada akhir 1960 oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat semasa konflik nuklear. Pada awalnya ia dikenali sebagai *Advanced Research Projects Agency* (ARPA) atau ARPANET. Bermula tahun 1983 ARPANET mula dikenali sebagai internet. Internet merupakan suatu perkara yang unik di antara media massa.<sup>80</sup> Tahun 1993 dikatakan sebagai titik permulaan internet menular hampir ke semua bidang kehidupan. Pada tahun tersebut internet dibuka kepada sektor swasta dan perindustrian. Walau bagaimanapun, terdapat kandungan di laman-laman yang dibangunkan kurang sesuai digunakan oleh sesetengah pengguna kerana berlainan budaya dan nilai kemanusiaan selain tidak menepati syariat Islam.<sup>81</sup>

Perkembangan teknologi membuatkan generasi muda kini berada dalam persekitaran yang kaya dengan maklumat yang berasaskan penggunaan digital moden sebagai alat komunikasi dan perkembangannya ternyata di luar kotak fikiran kita.<sup>82</sup> Generasi muda kini lebih suka mendapatkan maklumat melalui internet berbanding membaca buku, surat khabar, mendengar syarahan atau kuliah.<sup>83</sup> Kandungan bab dua ini akan membincangkan konsep penggunaan internet dan jenis penggunaannya, gejala penggunaan internet dan faktor peningkatan penggunaan internet.

---

<sup>80</sup> Kraidy, M., "The Internet as a Mass Communication Medium," *Journalism and Mass Communication*, (2008): 2.

<sup>81</sup> Aina Sabariah Md. Isa dan Huzaimah Hj Ismail, "Media Sosial Sebagai Medium Terkini Pembentukan Akhlak dalam Kalangan Pelajar," (1st International Islamic Heritage Conference, 2015): 571-579

<sup>82</sup> *Ibid.*,

<sup>83</sup> Ahmad Zamzuri Mohamad Ali, ed., *Pembelajaran Berasaskan Web: Isu dan Trend*, (Tanjong Malim, Perak : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012)

## 2.2 Konsep Penggunaan Internet

Secara asasnya, istilah kepenggunaan berasal daripada kata kerja guna, iaitu bermakna manfaat, faedah; 2. peranan, fungsi; 3. untuk, bagi; 4. budi baik, kebaikan. Manakala kepenggunaan dihuraikan sebagai segala hal mengenai pengguna.<sup>84</sup> Internet pula adalah singkatan dari *Interconnection Networking*. Ia juga merupakan sebuah jaringan global yang mempunyai hubungan lebih dari satu pengguna komputer dengan pelbagai jenis peranti elektronik yang mencakupi sistem jaringan seluruh dunia bagi menyampaikan maklumat dan berkomunikasi. Internet merupakan satu sistem hubungan operasi komunikasi (telefon dan satelit) yang menggunakan protokol standard dalam berkomunikasi iaitu protokol TCP/IP.<sup>85</sup>

Internet hari ini telah melangkaui sempadan budaya dan geografi dengan kemudahannya diakses bukan sahaja dengan komputer, tetapi juga telefon pintar dan juga jam tangan dengan alat-alat berteknologi tinggi yang lebih canggih dengan kemudahan internet yang diperkenalkan kepada dunia tanpa henti. Kini, adalah menjadi perkara yang biasa dilihat apabila kanak-kanak dan remaja yang datang dari pelbagai latar belakang sosioekonomi menggunakan atau memiliki peranti digital peribadi seperti telefon pintar, tablet atau komputer riba untuk mengakses internet.<sup>86</sup>

Terdahulu Horrigan telah menggolongkan aktiviti-aktiviti kepenggunaan internet kepada empat bahagian penting iaitu: a) Mel Elektronik (*E-mail*), b) aktiviti kesenangan yang bersifat hiburan seperti mendengar, menonton atau memuat turun muzik dan video, permainan atas talian, pesanan ringkas pada media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Yahoo Messengers*, dan sebagainya. c) mencari maklumat, dan d) aktiviti

---

<sup>84</sup> Noresah Baharum, ed., *Kamus Dewan* (edisi ke-5) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

<sup>85</sup> Setiadi, J. A. dan Ulum, B., *Teknologi Informasi dan Komunikasi*. (Jakarta: Pusat Perbukuan Kementerian Pendidikan Nasional, 2010)

<sup>86</sup> Pabasari Ginige, "Internet Addiction Disorder, Mental and Behavioural Disorders and Diseases of the Nervous System," *Child and Adolescent Mental Health*, (2017) : 2.

perniagaan. Kini penggunaan internet telah dipelbagaikan mengikut keperluan dan kehendak semasa.<sup>87</sup>

Bermula daripada empat asas aktiviti internet tersebut, penggunaannya dipelbagaikan seiring kemajuan teknologi, berkembang menurut keperluan, keinginan dan nafsu pengguna internet yang bersifat *tolerance*. Daripada kenyataan Hoorigan, pengkaji menjelaskan secara khusus tiga jenis aktiviti penggunaan internet masa kini yang dilakukan oleh pengguna secara kerap:

### **2.2.1 Media sosial**

Media Sosial didefinisikan mengikut bahagian, i) Media bermaksud alat komunikasi seperti jaringan internet sepertimana alat komunikasi terdahulu seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah, buku dan pelbagai lagi alat komunikasi tradisional. ii) Sosial pula merujuk kepada interaksi dua hala atau sesama orang lain dengan berkongsi maklumat atau menerima maklumat daripada mereka.<sup>88</sup>

Menurut Leonard media sosial mempunyai sifat yang lebih bervariasi dan interaktif jika dibandingkan dengan media tradisional seperti radio, televisyen dan surat khabar. Melalui media sosial, kita dapat berinteraksi dengan orang lain secara langsung. Media sosial merupakan saluran komunikasi digital yang mana para pengguna boleh berkongsi maklumat, berinteraksi dengan pantas, berkomunikasi dua hala serta mampu menghantar maklumat kepada orang ramai dengan segera.<sup>89</sup>

Antara fungsi media sosial termasuklah sebagai pemudahcara, membantu berkomunikasi dengan rakan, keluarga mahupun rakan sekerja yang jauh dan yang dekat. Ia juga pemudahcara dalam kehidupan seperti pembayaran bil, urusan kewangan

---

<sup>87</sup> Afgani. Y et.al., "Penyalahgunaan Aktiviti Internet dan Ketagihan WhatsApp: Suatu Analisa Konseptual", (Kertas Kerja dibentangkan di Proceeding of International Conference on Addiction Science : Holistic Approach on the Misuse and Addiction Management, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 8-9 June 2015) : 1-5

<sup>88</sup> *Ibid.*, 17

<sup>89</sup> Leonard. A.P.S., "Penggunaan Media Sosial Sebagai Eksistensi Diri: Studi Deskriptif Kualitatif Penggunaan Media Sosial Untuk Eksistensi Diri Pada Mahasiswa Fisip UNS Tahun Ajaran 2015/2016" (Tesis Sarjana Universitas Sebelas Maret Surakarta, 2016)

atas talian, pendaftaran pelajar dan sebagainya. Media sosial juga sebagai medium perantara menyambungkan idea-idea dan maklumat antara individu dengan individu yang lain, sama ada dalam bentuk tulisan, audio mahupun video.<sup>90</sup>

Media sosial juga digunakan untuk mencapai matlamat iaitu memperoleh apa yang diinginkan termasuk mencari maklumat pembelajaran. Media sosial juga membolehkan manusia berinteraksi dan berkongsi maklumat.<sup>91</sup> Antara contoh media sosial yang popular dalam kalangan pengguna internet Malaysia termasuklah *WhatsApp, Wechat, Telegram, Facebook, Twitter, Instagram* dan *Youtube*. Secara purata, pengguna internet di Malaysia menghabiskan masa selama 4 jam sehari untuk melayari media sosial atau laman sosial.<sup>92</sup>

### 2.2.2 Laman sesawang (*Website*)

Laman sesawang atau lebih dikenali sebagai *web* merupakan perkhidmatan internet yang paling popular. Laman sesawang merupakan satu perkhidmatan yang mengumpulkan maklumat. Lazimnya ia mempunyai pautan (*hyperlinks*) berbentuk teks, imej grafik, audio dan video. Setiap halaman sesawang mempunyai alamat yang disebut sebagai *Uniform Resource Locator (URL)*.<sup>93</sup>

Kini banyak laman pembelajaran di bangukan di Malaysia demi menyahut seruan kerajaan yang memperkenalkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) di mana proses pengajaran dan pembelajaran harus diselitkan dengan penggunaan teknologi agar memberi impak yang lebih kepada keberhasilan prestasi pelajar. Antara contoh laman pembelajaran termasuklah *Skor A, Tutor Tv, VLE-Frog* dan lain-lain.

---

<sup>90</sup> Ziani. A.K., "Using Social Media in the Bahraini 2014 Elections :A Study on a Sample of Young People," *Journal New Media and Mass Communication* 37 (2015): 25-37.

<sup>91</sup> Ika Destiana, "Penerimaan Media Sosial," 135.

<sup>92</sup> O'keffe, G. S and Pearson, K. C., "The Impact of Social media on Children, Adolescent and Families. (Clinical Report, American Academy of Pediatrics,2014): 800-804.

<sup>93</sup> Maizatul Hayati Mohamad Yatim, Mohd Nazri Md. Saad, dan Roznim Mohamad Rasli, ed., *Teknologi Maklumat Sekolah Rendah (KRT3013)*, (Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2011)

Dengan penggunaan laman pembelajaran ini para pelajar banyak menghabiskan masa menjawab kuiz, menonton pelbagai video eksperimen, dan juga membaca nota pelajaran secara atas talian. Penggunaan laman sesawang secara berfaedah ini amat baik dan memberi hasil positif kepada pelajar seperti menggalakkan inkuiri dan eksplorasi yang biasanya berkaitan dengan pembelajaran pemikiran tahap tinggi (*highorder thinking skills*).<sup>94</sup>

### 2.2.3 Permainan atas talian (*Online Game*).

Menurut Kerr dan Ivory “*Today, games in mobile devices are seriously challenging the PC and console gaming..*”.<sup>95</sup> Pelbagai aplikasi permainan atas talian tanpa wayar ternyata telah mencabar penggunaan aplikasi seperti komputer dan sebagainya. Ia memberi satu hiburan dan keseronokan yang berbeza dan berganda kepada penggunanya. Seperti yang dinyatakan oleh Marchand dan Hennig-Thurau “*Many games offer benefits by enabling consumers to play over the internet with other consumers they know, either personally or as part of the gaming community*”.<sup>96</sup>

Mereka bukan sahaja dapat bermain sendiri malah dapat bermain dengan pengguna yang lain dalam sebuah komuniti permainan secara dua hala. Kehebatan grafik permainan yang dibangunkan seperti permainan ‘*Dota 2*’, ‘*World of Warcraft*’, ‘*Clash of clans*’, ‘*Elder Scrolls Online*’ adalah antara permainan video yang menjadi kegemaran pengguna internet yang menggemari permainan atas talian.

Jika dipandang dari sudut positif, permainan atas talian ini membantu kanak-kanak untuk lebih fokus dalam melakukan sesuatu perkara. Terdapat permainan yang memerlukan si pemain menggunakan otak dan daya tumpuan yang tinggi kepada

---

<sup>94</sup> Manfred Thuring, Jorg Mannemann, and Jorg M.Haake, “Hypermedia and cognition: Designing for comprehension,” *Communications of the ACM* Vol.38(3), (1995): 57

<sup>95</sup> Kerr, A., and Ivory, J. D., “Online Games,” (The International Encyclopedia of Digital Communication and Society, 2015)

<sup>96</sup> Marchand, A., and Hennig-Thurau, T., “Value Creation in the Video Game Industry: Industry Economics, Consumer Benefits, and Research Opportunities,” *Journal of Interactive marketing* Vol.27(3), (2013):143.

permainan. Secara tidak langsung ia membantu membina kemahiran psikomotor mereka. Ia juga memberi kesan yang sangat baik pada kemahiran spatial kanak-kanak.<sup>97</sup>

Walau bagaimanapun, penggunaan internet yang berlebihan dan tidak terkawal dari aspek kawalan masa dan had carian boleh mendatangkan keburukan dan kesan negatif terhadap penggunaannya. Antara kesan negatif penggunaan internet adalah pembaziran masa. Ini kerana masa yang ada banyak dihabiskan dengan berkomunikasi dengan rakan melalui media sosial, selain mengabaikan tugas harian. Malah penyelidikan yang dilakukan Elder menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna menghabiskan sejumlah masa harian mereka di laman sosial bagi tujuan berseimbang atau melakukan sesuatu yang berbeza dengan sahabat di samping bermain permainan atas talian bagi mengekalkan hubungan sosial.<sup>98</sup>

Antara kesan negatif penggunaan internet yang melibatkan permainan atas talian adalah ia seumpama mengajar kanak-kanak bahawa kesilapan itu sebagai perkara biasa dan tidak perlu dibimbangkan. Mereka yang bermain permainan atas talian ini hidup di dalam dunia mereka sendiri tanpa menghiraukan orang sekeliling selain lalai menjalankan tanggungjawab seperti belajar, beribadah, makan, minum, menjaga kebersihan diri dan lain-lain.<sup>99</sup>

Akhir sekali, kesan negatif akibat berlebihan dalam penggunaan internet boleh membawa kepada sikap menipu ibu bapa dan guru kerana tidak mahu ibu bapa atau guru mengetahui apa yang mereka lakukan, mereka cenderung untuk berbohong dan menafikan perbuatan mereka semasa melayari internet.<sup>100</sup> Jelas bahawa penggunaan internet turut memberi impak yang negatif walaupun pada asalnya ia merupakan medium maklumat yang baik dan bermanfaat.

---

<sup>97</sup> *Ibid.*,150

<sup>98</sup> Elder, A., "Excellent Online Friendship: An Aristotelian Defense of Social Media," *Journal of Ethic Information and Technology*, Vol.16, (2014): 287-297

<sup>99</sup> Hassan, J., Rashid, R. A., dan Shahrina, R., "Ketagihan Penggunaan Internet di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bahru," *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Vol.6, (2014): 23-43.

<sup>100</sup> Nandhini, "Evaluation of Internet Addiction Disorder Among Students," 2.

Oleh kerana itu, jika penggunaannya tidak disertakan dengan etika dan amalan yang baik, pengguna akan cenderung untuk berlebihan dalam penggunaan internet dan menggunakan internet untuk perkara yang dilarang dan tidak berfaedah. Sikap ini akan membawa pengguna kepada gejala ketagihan internet.

## **2.3 Gejala Penggunaan Internet Berlebihan**

Internet merupakan satu teknologi yang memberi kebaikan dalam kalangan masyarakat maju yang kini lebih dikenali sebagai masyarakat abad 21. Walau bagaimanapun, terdapat kesan negatif dalam pelaksanaannya. Mereka yang berlebihan dalam penggunaan internet tidak kira dewasa, remaja atau kanak-kanak akan terkesan dari segi fizikal, mental, tingkah laku, emosi dan sosial.

### **2.3.1 Gejala fizikal**

Antara gejala fizikal yang dapat dirasakan oleh pengguna internet termasuklah badan mereka akan berasa lemah dan lesu akibat kurang tidur dan rehat, pengguna juga akan berasa sakit dan lenguh pada bahagian sendi tangan kerana terlalu lama memegang gajet seperti telefon pintar, tablet ataupun *i-pad*. Selain mengalami lenguh pada sendi tangan, leher dan bahu juga akan berasa tegang akibat kedudukan gajet tidak selaras dengan kedudukan mata terutamanya semasa bermain *game*.<sup>101</sup>

Pengguna juga akan mengalami sakit-sakit badan, pinggang dan tulang belakang kerana berada dalam posisi sama dalam jangka masa yang panjang. Menurut Perunding Pakar Mata dan Bedah Okuloplastik Hospital Pakar KPJ Klang, Dr Zurina Zainal Abidin, lebih membahayakan apabila berlebihan dalam penggunaan internet ini mengakibatkan penyakit mata di mana mata menjadi kering, pedih dan kadangkala menjadi kemerah-merahan akibat menghadap skrin komputer atau telefon pintar dalam

---

<sup>101</sup> Joan-Carles Surís, et al., "Is Internet Use Unhealthy? A Cross-sectional Study of Adolescent Internet Overuse" *The European Journal of Medical Science, Swiss Med Wkly* (2014):1-7.

tempoh yang lama sehingga boleh menyebabkan rabun.<sup>102</sup> Penggunaan peranti elektronik secara berlebihan dalam jangka masa yang panjang dapat menjejaskan kualiti penglihatan.<sup>103</sup>

Selain itu, mereka yang menggunakan internet secara berlebihan mudah mengalami sakit kepala ataupun migrain akibat menghadap cahaya skrin yang terang dalam jangka masa yang lama tanpa rehat. Seterusnya berlaku perubahan dalam serebrum (otak) atau ada kaitan dengan saraf dan neurologi serta lebih buruk lagi penggunaan internet berlebihan ini menyebabkan penurunan tahap kognitif seseorang.<sup>104</sup> Gejala fizikal juga dapat dilihat apabila seseorang berada dalam keadaan tidak terurus akibat tidak menjaga kebersihan diri kerana tidak mahu meninggalkan peranti elektronik dan akses internet.

### **2.3.2 Gejala mental / sikap dan tingkah laku**

Antara gejala mental, sikap dan tingkah laku pengguna internet termasuklah mempunyai sikap bela diri,<sup>105</sup> di mana mereka merasakan bahawa melayari internet secara berlebihan itu bukan satu kesalahan. Mereka juga tidak membenarkan orang lain termasuk ahli keluarga sendiri untuk menggunakan peranti elektronik mereka termasuk komputer mahupun telefon pintar kerana tidak mahu diganggu atau merahsiakan aktiviti atas talian mereka.

Perkara ini nampak remeh, namun jika dibiarkan ia akan membawa padah. Gejala tingkah laku yang lain ialah mereka berasa hilang semangat dan malas untuk melaksanakan tugas harian seperti mengemas tempat tidur, menyiapkan kerja sekolah, membantu ibu bapa di rumah dan sebagainya. Gejala ini mungkin jarang

---

<sup>102</sup> Siti Zarinah Sahib, "Latihan Mata Kurang Kesan Buruk" MyMetro, diakses pada 7 November 2017, <http://www.hmetro.com.my/node/56472>

<sup>103</sup> Bogdănici Camelia Margareta, et al., "Eyesight Quality and Computer Vision Syndrome" *Romanian Journal of Ophthalmology*, Vol.61(2), (2017): 112-116

<sup>104</sup> Jorgenson, A. G., Hsiao, R. C. J., and Yen, C. F., "Internet Addiction and Other Behavioral Addictions," *Child and Adolescent Psychiatric Clinics of North America*, Vol.25(3), (2016): 509-520.

<sup>105</sup> C. Nandhini, K. Krishnaveni "Evaluation of Internet Addiction Disorder Among Students," 11.



terjadi dalam kalangan kanak-kanak, namun jika ianya terjadi, ternyata mereka adalah pengguna internet tegar. Pengguna internet juga sanggup berhabis duit semata-mata ingin mendapatkan akses internet yang pantas selain menghabiskan duit dengan pergi ke pusat-pusat siber yang menawarkan akses internet dengan kelajuan yang tinggi.<sup>106</sup>

Kebanyakan pengguna internet sedar akan gejala dari segi fizikal yang mereka alami kerana ia melibatkan tubuh badan mereka sendiri, namun gejala mental tidak mudah dikesan oleh individu itu sendiri, melainkan ia dilihat dan dirasai oleh orang sekeliling mereka seperti ahli keluarga, ibu bapa, adik beradik dan rakan-rakan. Sebahagian mereka sedar akan perubahan diri namun besar kemungkinan juga mereka tidak sedar perubahan pada sikap tersebut merupakan gejala mental yang terjadi akibat kemaruk akan internet.<sup>107</sup>

### **2.3.3 Gejala sosial**

Antara gejala sosial yang berlaku dalam kalangan pengguna internet ialah pelajar akan cenderung menjadi antisosial, lebih suka melakukan aktiviti di rumah menghadap komputer, atau telefon pintar berkomunikasi secara maya berbanding keluar melakukan aktiviti luar, bermain bersama rakan-rakan mencuba permainan baru yang melibatkan pergaulan realistik.<sup>108</sup>

Pengguna internet juga cenderung untuk bersikap introvert, tidak pandai bergaul dengan masyarakat sekeliling seperti jiran dan keluarga yang datang menziarah. Seterusnya, pengguna internet akan berasa sunyi dan seolah-olah mereka bersendirian jika tidak memperoleh akses internet, walau hakikatnya mereka duduk dalam kelompok

---

<sup>106</sup> Hayat Boz and Mehmet Emin Aksoy, "The Internet Usage Profiles of Adults" *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol.28, (2011): 596 – 600.

<sup>107</sup> Scott E. Caplan and Andrew C. High, "Online Social Interaction, Psychosocial Well-Being, and Problematic Internet Use" in *Internet Addiction A Handbook Guide Evaluation and Treatment*, (New Jersey, Canada : John Wiley & Sons, Inc., 2011)

<sup>108</sup> RAJ, Aliffatullah Alyu dan Siti Nurina Hakim, "Perilaku Kecanduan Internet Terhadap Interaksi Sosial Pada Remaja di Lingkungan Kos," (Tesis Master, Universitas Muhammadiyah Surakarta, 2017)

yang ramai.<sup>109</sup> Mereka telah terbiasa berkomunikasi dengan rakan di alam maya, bermain bersama rakan maya, sehinggakan mereka menjadi anti-sosial, tidak pandai bergaul dengan orang sekeliling.

Bertitik tolak dari menjadi antisosial, mereka ini akan menjadi individu yang tidak percayakan orang sekeliling. Mereka lebih percaya kepada rakan di laman sosial berbanding orang lain. Perkara inilah yang menjadi penyebab sehingga berlakunya penipuan wang, pencabulan dan sebagainya.<sup>110</sup> Pengguna juga hilang kepekaan terhadap masa. Mereka melayari internet, atau bermain atas talian hingga tidak terasa masa berlalu dengan pantas.

#### 2.3.4 Gejala emosi

Antara gejala emosi yang dirasakan atau ditunjukkan oleh pengguna internet ialah perasaan serba salah kerana telah menghabiskan banyak masa melayari internet sehingga mengabaikan tugas harian, keluarga, kerja dan kehidupan. Pengguna juga sentiasa berasa cemas, gemuruh dan kemurungan kerana mereka telah menyalahgunakan kemudahan internet.<sup>111</sup>

Selain itu, mereka akan menjadi mudah marah jika akses internet dihentikan semasa tempoh penggunaan internet.<sup>112</sup> Pengguna internet juga akan mengalami satu perasaan yang sangat gembira dan teruja jika dapat melayari internet,<sup>113</sup> lebih-lebih lagi dengan akses internet yang pantas sehingga mengabaikan makan, minum, kebersihan diri, ibadah dan sebagainya. Perkara ini amat membimbangkan kerana ia bukan sahaja berlaku dalam kalangan orang dewasa malah kanak-kanak turut terkena tempiasnya.

---

<sup>109</sup> Janet Morahan-Martin and Phyllis Schumacher "Loneliness and Social Uses of the Internet," *Computer and Human Behavior* Vol.19(6), (2011): 659-671.

<sup>110</sup> Siti Ramizah Khairunnisa Radzi, "Kita Adalah Rakan Rapat: Adakah Kualiti Hubungan Memainkan Peranan dalam Pendedahan Kendiri bagi Remaja Facebook?" *Global Media Journal – Malaysian edition* Vol.5(2), (2015): 1-13.

<sup>111</sup> Mazulizam Ismail, "Penyalahgunaan Media Sosial Terhadap Perubahan Sikap Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Literatur," (Kertas Kerja, Universiti Sultan Zainal Abidin, 2016): 507.

<sup>112</sup> Matthew N.O. Sadiku, Adebowale E. Shadare and Sarhan M. Musa, "Internet Addiction" *International Journal of Engineering Research* Vol.No.6(9), (2017): 431-432

<sup>113</sup> Nandhini, "Evaluation of Internet Addiction Disorder Among Students," 2.

## 2.4 Faktor Peningkatan Penggunaan Internet

Penggunaan internet di Malaysia semakin meningkat dan sekiranya dibiarkan tanpa kawalan akan menyebabkan ketagihan internet. Terdapat beberapa faktor yang menjadi pendorong berlakunya peningkatan penggunaan internet iaitu:

### 2.4.1 Faktor Fizikal

Antara faktor fizikal peningkatan penggunaan internet termasuklah:

#### i) Peranti elektronik murah

Pelbagai jenis telefon pintar dijual di pasaran dengan promosi harga yang menarik dan mampu milik sehinggakan kanak-kanak seawal lima tahun sudah memiliki telefon pintar sendiri. Ditambah pula dengan pelan data internet termurah seperti „seringggit sehari“ yang sangat mampu dimiliki dengan duit poket yang diberikan oleh ibu bapa masing-masing serta pelan internet tanpa had menjadikan pelajar-pelajar ini lalai dan terus terperangkap dalam dunia internet tanpa sempadan.<sup>114</sup>

#### ii) Akses internet mudah

Secara umumnya, di mana terdapat kawasan perumahan pasti wujud pusat-pusat siber yang menyediakan perkhidmatan internet. Akses lebih mudah diperoleh kerana pusat siber mensasarkan lokasi berhampiran dengan sekolah bertujuan memudahkan para pelajar untuk pergi melayari internet sebaik sahaja tamat sesi persekolahan.

Lebih menarik perhatian pelajar adalah apabila kafe siber tersebut menyediakan jualan air dan mi segera di dalam premis berkenaan selain harga perkhidmatan internet yang murah iaitu serendah seringggit sejam.<sup>115</sup> Mohd Aziz Shah menyatakan bahawa internet tanpa wayar (*wireless*) kini disediakan secara percuma oleh pelbagai pihak dan mudah didapati. Berdasarkan kajian, antara tempat yang mudah mendapat

---

<sup>114</sup> Alifa Aliya Ngadiman dan Zakiah Mohamad Ashari, “Sikap Terhadap Gajet Teknologi dan Kesannya Kepada Sosio-Emosi Pelajar,” *Jurnal Sains Humanika* Vol 10(3-2), (2018)

<sup>115</sup> “Pelajar Kantoi Ponteng Sekolah Melepak di Kafe Siber Seawal Jam 8 Pagi Untuk Bermain Permainan Online,” Guru Pelajar Portal (GPS Bestari), diakses pada 1 Januari 2018, <http://www.gpsbestari.com/berita/perak/19-pelajar-kantoi-ponteng-sekolah-melepak-kafe-siber-seawal-jam-8-pagi-untuk-main-permainan-online-1.560998>

kemudahan internet ialah kafe, restoran, lapangan terbang, hotel, dan pusat membeli belah.<sup>116</sup> Perkara ini menjelaskan bahawa internet kini mudah didapati dan diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.

#### 2.4.2 Faktor Sosial

Antara faktor sosial yang menyebabkan peningkatan penggunaan internet ialah:

##### i) Ibu bapa

Ibu bapa merupakan guru pertama anak-anak, ibu bapa adalah contoh teladan buat mereka. Segala persoalan didikan berbalik semula kepada ibu bapa, kerana ibu bapa adalah contoh teladan utama dan terbaik buat anak-anak. Contoh teladan dalam mendidik anak-anak adalah di antara cara yang paling berkesan serta banyak manfaatnya dalam melengkapkan si anak dari segi akhlak, rohani dan sosialnya.<sup>117</sup>

Dilihat kepada situasi masa kini, ramai daripada ahli keluarga kita di rumah sibuk dengan peranti elektronik masing-masing dengan melayari media sosial, bermain permainan atas talian dan lain-lain termasuk ibu bapa sendiri sehingga mengabaikan komunikasi sesama keluarga. Selain itu, kebanyakan ibu bapa telah menyediakan kemudahan akses internet di rumah sama ada dalam bentuk *wi-fi* (internet tanpa wayar), *broadband* (internet jalur lebar) ataupun melanggan data internet di telefon pintar dengan tujuan memudahkan anak-anak mencari maklumat untuk melaksanakan tugas atau kerja sekolah.<sup>118</sup>

Walau bagaimanapun, kawalan yang longgar oleh ibu bapa dalam penggunaan internet di rumah menyebabkan anak-anak menyalahgunakan internet dengan melayari laman sesawang yang tidak sepatutnya dan menggunakan internet sehingga

---

<sup>116</sup> Mohd Aziz Shah Mohamed Arip, *et al.*, "Strategi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes," *Jurnal Personalia Pelajar*, 16(2013): 93-103.

<sup>117</sup> Abdul Nasih Ulwan, "Cara-cara Pendidikan Berkesan Kepada Anak" dalam *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam jilid Dua*, terj. Syed Ahmad Semat (Singapura : Pustaka PTE LTD, 2012): 140.

<sup>118</sup> Sajap Maswan, "Kelebihan Penggunaan Internet dan Laman Web dalam Pengajaran dan Pembelajaran," (Institut Perguruan Tengku Bainun, 2005): 1-6.

lewat malam. Perkara ini menjadi lebih teruk apabila ibu bapa berkerja dan menjadikan kawalan internet berada di tangan anak-anak yang berada di rumah. Ini menjadikan anak-anak berasa asyik dan khayal dengan pelbagai keseronokan yang diperolehi semasa melayari internet.<sup>119</sup> Maka, kelalaian ibu bapa dalam mengawal penggunaan internet di rumah turut menjadi faktor peningkatan penggunaan internet dalam kalangan anak-anak.

## ii) Rakan sebaya

Faktor sosial seterusnya adalah pengaruh rakan sebaya. Apabila berada di rumah seseorang itu akan bergaul dengan keluarganya yang terdiri daripada ibu bapa dan adik beradiknya. Manakala apabila seseorang itu berada di luar rumah ia akan bergaul dengan rakan sebaya. Rakan sebaya ini terdiri daripada pelajar-pelajar kelompok yang mempunyai umur yang hampir sama di antara satu sama lain.<sup>120</sup>

Kanak-kanak dan remaja cenderung untuk berkawan secara berkumpulan dan meniru tingkah laku atau trend terkini yang ditonjolkan oleh seseorang individu dalam kelompok tersebut. Dalam fenomena ini, rakan sebaya menjadi faktor penting kerana golongan pelajar sekolah ini cenderung untuk melakukan apa yang dilakukan oleh rakannya seperti bermain permainan atas talian, melayari laman sesawang lucah, judi dan sebagainya.<sup>121</sup>

Sehinggakan pada satu tahap ada yang sanggup ponteng sekolah semata-mata untuk melepaskan giat terhadap permainan atas talian ataupun laman sesawang lucah dengan memenuhi pusat siber pada waktu persekolahan. Ibu bapa harus

---

<sup>119</sup> Shuiqing Yang Yuan Liu June Wei, "Social Capital on Mobile SNS addiction A Perspective from Online and Offline Channel Integrations," *Internet Research* Vol. 26, (2016): 982 – 1000.

<sup>120</sup> Azizi Yahaya dan Muhamad Jumat Aliju, "Pengaruh Negatif Rakan Sebaya," (Artikel tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2005): 1.

<sup>121</sup> Michael, K. dan Amy, A. *Sociology Now: The Essentials*, (Boston: Pearson, 2009)

memantau dengan siapa anak-anak mereka berkawan agar gejala negatif rakan sebaya anak-anak tidak dibawa pulang ke rumah.<sup>122</sup>

### 2.4.3 Faktor Emosi

Antara faktor emosi yang menyebabkan peningkatan penggunaan internet ialah:

#### i) Kesunyian dan kebosanan

Dalam kajian kualitatif ketagihan internet meta-sintesis dari tahun 1996-2006 didapati kesunyian adalah perkara utama dalam berlakunya fenomena ketagihan internet disamping perasaan terasing, dan keyakinan diri yang rendah.<sup>123</sup> Morahan Martin dan Schumacher mendapati purata penggunaan internet lebih tinggi dalam kalangan mereka yang kesunyian.<sup>124</sup>

Santrock menjelaskan dalam kitaran hidup keluarga seseorang individu akan mengalami keadaan yang berubah dari satu tahap ke satu tahap mengikut usia. Bermula seawal pertengahan usia, individu akan mengalami “*empty nest*”. Situasi ini mulai wujud apabila anak-anak semakin dewasa dan telah berdikari.<sup>125</sup> Keadaan ini memberi ruang kepada kemajuan teknologi untuk mengambil alih kekosongan jiwa mereka kerana internet dilihat lebih menarik berbanding yang lain.<sup>126</sup>

Pada saat ini, internet telah memberi kemudahan yang lebih luas sehingga orang lain dapat saling berkenalan dan menjalin perhubungan melalui jaringan secara atas talian, *e-mail*, *chat room*, dan *new group*.<sup>127</sup> Maka kesunyian tersebut telah

---

<sup>122</sup> Azizi Yahya, Noordin Yahya dan Junaidah Bachok, “Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian,” (Artikel tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, 2010): 1.

<sup>123</sup> Halley M. Pontes, Mark D. Griffiths and Ivone M. Patrão “Internet Addiction and Loneliness Among Children and Adolescents in the Education Setting: An Empirical Pilot Study,” *Aloma*, Vol.32(1), 2014): 92.

<sup>124</sup> Janet, “Loneliness and Social Uses of the Internet,” 663.

<sup>125</sup> Santrock, J, *Life – span Development*, 12th edition, (Boston : Pearson, 2010)

<sup>126</sup> Odaci, H., and Kalkan, M., “Problematic Internet Use, Loneliness and Dating Anxiety Among Young Adult University Students,” *Computers & Education*, (2010): 55

<sup>127</sup> Weiten, W. and Llyod, M.,ed., *Psychology to Modern Life, Adjustment in The 21st Century 8th*, (Canada: Thomson Learning, Inc, 2006)

terisi dengan cara menghabiskan masa berinteraksi di alam maya dan seterusnya membawa kepada ketagihan internet.

Kebosanan ini lebih signifikan diperkatakan dalam kalangan remaja lelaki di mana mereka ini cenderung untuk mudah berasa bosan.<sup>128</sup> Apabila tiada aktiviti yang dilakukan di rumah, mereka mula mencari alternatif lain untuk menghilangkan kebosanan. Jika dahulu, kebosanan diatasi dengan bermain bersama rakan-rakan di padang, bermain teng-teng, gasing, layang-layang dan sebagainya, namun kini segalanya di hujung jari, cukup dengan hanya satu „*Kik*“ mampu mengisi kekosongan dan kebosanan yang dialami.

## ii) Tekanan dan kesedihan

Tekanan dan kesedihan bersilih ganti dalam jiwa anak-anak yang sedang meningkat dewasa. Kanak-kanak akan terlorong dan cenderung menyusuri alam maya bagi menghilangkan tekanan dan kesedihan yang dihadapi sama ada dengan meluahkan perasaan kepada rakan maya di laman sosial ataupun dengan cara bermain permainan atas talian.<sup>129</sup>

Bertitik tolak dari tekanan yang tidak diurus dengan baik, kanak-kanak ini mula berasa bahawa internet adalah medium terbaik untuk mereka melepaskan lelah dan letih menghadapi tekanan kehidupan. Maka, ramailah antara anak-anak ini yang „bersarang“ di pusat-pusat siber atau menghabiskan masa berjam-jam bersama gajet masing-masing di rumah bagi menghilangkan tekanan dan kesedihan.<sup>130</sup> Akibatnya, kanak-kanak ini menjadi ketagih dengan teknologi dan segala perisiannya.

---

<sup>128</sup> Janet, “Loneliness and Social Uses of the Internet,” 660.

<sup>129</sup> Young, K.S, “Internet Addiction: The Emergence of A New Clinical Disorder,” *Cyber Psychology and Behavior*, Vol. 1(3),(2015) : 237-244.

<sup>130</sup> Iran Herman dan Saadah Yahya, “Lepak di Kafe Siber,” (Kajian penyelidikan, Universiti Utara Malaysia, 2014): 3.

#### 2.4.4 Faktor Agama

Antara faktor agama yang mempengaruhi penggunaan internet termasuklah:

##### i) Didikan agama di rumah

Antara faktor yang tidak dapat dinafikan untuk mengawal penggunaan internet adalah didikan agama. Islam merupakan satu agama yang syumul. Sesuai dengan pengertian Islam yang membawa kesejahteraan, didikan agama Islam amat perlu diterapkan dalam sesebuah keluarga yang ingin hidup dalam aman dan sejahtera.<sup>131</sup>

Pendidikan agama Islam kepada anak-anak bukan hanya ingin membentuk keimanan, berakhlak mulia dan beramal soleh tetapi juga mahu menjadikan anak-anak berilmu pengetahuan, berdaya maju seiring teknologi, berpengalaman serta berketerampilan agar mampu berdikari dalam mendepani cabaran masa depan supaya dapat berbakti kepada ibu bapa, bangsa, agama dan negara.<sup>132</sup>

Ibu bapa perlu sedar serta mencari kaedah terbaik bagi pendidikan di rumah dalam membentuk generasi yang mantap dari segi aqidah, moral, ilmu pengetahuan, kejiwaan dan kemasyarakatan agar akhirnya pendidikan anak mencapai kemuncak kesempurnaan, setinggi-tinggi darjat kematangan dan seindah kesuburan akal dan pemikiran.<sup>133</sup>

##### ii) Didikan agama di sekolah

Sekolah merupakan tempat pendidikan dan pentarbiahan murid. Muhammad Faizal berpendapat bahawa keberkesanan sekolah tertumpu kepada hasil jangka panjang yang diperolehi dalam kemenjadian individu pelajar, iaitu dapat melahirkan individu seimbang dalam aspek fizikal, spiritual, emosi, intelek dan sosial.<sup>134</sup>

---

<sup>131</sup> Abdul Hafiz dan Hasni Nor, "Pendidikan Anak Menurut Perspektif Al-Quran," *Jurnal Madrasah Ibtidaiyah*, Vol.1(2), (2016): 1-16.

<sup>132</sup> Abuddin Nata, *Kapita Selekta Pendidikan Islam*, (Jakarta : PT Raja Grafindo Persada, 2012)

<sup>133</sup> Abdul Nasih Ulwan, "Cara-cara Pendidikan Berkesan Kepada Anak," 139.

<sup>134</sup> Muhammad Faizal A. Ghani, et al., "Cabaran Keberkesanan Sekolah: Perspektif Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Berprestasi Tinggi" *Jurnal Isu Dalam Pendidikan*. Jilid 40, (2016): 1-30



Pendidikan berasaskan al-Quran dan Sunnah perlu ditekankan kerana al-Quran dan Sunnah merupakan panduan utama kehidupan manusia. Al-Quran merupakan sumber rujukan dalam segala hal termasuklah dalam hal mendidik anak-anak dan pelajar. Keunggulan al-Quran sebagai satu sumber yang tepat dan sahih dalam *tarbiyah Islamiah* tidak boleh diragui lagi.<sup>135</sup>

Di Malaysia, persoalan pendidikan akhlak diberi perhatian dalam sistem pendidikan kebangsaan.<sup>136</sup> Dengan pembaharuan kurikulum dalam mata pelajaran Pendidikan Islam diharap dapat membantu pelajar dalam mempelajari nilai etika dan moral mengikut perkembangan dunia semasa. Walau bagaimanapun hasil akhir didikan agama di sekolah terletak kepada pelajar itu sendiri sama ada mereka dapat menjadikan pembelajaran sebagai pengetahuan semata-mata, ataupun mencapai tahap yang tertinggi dalam sasaran KSSR Pendidikan Islam iaitu amalan, penghayatan dan pentabiatan dalam segala aspek kehidupan.

## 2.5 Kesimpulan

Penggunaan internet dan media sosial sebagai alat komunikasi telah mempengaruhi gaya hidup masyarakat hari ini bukan hanya di negara maju tetapi turut dirasai di kebanyakan negara sedang membangun. Adalah sukar untuk menentukan sama ada kesan penggunaan internet atau media sosial mendatangkan kesan baik atau buruk kerana ianya dipengaruhi oleh banyak faktor sebagaimana yang dirumuskan oleh Jin iaitu kesan penggunaan media sosial sangat bergantung kepada cara penggunaan, ciri personaliti dan sikap pengguna termasuklah kesediaan mereka untuk berkongsi

---

<sup>135</sup> Ahmad Kilani Mohamed, Siti Norlina Muhamad dan Normala Hashim, "Pendidikan al-Quran ke Arah Pembangunan Insan Rabbani" (Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim, 8-9 Mac 2012): 521-538.

<sup>136</sup> Jamilah bt Mohd Noor, "Keberkesanan Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban," (Tesis Master, Universiti Malaya, 2014).

maklumat dengan umum.<sup>137</sup> Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin melihat sama ada pengetahuan pelajar terhadap hukum dan etika penggunaan internet menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi peningkatan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah sekitar Pekan Subang.

---

<sup>137</sup> Jin, S. A. A., "Peeling Back The Multiple Layers of Twitter's Private Disclosure Onion; The Roles of Virtual Identity Discrepancy and Personality Traits in Communication Privacy Management on Twitter," *New Media & Society*: Vol.15(6), (2013): 813-833.

## BAB 3: HUKUM DAN ETIKA PENGGUNAAN INTERNET

### 3.1 Pengenalan

Menurut Dahlan dalam Ensiklopedia Hukum Islam, hukum Islam bermaksud kaedah, asas, prinsip atau peraturan yang digunakan untuk mengendalikan masyarakat Islam sama ada dalam bentuk ayat al-Quran, hadis, pendapat sahabat dan tabiin ataupun pendapat yang berkembang dalam suatu masa dalam kehidupan umat Islam.

Secara umum, para pakar hukum Islam, merumuskan bahawa tujuan hukum Islam adalah memberi kebahagiaan dalam kehidupan manusia dengan mengambil segala yang bermanfaat dan mencegah segala yang mudarat. Dengan kata lain, tujuan hukum dalam Islam adalah untuk memberikan kemasalahatan hidup bagi manusia, baik rohani mahupun jasmani, individu dan sosial.<sup>138</sup> Muhammad Abū Zahrah dalam kaitan ini menegaskan bahawa tujuan hakiki hukum Islam adalah kemasalahatan. Tidak ada sesuatu hukum yang disyariatkan dalam al-Quran dan sunnah kecuali di dalamnya terdapat kemasalahatan.<sup>139</sup>

Hukum Islam tidak bersifat statik pada satu zaman sahaja malah semakin berkembang dan berubah mengikut keperluan dan masalah umat Islam. Perkembangan sains dan teknologi juga antara penyebab lahirnya beberapa isu kepenggunaan yang dahulunya tidak dibincangkan secara terperinci oleh sarjana hukum Islam klasik. Walau bagaimanapun, untuk mengadakan pembaharuan hukum Islam, beberapa kaedah perlu dilakukan agar ciri pemikiran hukum Islam yang moden ini lebih bersifat menyeluruh dan bersesuaian dengan zaman semasa. Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan hukum penggunaan internet dari perspektif Islam bagi menjelaskan hukum kepenggunaan internet secara khusus.

---

<sup>138</sup> Dahlan dan Abdul Azis, *Ensiklopedi Hukum Islam*, (Jakarta: Pt Ichtiar Van Hoeve, 1999)

<sup>139</sup> Muhammad Abū Zahrah, *Uṣūl Al-Fiqh*. (Kaheerah: Dār al-Fikr al-,Arabī, 1957)

### 3.2 Hukum Penggunaan Internet dari Perspektif Islam

Kemajuan teknologi seperti internet adalah satu perkara baharu dalam penentuan hukum Islam. Penggunaan internet sama seperti televisyen, telefon pintar dan radio yang boleh digunakan untuk perkara kebaikan dan keburukan. Secara umumnya hukum penggunaan internet adalah harus. Ini adalah kerana asal segala perkara itu adalah harus.<sup>140</sup> Namun, kepelbagaian penggunaan teknologi masa kini mengubah beberapa hukum penggunaannya. Antara hukum penggunaan internet dari perspektif Islam termasuklah :

#### i. Wajib

Wajib ialah perkara yang diperintahkan oleh syarak dalam bentuk kemestian. Pengguna yang melaksanakan perkara wajib akan diberi pahala dan pengguna yang meninggalkannya akan diberi azab.<sup>141</sup> Penggunaan internet menjadi wajib sekiranya digunakan sebagai medium menjawab tuduhan-tuduhan palsu yang dilemparkan ke atas Rasulullah S.A.W dan agama Islam serta menyedarkan masyarakat terhadap kesesatan yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam.<sup>142</sup>

Penggunaan internet masa kini juga telah menjadi salah satu cara untuk menyebarkan ilmu dan dakwah Islamiah oleh pendakwah kontemporari. Dakwah merupakan panggilan ke jalan Allah S.W.T iaitu agama Islam agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.<sup>143</sup> Takrifan lain pula dakwah merujuk kepada satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam agar mengikut petunjuk Allah S.W.T, melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan-Nya. Definisi dakwah ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi dan dakwah mempunyai sifat keserasian sehingga terbentuknya perkataan „Komunikasi Dakwah“. <sup>144</sup> Kewajiban berdakwah telah bermula

---

<sup>140</sup> Yusuf al-Qarāḍawi, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, (Beirut: Maktab al-Islāmī, 1980)

<sup>141</sup> Waḥbah al-Zuhailī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, (Damsyik: Dar al-Fikr, 1998)

<sup>142</sup> Umar Muhammad Noor, “Kemasyarakatan Hukum-hakam Internet,” *Majalah Al-Ustaz Isu* 18, Mac 2013.

<sup>143</sup> Zaidan, Abdul Karim, *Uṣūl al-Da‘wah*, (Baghdad: Dar al-Bayan, 1978)

<sup>144</sup> Yusuf al-Qarāḍawi, *Thaqafah al-Dai‘yah*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1983).

sejak zaman kenabian lagi. Kewajiban itu telah dijelaskan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T :

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ ۚ وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

Surah al-Ahzab 33 : 45-46

Terjemahan: Wahai nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu) dan pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang yang ingkar). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah S.W.T dengan taufiq yang diberi-Nya dan sebagai lampu yang menerangi.

Ayat ini menjelaskan tugas para nabi dan rasul dalam menyebarkan dakwah Islam kepada uamtnya. Para nabi diutuskan menjadi pembawa berita gembira kepada manusia yang melakukan amal kebaikan dan meninggalkan kemungkarannya di mana mereka akan beroleh nikmat dan redha Allah. Para nabi juga diutus bagi memberi amaran kepada golongan yang ingkar terhadap perintah Allah serta terus menerus melakukan dosa dan tidak pernah bertaubat.<sup>145</sup> Justeru dakwah para nabi diteruskan oleh pendakwah masa kini demi memastikan umat Islam berada dalam landasan yang benar, terus mentaati perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Maka, dengan perkembangan teknologi masa kini, adalah menjadi tanggungjawab sebagai Muslim untuk turut menyebarkan dakwah dan kebaikan melalui internet dan media sosial yang disediakan. Ia juga turut menjadi kewajiban kepada pendakwah kontemporari untuk mengajak manusia ke jalan Allah, menjawab segala

<sup>145</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu" 21*, (Jakarta : Pustaka Panjimas, 1988), 58-60.

persoalan dan kemusykilan agama serta berkongsi fatwa terkini di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa,<sup>146</sup> sebagaimana firman Allah S.W.T :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ  
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ

بِالْمُهْتَدِينَ

Surah an-Nahl 16 : 125

Terjemahan : Serulah ke jalan Rabbmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbasahlah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Rabbmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Ayat di atas menjelaskan cara berdakwah memiliki tiga peringkat dalam pelaksanaannya iaitu pertama dengan hikmah yang bermaksud kebijaksanaan atau budi pekerti yang mulia serta hati yang bersih dalam menyeru manusia ke arah kebaikan. Kedua, berdakwah dengan nasihat, pesanan, dan pengajaran yang baik. Manakala yang ketiga membantah mereka dengan cara yang baik iaitu tanpa celaan dan menyakitkan hati orang yang diseru ke arah kebaikan.<sup>147</sup>

Maka, dalam konteks dakwah masa kini yang banyak menggunakan medium internet, kita perlu menerapkan ketiga-tiga peringkat dakwah yang dijelaskan di atas agar penggunaan internet dapat menjadi satu medan dakwah yang berkesan kepada orang Islam dan bukan Islam. Selain itu, wajib bagi Muslim yang melihat kemungkar dan tuduhan palsu terhadap Islam di internet untuk mencegahnya dengan

<sup>146</sup> Siti Nurunnajwa Shamsudini Irwan Mohd Subri dan Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, "Penerimaan Media Atas Talian Sebagai Medium Penyampaian Fatwa dalam Kalangan Masyarakat Muslim Selangor: Satu Tinjauan Awal," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol 10(1), (2017):73-88.

<sup>147</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu" 13, 14, 15 & 16* (Jakarta : Pustaka Panjimas, 1988), 321-322.

memperbetulkan fakta, memberi nasihat atau membencinya di dalam hati sebagaimana hadis Rasulullah S.A.W :

وَمَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ  
يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Terjemahan : “Barangsiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lidahnya, dan jika tidak mampu maka ubahlah dengan hatinya. Yang demikian itu adalah selemah-lemah iman.”<sup>148</sup>

Pelbagai isu timbul akibat ledakan teknologi termasuklah isu penyebaran hadis palsu, penghinaan terhadap nabi, ajaran sesat, dakyah ekstrimis dan banyak lagi. Justeru para ulama fiqh bersepakat bahawa hukum berdakwah kepada jalan Allah S.W.T adalah fardhu kifayah, termasuklah berdakwah di media sosial. Jika sebahagian umat Islam tidak menyempurnakan tugas berdakwah serta menyampaikan kebenaran maka seluruh umat Islam akan mendapat dosa.<sup>149</sup> Dalam kalangan umat Islam perlu ada golongan yang berperanan sebagai penyebar dakwah demi menyambung perjuangan Rasulullah S.A.W. Hal ini merupakan kewajiban bagi setiap individu sesuai mengikut kemampuan diri masing-masing.<sup>150</sup>

Perkara yang membawa kemudaratan terhadap aqidah dan Islam wajib dihapuskan sesuai dengan kaedah *al-darār yuzāl* iaitu kemudaratan mesti dihapuskan.<sup>151</sup> Kaedah ini menjelaskan bahawa kemudaratan harus dihapuskan atau dihilangkan. Kaedah ini juga membawa maksud sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat dan bahaya atau perkara yang jelas memudaratkan wajib dihapuskan. Oleh kerana itu, dalam

<sup>148</sup> Al-Nawawi, al-Imam Mahy al-Dīn Abu Zakariyya Yahya, *Al-Arbaʿūn al-Nawawīyah wa Sharhuhā*. (Qaerah: Al-Matbaʿah al-Salafīyah, 1379) :161-163.

<sup>149</sup> Moh Ali Aziz, *Ilmu Dakwah*, (Jakarta : Prenada Media Group, 2012) : 216-218.

<sup>150</sup> Ibnu Katsir, Abi Al-Fidaʿ Ismāʿīl bin Umar, *Tafsir Ibnu Katsir (Tafsir al-Qurān al-Azīm)*, (Beirut : Dār al-Kutub al-ʿAlamiyyah, 1994), 108

<sup>151</sup> Ibrahim Muḥammad Maḥmūd al-Haririyy, *al Madkhal Ilā al Qawāid al Fiqhiyyah al Kullīyyah*, 79.

keadaan mudarat ia wajib dihindarkan atau dihilangkan sama ada kemudaratan tersebut berkaitan dengan hak umum atau hak khusus seorang individu.<sup>152</sup>

Untuk itu, sebagai pengguna Muslim kita wajib menjadikan penggunaan internet sebagai satu medium bagi menghapuskan kemudaratan dan kesesatan yang disebarluaskan menerusi internet tanpa batasan. Dakwah melalui internet dan media sosial memainkan peranan utama untuk menyebarkan maklumat Islam kepada masyarakat umum.<sup>153</sup> Hal ini kerana dakwah bertujuan menyampaikan maklumat dan kesyukuran Islam, manakala komunikasi pula merupakan kaedah menyampaikan segala maklumat yang difikirkan perlu untuk masyarakat. Maka medium komunikasi iaitu internet menjadi keperluan dan kewajiban masa kini bagi menyebarkan dakwah serta memperbetulkan kesilapan umum berkaitan Islam kepada pengguna internet.

## ii. Sunat

Internet yang digunakan untuk menghubungkan silaturrahim keluarga, mendalami hikmah para ulama serta menyebarkan nasihat dan peringatan serta perkongsian „1 hari 1 hadis“ di internet adalah antara perkara yang sunat dilakukan.<sup>154</sup> Hukum sunat bermaksud pengguna yang melaksanakan perkara-perkara sunat akan diberi pahala dan orang yang meninggalkannya tidak akan diberi azab.<sup>155</sup>

Penggunaan internet ke arah kemaksiatan membawa kepada hukum haram dan berdosa, manakala penggunaan internet yang digunakan ke arah kebaikan berlandaskan al-Quran dan sunnah boleh membawa kepada hukum sunat serta beroleh pahala<sup>156</sup> sebagaimana firman Allah S.W.T:

---

<sup>152</sup> *Ibid.*,

<sup>153</sup> Faradillah Iqmar, et.al., “Hubungan Penggunaan Media Sosial dan Penerimaan Mesej Dakwah,” (Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM) 16th – 17th November 2015) : 181-191.

<sup>154</sup> Umar Muhammad Noor, “Kemusykilan Hukum-hakam Internet,”

<sup>155</sup> Wahbah al-Zuhailly, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, cetakan 1 (Damsyik : Dar al-Fikr, 1986): 76.

<sup>156</sup> Amini Amir bin Abdullah, “Etika Digital,” 70.



فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ  
بَعْضُكُمْ مِّنْ بَعْضٍ

Surah Āli Imran 3:195

Terjemahan : Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya): Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain;

Ayat ini menjelaskan bahawa amalan soleh itu bukan hanya dalam lingkungan hukum-hukum dalam syariat dan ibadah, bahkan mencakupi semua jenis perbuatan, amalan, usaha dan pekerjaan yang dilakukan oleh manusia seluruhnya. Allah tidak akan mensia-siakan amalan hambanya sama ada kecil ataupun besar, lelaki dan perempuan selagi mana ia berada di atas landasan iman. Setiap amalan kebaikan akan dicatat dan dinilai di sisi Allah.<sup>157</sup> Begitu juga dengan penggunaan internet di mana setiap perlakuan di internet dicatat oleh Allah sama ada beroleh pahala sunat, wajib atau balasan dosa atas maksiat yang dilakukan.

Walau bagaimanapun, bagi memperoleh pahala sunat dalam penggunaan internet, penggunaannya perlulah dimulai dengan niat dan tujuan yang baik. Kaedah fiqh *al-umūr bi maqāṣidihā* iaitu segala urusan berdasarkan niat menjelaskan bahawa segala perkara dinilai terhadap motif dan matlamat akhirnya. Ini bermakna segala perbuatan atau amalan-amalan mukalaf itu bergantung apa yang diniatkannya termasuklah amalan dalam penggunaan laman sosial atau internet. Berdasarkan kaedah tersebut, dosa dan pahala bergantung kepada niat individu.<sup>158</sup>

Ulama fiqh bersepakat mengatakan sekiranya seseorang itu menggunakan internet dengan berniat melakukan kebaikan dan tidak dapat ditunaikan disebabkan

<sup>157</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu" 4,5, & 6*, (Jakarta : Pustaka Panjimas, 1988), 201-202.

<sup>158</sup> Ahmad bin Muhammad al-Zarqa", *Sharh Al-Qawā'id Al fiqhiyyah*, (Damsyik: Dar al-Qalam, cet 5,1998) : 47

sesuatu kesulitan atau keadaan tertentu, ia tetap diberi ganjaran pahala. Dalam konteks lain pula ulama fiqh sepakat mengatakan niat seseorang yang melakukan perbuatan hati yang tidak baik seperti dengki, dendam, angkuh dan lain-lain dianggap sebagai dosa.<sup>159</sup>

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Bayhaqi, semua perbuatan manusia dan hamba itu dapat dibahagikan kepada tiga unsur iaitu; hati, lidah dan anggota badan. Hati (niat) merupakan unsur yang paling penting, manakala lidah dan anggota bertindak sebagai penyokong dan saling memerlukan.<sup>160</sup> Maka, seandainya baik niat hati seseorang, maka baiklah tindakan lidah dan anggotanya semasa menggunakan internet. Namun jika buruk niat hati seseorang maka buruklah tindakan lidah dan anggotanya semasa menggunakan internet.

Seterusnya, antara penggunaan internet yang baik adalah dengan tujuan menghubungkan silaturrahim sesama sahabat dan keluarga melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* dengan bertanya khabar atau berkongsi maklumat keluarga. Ia mempunyai hikmah tersendiri sebagaimana hadis daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah S.A.W bersabda :

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ

Terjemahan: “Barangsiapa yang suka dimurahkan rezekinya dan dipanjangkan usianya maka hendaklah dia menyambungkan kekeluargaan (silaturrahim).”<sup>161</sup>

Menjaga silaturrahim merupakan perkara yang dituntut dalam Islam. Pengguna internet perlu memanfaatkan penggunaan internet bagi menjaga hubungan kekeluargaan dan persahabatan sesama mereka. Pengguna internet perlu memastikan segala amalan perbuatan yang dilakukan selari dengan tuntutan al-Quran dan sunnah bermula dengan

---

<sup>159</sup> *Ibid.*,

<sup>160</sup> Imam Abi Bakar Ahmed bin al-Hussain al-Bayhaqi, *Sunan al-Kubrā Bayhaqī*, terj. Muhammad Abdul Qodir Atho, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2003)

<sup>161</sup> Abū ‘Abd Allah bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī, Kitābul Adab, Bab Man Busiṭa Lahu fī al-Rizqi Bi ṣilatir Rahīm*, no.5985, (Riyād : Dār al-Salām, 1999), 10/415.

niat dan tujuan yang baik, termasuklah niat dalam menggunakan laman sosial dengan tujuan menjaga hubungan kekeluargaan dan persahabatan. Niat hati merupakan sesuatu yang amat penting dalam penggunaan internet agar kepenggunaannya dilihat sebagai satu nilai ibadat yang bakal diberikan pahala oleh Allah S.W.T.<sup>162</sup>

### iii. Harus

Perkataan *al-ibāḥah* berasal dari kata *bāḥa* yang bermaksud zahir, nampak atau membolehkan. *Al-ibāḥah* disimpulkan sebagai sesuatu yang boleh dipilih atau ditinggalkan.<sup>163</sup> Hukum asal penggunaan internet adalah harus sama ada boleh dipilih atau ditinggalkan. Namun, jika ia digunakan ke arah keburukan atau kemaksiatan yang dilarang syarak, maka ianya akan berubah menjadi haram dan dilarang sama sekali.<sup>164</sup>

Justeru, sekiranya internet digunakan untuk tujuan yang dibolehkan seperti tujuan belajar, berkongsi maklumat sesama rakan berkaitan isu-isu semasa seperti berita tempatan dan global ia dianggap harus selagi mana penggunaan internet digunakan secara berfaedah dalam tempoh penggunaan yang sederhana. Menuntut ilmu merupakan satu kewajiban, di mana sebagai hamba-Nya kita wajib mencari ilmu dan menambah pengetahuan sebanyak-banyaknya sebagaimana firman Allah S.W.T :

فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ  
وَحْيُهُ وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا

Surah Ṭāha 20:114

Terjemahan : Maka Maha tinggi Allah S.W.T Raja yang sebenar-benarnya. Dan janganlah engkau (Muhammad) tergesa-gesa membaca Al Qur'an sebelum selesai diwahyukan kepadamu, dan katakanlah, Ya Tuhanku, tambahkanlah ilmu kepadaku.

<sup>162</sup> Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali@Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh*, (Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000) : 66

<sup>163</sup> Al-Marbawi Abd al-Rauf, *Qamus Idris al-Marbawi*, (Beirut : Dar al-Fikr, 1990): 142.

<sup>164</sup> Muhammad Fakhruddin bin Ishak, "Kesan Teknologi Moden Terhadap Perubahan Hukum : Analisis Terhadap Penggunaan Short Message Service (SMS)," (Tesis Sarjana, 2010), 98.

Rasulullah S.A.W memberi contoh teladan dalam usaha mencari ilmu pengetahuan. Nabi sering berdoa agar ditambahkan ilmu pengetahuannya. Ini adalah kerana ilmu Allah itu sangat banyak dan luas bidangnya. Ilmu dapat mengukuhkan keyakinan dan keimanan kita terhadap keagungan dan kebesaran Allah S.W.T. Oleh itu manusia digalakkan menjalankan penyelidikan dan kajian agar ilmu pengetahuan dapat dikembangkan selain memperoleh ilmu yang terkini mengikut perkembangan zaman.<sup>165</sup>

Menuntut ilmu adalah wajib, namun mencari ilmu melalui medium internet adalah diharuskan. Ia juga termasuk dalam istilah berguru dalam kaedah yang lebih moden. Walau bagaimanapun, dalam mencari ilmu di internet, pengguna perlu mencari maklumat dari laman sesawang yang berautoriti serta berkelayakan dalam bidang ilmunya sama ada bidang agama, matematik, sains dan sebagainya.<sup>166</sup> Pengguna juga haruslah berhati-hati dengan maklumat yang diperolehi dengan mengkaji kesahihannya sebagaimana firman Allah S.W.T :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا  
بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Surah al-Hujurāt 49:6

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasik datang kepadamu membawa suatu berita, maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum karena kebodohan (kecerobohan), yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu.

Ayat ini menegaskan kepada kita agar tidak mudah percaya kepada golongan fasik. Setiap berita atau maklumat yang dikongsi oleh mereka perlulah diselidik terlebih dahulu dengan teliti tanpa terburu-buru. Ini kerana sikap terburu-buru akan memberi

<sup>165</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu "13,14, 15 & 16*, 225-228.

<sup>166</sup> Fadzli Adam, et.al., "Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Vol 9, (2015), 12-23 (17)

impak yang negatif kepada diri dan orang lain.<sup>167</sup> Justeru, kita perlu bijak dan berhati-hati dalam memilih laman sesawang untuk dijadikan rujukan agar tidak mudah terpengaruh dengan fakta-fakta yang tidak jelas kebenarannya hasil perkongsian golongan fasik atau golongan yang bukan mahir dalam bidangnya. Justeru, setelah mencari maklumat di internet, pengguna harus merujuk kepada guru atau mereka yang berkeelayakan secara terus agar ilmu yang dicari di internet lebih jelas dan mudah difahami berdasarkan landasan ilmu yang betul dan tepat, firman Allah S.W.T :

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ  
كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Surah al-Isra" 17:36

Terjemahan : Janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak ketahui. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan, dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabannya.

Ayat ini meminta agar kita tidak mudah mengikuti perkara yang kita tidak ketahui asal-usulnya. Setiap perkara perlu ditanya kepada mereka yang arif dalam bidang tersebut. Dalam kehidupan beragama, pendengaran, penglihatan dan hati amat diperlukan antara satu sama lain bagi membuat pertimbangan baik dan buruk serta benar atau salah sesuatu perkara.<sup>168</sup> Justeru pemilihan jenis bahan bacaan perlu diniatkan kerana Allah S.W.T. agar tujuan penggunaan internet dapat dimanfaatkan sebaiknya.<sup>169</sup>

Selagi mana pencarian maklumat yang dilakukan di internet tidak menyalahi hukum syarak, maka ia adalah diharuskan. Kaedah fiqh turut menjelaskan bahawa asal sesuatu itu adalah harus sehinggalah ada dalil yang menunjukkan pengharamannya.

<sup>167</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu" 23, 24,25,26 & 27*, (Jakarta : Pustaka Panjimas, 1988), 191-193.

<sup>168</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu" 13, 14, 15 & 16*, 66-67.

<sup>169</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kuasa Iqra'*, (Selangor : PTS Islamik Sdn. Bhd, 2012) : 46.

Kaedah ini dapat menjelaskan keharusan penggunaan internet masa kini. Kaedah fiqh di atas juga dapat dikaitkan dengan lafaz kaedah :

الأصلُ في الأشياءِ الإباحةُ حتى يصحَّ المنعُ

Maksudnya: Asal sesuatu itu harus sehingga sah tegahan.<sup>170</sup>

Kaedah fiqh tersebut menjelaskan asal segala perkara yang baik dan berfaedah adalah diharuskan sebagaimana yang banyak dijelaskan dalam al-Quran berkaitan perkara-perkara yang berfaedah.<sup>171</sup> Penggunaan teknologi dalam mencari pelbagai maklumat dilihat sebagai satu perkara yang baik dan berfaedah kepada pengguna. Maka, penggunaannya adalah diharuskan selagi tidak membawa kepada kemaksiatan.

Keharusan penggunaan internet juga tertakluk kepada sikap pengguna sendiri. Pengguna harus bijak memanfaatkan penggunaan internet untuk manfaat Islam melebihi kepentingan sendiri, tidak terlalu banyak berkongsi gambar atau data peribadi di internet, menjaga aurat dan pandangan mata, mengelakkan mengumpat dan tidak terlibat dengan permainan atas talian yang bercanggah dengan Islam. Ini adalah kerana apabila penggunaan internet tidak dikawal sebaiknya dan digunakan menurut hawa nafsu, hukum harus boleh berubah menjadi haram dan berdosa.<sup>172</sup>

#### iv. Makruh

Makruh bermaksud perintah Allah S.W.T yang meminta supaya meninggalkan sesuatu perbuatan dengan tuntutan tidak pasti. Hal ini ekoran tidak ada dalil yang menunjukkan perbuatan tersebut ditegah. Orang yang meninggalkan perkara makruh akan diberi

<sup>170</sup> Alī Aḥmad al-Nadwi, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, cetakan ke-4, (Damsyik : Dar al-Qalam): 122.

<sup>171</sup> *Ibid.*,

<sup>172</sup> Zaharuddin Abd Rahman, "Hukum Berkenaan Facebook," *Majalah Solusi Isu* 17, Mei 2010, 38.

pahala namun orang yang melakukannya tidak akan diberi azab.<sup>173</sup> Penggunaan internet menjadi makruh apabila ia digunakan tanpa menetapkan matlamat dan tujuan sebenar dengan tidak memberi apa-apa manfaat serta sia-sia kepada pengguna, seperti mendengar lagu dan menonton cerita, firman Allah S.W.T :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَادِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ

هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

Surah al-Mu'minūn 23 : 1-3

Terjemahan : Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk Dalam sembahyangnya; dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia.

Ayat di atas menjelaskan ciri-ciri orang yang berjaya iaitu mereka yang khusyuk dalam solat dan menjauhi perbuatan yang sia-sia. Perbuatan sia-sia atau *lagha* bermaksud perbuatan yang tidak ada nilainya termasuk senda gurau dan main-main yang tidak berdasar. Apabila seseorang terlalu banyak melakukan perkara yang sia-sia, ia akan merendahkan nilai maruah dan peribadi seseorang.<sup>174</sup> Internet yang digunakan tanpa pengawalan had masa dan diisi dengan aktiviti yang sia-sia boleh menukar perkara makruh menjadi haram kerana penggunaannya boleh melalaikan dan membawa pengguna kepada kemaksiatan.

Menurut Sufyan at-Tsauri, antara perbuatan sia-sia termasuklah seorang lelaki atau wanita yang hidup dalam kelompok ulama, tetapi dia tidak menggunakan peluang tersebut untuk menimba ilmu pengetahuan dari ulama tersebut serta pemuda yang

<sup>173</sup> Waḥbah al-Zuhailī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, cetakan 1 (Damsyik : Dar al-Fikr, 1986): 83.

<sup>174</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu" 17, 18, 19 & 20*, (Jakarta : Pustaka Panjimas, 1988), 8-11.

menjadikan zaman remajanya berlalu tanpa memanfaatkan waktu yang bernilai itu untuk menuntut ilmu dan meningkatkan budi pekerti.<sup>175</sup>

Begitulah realiti di internet pada masa kini, telah banyak perkongsian ilmu agama daripada para alim ulama dan pendakwah kontemporari masa kini sama ada di media sosial *Facebook*, *Youtube* dan sebagainya namun ramai pengguna internet tidak menggunakan medium ilmu sebaiknya untuk mendalami ilmu agama. Sebaliknya mereka lebih gemar menonton cerita dan mendengar lagu yang tidak meningkatkan ilmu dan iman. Terdapat hadis daripada Abu Hurairah r.a, Rasulullah S.A.W bersabda :

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ

Terjemahan : “Di antara keelokan Islam seseorang ialah dia meninggalkan sesuatu yang tidak berkaitan dengannya.”<sup>176</sup>

Seseorang mukmin dianggap baik, indah dan tinggi pekertinya apabila mereka hanya melakukan perkara-perkara yang berfaedah dan menjauhan perkara-perkara makruh yang tidak memberi faedah kepada dirinya.<sup>177</sup> Antara perkara yang tidak berfaedah di laman sosial termasuklah berbual kosong, mendengar muzik, menonton cerita, dan melayari laman sosial tanpa tujuan yang tetap. Sebagai pengguna, kita perlu menghadkan perbincangan remeh temeh di media sosial yang membuang masa diri sendiri dan orang lain.<sup>178</sup>

Internet kini telah sampai kepada satu tahap di mana berlaku percampuran antara halal dan haram kandungan perisian yang dibangunkan selain pengguna bebas menyuarakan pendapat di internet dan pengguna mudah mengambil maklumat di internet tanpa siasatan mendalam dalam sesuatu hal. Apabila terdapat perkara yang

---

<sup>175</sup> Abu Abdillah Sufyan bin Sa'īd bin Masruq ats-Tsauri al-Kufi, *Tafsir Sufyan ats-Tsauri*, (Beirut : Darul Kutub al-Ilmiyah, 1983)

<sup>176</sup> Al-Nawawi, *Al-Arba'ūn al-Nawawiyah wa Sharhuhā*. 63-65.

<sup>177</sup> *Ibid.*,

<sup>178</sup> Zaharuddin Abd Rahman, “Hukum Berkekaan Facebook,” 38.



samar haruslah ditinggalkan agar tidak terjerumus kepada perkara yang haram. Sebagaimana hadis al-Nu‘man bin Basyir Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

الْحَالُلُ بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنَ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَةٌ

Terjemahan: “Perkara yang halal itu terang dan perkara yang haram juga terang dan di antara kedua itu terdapat beberapa perkara yang samar.”<sup>179</sup>

Mendengar muzik dan hiburan adalah antara contoh aktiviti pengguna internet masa kini yang mempunyai pelbagai pendapat dan percanggahan hukum. Salah satu pandangan menurut Mazhab Imam Ahmad dan Imam Malik, nyanyian itu melahirkan sifat nifak di dalam hati, makruh hukumnya mendengar nyanyian tanpa alat muzik dan haram sekiranya menggunakan alat muzik.<sup>180</sup>

Menurut Pahrol Muhammad Juoi pula, nyanyian atau hiburan itu dibahagikan kepada tiga iaitu hiburan sejati, hiburan sampingan dan hiburan yang melalaikan. Hiburan sejati adalah solat, zikir dan mengaji, hiburan sampingan termasuk nyanyian nasyid atau lagu-lagu yang mengajak ke arah kebaikan dan hiburan yang melalaikan adalah hiburan yang tidak memberi faedah. Malangnya hiburan moden yang melalaikan inilah yang menjadi kegemaran pengguna internet masa kini termasuk lagu, filem dan muzik yang mengasyikkan.<sup>181</sup>

Kesimpulannya, tidak salah berhibur melalui medium internet namun perlu tahu batas serta bijak memilih bahan hiburan yang memberi manfaat. Penggunaan internet harus dikawal agar aktiviti-aktiviti yang dilakukan di laman sosial tidak menjadi haram. Apabila berlaku sesuatu yang dibimbangi akan mendatangkan keburukan pada akhirnya, maka adalah lebih baik ia ditinggalkan dan dicegah lebih awal agar pengguna akan beroleh kebaikan dan pahala kerana meninggalkan perkara yang samar atau makruh.

<sup>179</sup> *Ibid.*, 36-37.

<sup>180</sup> „Ala‘uddin ‘Abi al-Hasan „Ali bin Sulaiman bin ‘Ahmad al-Mardawi, *al-‘Inṣaf fī Ma‘rifah al-Rājih min al-Khilāf*, (Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah, 1998)

<sup>181</sup> Pahrol Mohamad Juoi, “Mari berhibur dengan Iman,” *Majalah Solusi Isu* 57, Mei 2013, 16-18.

## v. **Haram**

Haram bermaksud tuntutan syarak supaya meninggalkan perbuatan dengan tuntutan pasti. Dalam erti kata lain, haram ialah sesuatu perbuatan yang diberikan pahala apabila menjauhinya dan berdosa serta mendapat seksa jika melakukannya.<sup>182</sup> Penggunaan internet menjadi haram apabila ia digunakan untuk perkara kemaksiatan seperti melihat aurat seseorang, menonton video lucah atau porno, mengabaikan solat dan mengabaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah. Menjaga pandangan dan penglihatan merupakan perkara yang diperintahkan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran Firman Allah S.W.T:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ

لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

Surah al-Nur 24:30

Terjemahan : Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah S.W.T amat dalam pengetahuanNya tentang apa yang mereka kerjakan.

Menahan penglihatan mata menjamin kebersihan dan ketenteraman jiwa. Jika nafsu tidak dikawal maka seseorang itu akan terjebak dalam perbuatan maksiat dan zina. Tarikan antara lelaki dan wanita adalah fitrah, namun ia perlu dikawal dengan iman dan cara yang betul.<sup>183</sup> Ayat ini diturunkan bagi memberi peringatan dan mendidik umat Islam pada zaman Rasulullah S.A.W daripada melihat ke arah wanita-wanita yang tidak menutup aurat. Tegahan dalam ayat ini adalah larangan untuk melihat perempuan

<sup>182</sup> Khalid Ramadhan Hasan, *Mu'jam Usul al-Fiqh*, (Kaherah : Dar al-Raudhah, 1998): 102-103.

<sup>183</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu" 17,18,19 & 20*, (Jakarta : Pustaka Panjimas, 1988), 177-188.

yang mendedahkan aurat semata-mata. Maka, melihat gambar porno adalah lebih dilarang dan diharamkan. Melihat perkara yang haram juga dapat merosakkan hati.<sup>184</sup>

Para salafussoleh telah berkata bahawa pandangan ke arah perkara-perkara yang ditegah adalah panahan daripada panahan syaitan.<sup>185</sup> Mereka yang cenderung melihat gambar porno atau lucu akan hilang nur dari wajahnya selain hilang fokus dalam ibadat dan amalan-amalan harian yang lain. Seseorang yang suka melihat gambar-gambar porno akan berhadapan dengan gangguan emosi yang tidak stabil.<sup>186</sup>

Penggunaan media sosial dan internet juga membuka ruang komunikasi antara bukan muhrim yang akhirnya menjurus ke arah kemaksiatan. Menurut Mufti Pahang, Datuk Abdul Rahman Osman dan Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Hassan Ahmad, perbualan individu bukan muhrim menerusi media sosial tanpa batasan hingga mendorong perlakuan maksiat adalah haram. Mereka berpendapat bahawa perbualan, pergaulan dan segala perbuatan yang menjurus kepada maksiat atau bertentangan Islam tetap dilarang dalam Islam walaupun di media sosial kerana ia boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan walaupun tanpa hubungan fizikal.<sup>187</sup>

Selain itu, penggunaan internet dan media sosial kini banyak menimbulkan pelbagai fitnah dengan pelbagai cerita dan gambar yang dimuatnaik. Mufti Wilayah Persekutuan, Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri menjelaskan bahawa sikap warak dan berhati-hati adalah perkara yang perlu diutamakan dalam menggunakan internet.<sup>188</sup>

Apabila dibimbangi gambar yang dimuatnaik akan menimbulkan fitnah, maka ia

---

<sup>184</sup> Mohd Farid Ravi Abdullah, "Haram Melihat Gambar Porno", Utusan Online, diakses pada 26 Ogos 2018, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0922&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_02.htm#ixzz5fvdUHAIy](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0922&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm#ixzz5fvdUHAIy)

<sup>185</sup> Ibnu Katsir, *Tafsir Ibnu Katsir (Tafsir al-Qurān al-Azīm)*, 283.

<sup>186</sup> Mohd Farid Ravi Abdullah, "Haram Melihat Gambar Porno", Utusan Online.

<sup>187</sup> "Mufti: Haramkan Sembang Maksiat di Laman Sosial," Malaysia Kini, diakses pada 20 Disember 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/251329>

<sup>188</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri, "Hukum Memuat Naik Gambar Tidak Menutup Aurat" Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 20 Disember 2018, <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/117-artikel/irsyad-fatwa/2412-irsyad-al-fatwa-227-hukum-memuat-naik-gambar-tidak-menutup-aurat-di-media-sosial>

diharamkan berdasarkan kaedah *sadd al-dhara'i*, iaitu mestilah mencegah perkara-perkara harus yang boleh membawa kepada yang haram.

Ini juga juga berdasarkan kaedah fiqh lain yang berbunyi:

مَا أَدَىٰ إِلَى الْحُرَامِ فَهُوَ حَرَامٌ

Maksudnya: Apa sahaja yang membawa kepada yang haram, maka ia haram.<sup>189</sup>

Ini juga berdasarkan satu kaedah:

اتَّقُوا مَوَاضِعَ الشُّهُمِ

Maksudnya: Berhati-hatilah kalian dengan ruang-ruang tohmahan.<sup>190</sup>

Seterusnya, penggunaan internet yang berlebihan sehingga membazir masa, tenaga serta mengabaikan tanggungjawab ibadah dan tanggungjawab sebagai pelajar atau pekerja turut mengubah penggunaan internet menjadi haram. Jumhur ulama menetapkan bahawa segala yang boleh memudaratkan kaum muslimin wajib dijauhi.<sup>191</sup>

Justeru, penggunaan internet yang membawa kepada kemudatan sama ada mudarat terhadap kesihatan individu, kemusnahan akhlak, malah melalaikan ibadat hamba kepada Allah S.W.T maka penggunaan yang demikian harus dijauhi. Selaras dengan kata-kata Imam al-Shātibi : “Sesungguhnya syariat itu diasaskan untuk membawa kemaslahatan kepada manusia.”<sup>192</sup> Taklif syarak hakikatnya disyariatkan demi untuk menolak kemudatan selaras dengan lafaz kaedah lain antaranya :

دَرَأُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

<sup>189</sup> Ahmad bin Muhammad al-Zarqa, *Sharh Al-Qawā'id Al fiqhiyyah*, (Damsyik: Dār al-Qalam, cet 5,1998) : 38.

<sup>190</sup> *Ibid.*,

<sup>191</sup> Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali@Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh*, 175-177.

<sup>192</sup> Abd Karim Zaydan, *Majmu'ah Buhuth Fiqhiyyah*, (Baghdad: Maktabah al-Quds, 1986): 25.

Maksudnya : Membendung kerosakan diutamakan daripada menarik kemaslahatan.<sup>193</sup>

Untuk itu, sekiranya penggunaan internet memudaratkan penggunanya dari segi fizikal, mental, emosi, sosial dan agamanya maka ia perlu dielakkan. Penggunaan internet berlebihan dilihat membawa kepada fenomena menzalimi diri sendiri dengan mengabaikan makan, minum, tidur, rehat, mengganggu produktiviti di sekolah serta mengabaikan ibadah selain memudaratkan kesihatan mata, jantung, dan tubuh badan.<sup>194</sup>

Kaedah fiqh ini mengajarkan bahawa tidak boleh sama sekali melakukan kerosakan dan kemudaratkan terhadap diri sendiri apatah lagi terhadap orang lain.<sup>195</sup> Selain itu ayat al-Quran turut menjelaskan umat Islam dilarang membawa diri ke arah kebinasaan sebagaimana firman Allah S.W.T :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

حُبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Surah al-Baqarah 2:195

Terjemahan : Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah S.W.T, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana Sesungguhnya Allah S.W.T mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Kebiasaan dalam ayat ini merujuk kepada kelalaian. Kebiasaan yang diterangkan dalam ayat ini juga adalah bakhil, malas berkorban dan takut mengeluarkan harta benda. Allah juga memerintahkan kita agar berbuat baik atau ihsan. Ihsan bermaksud melakukan ibadah kepada Allah seolah-olah Allah melihat kita. Justeru kita

<sup>193</sup> Ibrahim Muhammad Mahmud al-Hariry, *al Madkhal Ilā al Qawāid al Fiqhiyyah al Kulliyah*, cetakan 1, (Amman: Dar ,Ammar, 1998) : 90.

<sup>194</sup> Nandhini, "Evaluation of Internet Addiction Disorder among Students," 2.

<sup>195</sup> Abd Karim Zaydan, *Majmū'ah Buhuth Fiqhiyyah*, 25

akan sentiasa memperbaiki amalan dan menjauhi segala larangan.<sup>196</sup> Untuk itu, internet harus digunakan tanpa sebaiknya tanpa mendatangkan kesan negatif atau sesuatu yang memudaratkan diri dan orang lain.

Selain itu, pengharaman penggunaan internet yang memudaratkan diri dan masyarakat sangat signifikan dalam pelaksanaan fiqh kepenggunaan yang baik. Penggunaan internet haruslah dilaksanakan secara sederhana, produktif dan tidak membazir sepertimana kata-kata Yusuf al-Qarāḍawi yang menjelaskan jika kesederhanaan dalam berbelanja dan penjimatan dalam menggunakan (harta dan wang ringgit) telah menjadi kebiasaan serta tradisi sesuatu bangsa, nescaya akan terkumpullah bagi mereka satu potensi kekayaan yang sangat besar. Masyarakat yang mengamalkan konsep ini merupakan masyarakat yang dewasa dan memiliki pemahaman yang matang dalam kehidupan.<sup>197</sup>

### 3.3 Etika Kepenggunaan Internet

Etika berasal daripada perkataan Greek „*ethos*“. Dari segi bahasa, ia bermaksud perwatakan, tingkah laku, prinsip-prinsip moral yang mempengaruhi kelakuan dan nilai-nilai yang menjadi pegangan individu mahupun kumpulan.<sup>198</sup>

Dalam Islam, akhlak merupakan istilah terbaik dalam mentafsirkan etika seorang Muslim. Dari segi bahasa, akhlak merujuk kepada budi pekerti, sifat, kelakuan, perangai, watak dan tabiat manusia. Dari segi istilah, akhlak merujuk kepada sifat yang tertanam dalam jiwa individu, di mana perbuatan akan lahir daripadanya dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Takrifan akhlak ini memperlihatkan bahawa akhlak bermula dari dalam hati dan terserlah melalui perlakuan

---

<sup>196</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu" 1,2 & 3*, (Jakarta : Pustaka Panjimas, 1988), 124-127.

<sup>197</sup> Yusuf al-Qarāḍawi, "Memahami Keutamaan Berasaskan al-Quran dan Sunnah" dalam *Maqasid Syariah;Isu-isu Kepenggunaan:Realiti dan Cabaran*, (Selangor:Persatuan Ulama" Malaysia, 2013): ivv.

<sup>198</sup> Judy Pearsall, ed., *The Concise Oxford Dictionary, edisi 10*, (London : Oxford University Press, 2000): 489-490.

zahir individu. Justeru, etika seorang Muslim turut menggunakan acuan yang sama. Justeru antara etika yang harus diamalkan dalam penggunaan internet ialah:<sup>199</sup>

### **1) Penggunaan berpandukan ilmu**

Antara kepentingan yang diutamakan oleh syariat adalah keutamaan mendahulukan ilmu berbanding amalan. Ilmu menjadi petunjuk dan panduan. Sebuah hadith daripada Mua'dz menyebut „Ilmu adalah imam dan amalan adalah makmum“. Sesuatu ucapan dan perbuatan tidak dianggap sebagai betul tanpa ilmu. Ilmu pengetahuan dianggap lebih utama daripada ibadah. Ini kerana, manfaat ibadah hanya kembali kepada pelaku ibadah itu, sedangkan manfaat ilmu pengetahuan adalah lebih luas untuk manusia.<sup>200</sup>

Selain itu, ilmu membetulkan niat perbuatan yang dilakukan oleh individu. Justeru, para pelajar diwajibkan menuntut ilmu berkaitan kepenggunaan internet. Ilmu pengetahuan ini penting untuk mengetahui hukum- hakam agama tentang melihat grafik atau video di laman sesawang yang haram. Seterusnya, pengguna perlulah beramal dengan ilmu yang telah dipelajari dengan amalan zahir dan amalan batin. Amalan zahir yang dilakukan wajib disertai dengan amalan batin atau amalan yang dilakukan oleh hati seperti taubat, sabar, ikhlas, tawakal, syukur, redha dan lain-lain agar perbuatan zahir iaitu penggunaan internet dapat dikawal dan lebih terarah.<sup>201</sup>

### **2) Penggunaan berdisiplin**

Antara peraturan paling penting dalam kepenggunaan Islam ialah segala aktiviti kepenggunaan mestilah diselaraskan mengikut keutamaan, keperluan semasa, situasi

---

<sup>199</sup> Amini Amir “Etika Digital,” 68.

<sup>200</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Fiqh Keutamaan: Keutamaan Seorang Muslim*, terj. Lasafurdi Lahadi dan Ahmad Muzzakir Ahlami, (Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn Bhd, 2014): 61.

<sup>201</sup> Al-Ghazali Abu Hamid dan Muhammad Ibnu Muhammad, *Minhaj Al-A'bidin : Petunjuk Bagi Orang -Orang Ahli Ibadah*, terj. Abu Mazaya al-Hafiz, (Johor Bahru, Perniagaan Jahabersa, 2006),:2.

masyarakat dan kemampuan ekonomi individu.<sup>202</sup> Selain itu, aktiviti kepenggunaan hendaklah dilaksanakan berasaskan aqidah, akhlak diri dan peraturan pemerintah. Paling utama ianya mestilah berdisiplin dengan menepati prinsip halal-haram yang telah ditetapkan dalam Islam.<sup>203</sup>

Antara penggunaan berdisipin termasuklah;

- i. Penggunaan internet dengan objektif yang jelas.
- ii. Menggunakan internet sekadar yang perlu sahaja.
- iii. Sederhana dan tidak membazir dalam penggunaan internet.
- iv. Meninggalkan perkara haram dan perkara syubhah (meragukan)

### 3) Penggunaan berhemat

Penggunaan berhemat merupakan amalan asas yang ditekankan dalam Kempen Konsumer Kebangsaan. Ia bertujuan untuk mengajak setiap pengguna untuk merenung kembali corak penggunaan mereka dalam sesuatu perkhidmatan. Penggunaan berhemat memerlukan pemikiran yang jelas, terbuka dan fokus terhadap tugas yang sedang dijalankan.<sup>204</sup>

Sebagai pengguna yang berhemat, akal minda kita perlu peka, jelas dan fokus pada rutin hidup seharian terutama dalam pengurusan kewangan dan penggunaan. Rutin ini amat penting kerana ia sarat dengan objektif hidup dan dibimbing dengan petunjuk yang amat bermakna dan spesifik yang akan menjauhkan kita daripada pembaziran. Penggunaan berhemat juga adalah mengenai sikap lebih berwaspada kepada kepercayaan dan perwatakan yang mempengaruhi corak dan penggunaan.<sup>205</sup>

---

<sup>202</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Merekonstruksikan Metodologi Konsep Fiqh Kepenggunaan Islam,": 2.

<sup>203</sup> *Ibid.*, 2.

<sup>204</sup> Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna, "Penggunaan Berhemat, Kempen Konsumer Kebangsaan 2008-2012"(Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC), Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) Petaling Jaya, Selangor 2009):3.

<sup>205</sup> *Ibid.*,3.



Sebagai pelajar, terutamanya di peringkat rendah, pelajar perlu mengetahui beberapa ciri sebagai pengguna berhemat dalam penggunaan internet. Antara ciri pengguna berhemat adalah :<sup>206</sup>

- i. Pengguna berhemat mampu membezakan tujuan melayari internet antara keperluan mencari maklumat pelajaran atau kehendak hiburan semata-mata
- ii. Pengguna berhemat berfikir tentang kesan masa hadapan apabila membazir dalam penggunaan internet.
- iii. Pengguna berhemat menghormati nilai norma kehidupan dengan tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim, anak dan pelajar.
- iv. Pengguna berhemat itu adalah apabila pelajar sedar jumlah wang yang mereka miliki dan perbelanjaan internet mereka adalah selari dengan wang yang dimiliki.

Justeru, para pengguna yang terdiri daripada kalangan pelajar haruslah peka dan sedar akan ruang dan batas dalam menggunakan perkhidmatan internet agar dapat menjadi pengguna yang berhemat sesuai dengan status sebagai seorang pelajar.

#### **4) Penggunaan bertujuan**

Aktiviti kepenggunaan seharusnya dilihat sebagai satu ketaatan seorang hamba dalam melaksanakan perintah Allah S.W.T agar menggunakan sesuatu perkhidmatan atau barangan yang halal lagi baik dengan tujuan yang memberi manfaat. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ

يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٥﴾

Surah al-Jatsiah 45 :13

---

<sup>206</sup> *Ibid.*,5.

Terjemahan : Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.

Aspek ketaatan dan rasa kehambaan inilah yang memberi nilai ibadah kepada kepenggunaan manusia. Untuk itu, sebagai pengguna internet yang soleh, amatlah dituntut agar menggunakan internet dalam keadaan tidak memudaratkan fizikal yang telah dikurniakan oleh sebaik-baik kejadian. Aktiviti kepenggunaan internet seharusnya dengan tujuan yang baik, menyebarkan kebaikan, menuntut ilmu Allah S.W.T dan menghayati ciptaan Allah S.W.T dalam semua aspek kehidupan. Antara aturan dalam melaksanakan tujuan penggunaan internet termasuklah:<sup>207</sup>

- i. Menepati syariat Islamiah, iaitu melayari internet dengan berpandukan syariat Islam. Mengelak dari melayari laman yang membawa ke arah kemaksiatan.
- ii. Memberi kesan positif kepada nilai-nilai masyarakat iaitu menggunakan internet ke arah menyebarkan kebaikan serta berdakwah di atas jalan Allah S.W.T dan menghindar kemungkaran.
- iii. Tidak merosakkan harta iaitu menggunakan teknologi internet sebaiknya tanpa merosakkan perisian digital yang dibangunkan.

Tujuan penggunaan internet haruslah dilaksanakan mengikut keutamaan. Keutamaan yang perlu diterapkan dalam amalan manusia adalah mengutamakan amalan yang mempunyai banyak manfaat, memberi kebaikan dan kemudahan kepada orang lain. Manfaat besar yang dapat dirasakan oleh orang lain mempunyai keutamaan dan pahala yang besar di sisi Allah S.W.T.<sup>208</sup>

---

<sup>207</sup> Amini Amir "Etika Digital," 78.

<sup>208</sup> Yusuf Al-Qarāḍawi, *Fiqh Keutamaan*, 29.

Untuk itu dalam menggunakan internet, pengguna haruslah mengetahui keutamaan penggunaannya, mengutamakan pelajaran berbanding hiburan, mengutamakan ilmu baru berbanding lagu baru mengutamakan manfaat berbanding mudarat dan sebagainya. Pengguna harus menetapkan tujuan dan mengetahui keutamaan sesuatu perkara sebelum melayari internet.

### **3.4 Kesimpulan**

Islam sebagai agama yang komprehensif telah menggariskan panduan yang jelas antara sesuatu yang digalakkan, dibenarkan malah yang diharamkan. Ia sebagai panduan bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan. Dalam era ledakan teknologi maklumat, penggunaan internet merupakan sebahagian daripada rutin kehidupan manusia yang tidak dapat dipisahkan, juga merentasi pelbagai lapisan umur dan masyarakat serta status sosial. Penggunaannya dalam konteks yang mendatangkan manfaat dan faedah adalah diharuskan sebaliknya jika digunakan internet dengan tujuan maksiat, lalai dan sia-sia ia boleh membawa kepada hukum makruh dan haram.

## **BAB 4: ANALISIS DATA**

### **4.1 Pengenalan**

Bab empat merupakan hasil dapatan soal selidik yang telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) for Windows Version 22.0*. Kajian ini bertujuan melihat tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah rendah serta mengkaji hubungan antara pengetahuan tentang hukum dan etika penggunaan internet terhadap tahap penggunaan internet mereka.

Dapatan kajian pada bab empat ini adalah bagi membincangkan dan menjawab persoalan serta hipotesis kajian yang melibatkan perkara berikut iaitu tahap penggunaan internet pelajar lelaki dan perempuan, hubungan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet dan hubungan antara pengetahuan etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet. Perbincangan akan melihat hipotesis kajian dengan dapatan sebenar kajian serta perkaitannya dengan perbincangan kajian-kajian lepas.

### **4.2 Analisis Data**

#### **4.2.1 Maklumat demografi**

Latar belakang demografi kajian tebahagi kepada tiga belas item iaitu maklumat jantina, umur, akses internet di rumah, cara mengakses internet, kehadiran ke kafe siber, alat komunikasi yang diguna untuk melayari internet, pendapatan kasar keluarga, tempoh melayari internet, laman sosial yang dimiliki, tujuan melayari internet, video yang selalu ditonton di *Youtube* dan sebab pelajar suka melayari internet. Sejumlah 350 set soal selidik telah diedarkan kepada murid sekolah rendah di dua buah sekolah berhampiran, namun hanya 328 sahaja diterima lengkap manakala 22 set lagi tidak

dijawab dengan lengkap. Jadual di bawah tidak melibatkan semua item, beberapa item sahaja dipilih yang dirasakan penting bagi kajian yang telah dijalankan ini.

**Jadual 4.1 : Analisis Demografi responden**

<b>Ciri</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b><i>Jantina</i></b>		
Lelaki	164	50.0
Perempuan	164	50.0
<b><i>Umur</i></b>		
10 tahun	148	45.1
11 tahun	180	54.9
<b><i>Internet di rumah</i></b>		
Tiada	55	16.8
Ada	273	83.2
<b><i>Dua cara melayari Internet</i></b>		
Wi-fi kedai makan, Wi-fi di rumah	100	30.5
Wi-fi di rumah, Melanggan data Internet	72	22.0
Lain-lain	156	47.5
<b><i>Pergi Cyber Café</i></b>		
Ya	25	7.6
Tidak	215	65.5
Kadang-kadang	88	26.8
<b><i>Alat komunikasi utama</i></b>		
Telefon Pintar (Smart Phone)	206	62.8
Komputer (Desktop)	32	9.8
Laptop	32	9.8
Tablet	29	8.8
I-pad	28	8.5
Televisyen	1	0.3
<b><i>Pendapatan kasar keluarga</i></b>		
RM 3000 ke bawah	98	29.9

RM 3001-4000	47	14.3
RM 4001-5000	58	17.7
RM 5001-6000	30	9.1
RM 6001-7000	33	10.1
RM 7001 dan ke atas	62	18.9
<b><i>Tempoh masa sehari</i></b>		
Kurang dari 1 jam	89	27.1
1 jam – 2 jam	101	30.8
2 jam – 3 jam	57	17.4
3 jam – 4 jam ke atas	81	24.7
<b><i>Keutamaan melayari internet</i></b>		
<i>Chatting di WhatsApp</i>	120	36.6
<i>Menonton Youtube</i>	69	21.0
<i>Bermain Online Game</i>	63	19.2
Lain-lain	76	23.2

Jadual 4.1 menggambarkan latar belakang responden yang telah dikaji. Pengkaji memilih responden berumur 10 hingga 11 tahun dengan jumlah jantina yang sama untuk melihat perbezaan tahap penggunaan internet antara jantina. Dilihat semula daripada jadual di atas ternyata seramai 273 orang responden memiliki akses internet di rumah iaitu sebanyak 83.2% berbanding 55 orang responden iaitu 16.8% responden tidak memiliki akses internet di rumah.

Seterusnya taburan bagi alat komunikasi yang digunakan oleh responden untuk melayari internet dilihat seramai 206 orang responden iaitu 62.8% menggunakan telefon pintar (*smartphone*) sebagai medium utama, diikuti komputer 32%, komputer riba 32%, tablet 29%, *i-pad* 28% dan televisyen 1%.

Pendapatan kasar keluarga pula didapati 29.9% murid dari keluarga berpendapatan RM3000 ke bawah, 14.3% dengan pendapatan RM3001-RM4000, 17.7% dengan pendapatan RM4001-RM5000, 9.1% dengan pendapatan RM5001-

RM600, 10.1% dengan pendapatan RM6001-RM7000 manakala 18.9% murid dari keluarga berpendapatan RM7000 ke atas.

Seterusnya, tempoh masa penggunaan internet, kebanyakan responden telah menghabiskan masa selama 1 hingga 2 jam sehari untuk melayari internet dalam sehari iaitu seramai 101 responden (30.8%), tempoh kurang dari 1 jam seramai 89 responden (27.1%), 2 hingga 3 jam seramai 57 orang (17.4%) dan 3 hingga 4 jam ke atas seramai 81 orang (24.7%).

Bagi item keutamaan responden melayari internet, didapati *WhatsApp* menjadi keutamaan responden apabila melayari internet. Responden telah memilih *chatting* di *WhatsApp* sebagai perkara pertama apabila melayari internet, keutamaan kedua ialah melayari laman *Youtube* dan keutamaan ketiga ialah bermain *Online Game*. Ketiga-tiga keutamaan ini telah dipilih sebagai 3 item utama yang sering dilayari oleh responden daripada kesepuluh item yang telah disenaraikan (lain-lain).

#### **4.2.2 Tahap penggunaan internet**

Item soal selidik yang dibangunkan telah diasimilasikan dari soal selidik ketagihan internet yang diperkenalkan oleh Kimberly S. Young, *Internet Addiction Test* (IAT). Ujian IAT yang dijalankan oleh Young lebih tertumpu kepada orang dewasa dan remaja. Oleh itu, pengkaji membina semula item soal selidik dan ditambah lagi beberapa item yang bersesuaian dengan kandungan kurikulum Pendidikan Islam, tahap pemikiran dan rutin harian pelajar sekolah rendah peringkat umur 10 hingga 11 tahun.

Sebelum analisis dijalankan, pengkaji telah melakukan *Normality Test* bagi melihat kenormalan taburan data. Didapati data tertabur secara normal maka ujian parametrik telah dijalankan dan data dinyatakan sebagai min. Selepas dijalankan *Reliability Test*, didapati item kesan sosial adalah tidak berkait atau tidak memberi kesan terhadap tahap penggunaan internet. Maka, pengkaji menggugurkan item kesan

sosial dalam kajian ini. Berikut merupakan jadual min bagi tahap penggunaan internet pelajar sekitar Pekan Subang mengikut konstruk sikap dan tingkah laku, konstruk kesan fizikal dan konstruk kesan emosi.

**i. Konstruk sikap dan tingkah laku**

Analisis deskriptif menggunakan nilai skor min dijalankan untuk menilai sikap dan tingkah laku pengguna internet. Data diambil untuk mengetahui tahap penggunaan internet melalui konstruk tingkah laku responden yang terlibat dengan menggunakan nilai 4 tahap skala likert.

**Jadual 4.2 : Tahap penggunaan internet (konstruk sikap/tingkah laku)**

Sikap dan tingkah laku	Tahap penggunaan (frekuensi/peratus)				Min (M)
	1	2	3	4	Sisihan piawai
Melayari internet setiap hari	44 13.4	49 14.9	123 37.5	112 34.1	2.92 1.01
Melayari internet sepanjang hari di hujung minggu	72 22.0	74 22.6	95 29.0	87 26.5	2.60 1.10
<i>Chatting</i> dengan rakan sehingga lewat malam.	227 69.2	33 10.1	46 14.0	22 6.7	1.56 0.95
Berbohong dengan ibu apa yang dilakukan semasa melayari internet.	281 85.7	22 6.7	23 7.0	2 0.6	1.20 0.56
Berbohong dengan ayah apa yang dilakukan semasa melayari internet.	302 92.1	14 4.3	10 3.0	2 0.6	1.11 0.43
Berbohong dengan guru apa yang dilakukan semasa melayari internet.	299 91.2	17 5.2	8 2.4	4 1.2	1.13 0.47
Berbohong dengan rakan apa yang dilakukan semasa melayari internet.	246	45	27	10	1.38



	75.0	13.7	8.3	3.0	0.76
Terus melayari internet apabila pulang dari sekolah.	114	72	77	65	2.28
	34.8	22.0	23.5	19.7	1.14
Menjerit jika ada yang mengganggu semasa bermain <i>online game</i> .	183	70	43	32	1.76
	55.8	21.3	13.1	9.8	1.00
Ponteng aktiviti sekolah untuk bermain <i>online game</i> di kafe siber.	317	6	3	2	1.05
	96.6	1.8	0.9	0.6	0.33
Lupa untuk makan semasa melayari internet.	204	62	47	15	1.60
	62.2	18.9	14.3	4.6	0.89
Meninggalkan solat kerana asyik melayari internet.	242	45	32	9	1.41
	73.8	13.7	9.8	2.7	0.78
Tidak mengaji kerana asyik melayari internet.	248	45	25	10	1.37
	75.6	13.7	7.6	3.1	0.74
Cuba untuk melayari internet sebentar sahaja, tetapi gagal.	122	86	58	62	2.18
	37.2	26.2	17.7	18.9	1.13
Mahu “tambah beberapa minit lagi” semasa melayari internet.	122	73	78	55	2.19
	37.2	22.3	23.7	16.8	1.12
Mengabaikan kerja rumah apabila melayari internet.	189	64	47	28	1.73
	57.6	19.5	14.4	8.5	0.99
Menghabiskan banyak wang untuk bermain <i>online game</i> di kafe siber.	297	12	12	7	1.17
	90.5	3.7	3.7	2.1	0.57
Melanggan data internet untuk bermain <i>game</i> di telefon pintar.	172	57	58	41	1.89
	52.4	17.4	17.7	12.5	1.09
Lakukan aksi bertarung yang saya lihat di internet.	246	32	29	21	1.46
	75.0	9.8	8.8	6.4	0.90

Lakukan aksi buli yang saya lihat di internet.	300 91.5	12 3.7	11 3.3	5 1.5	1.10 0.45
Malas melakukan kerja sekolah apabila melayari internet.	176 53.7	86 26.2	45 13.7	21 6.4	1.72 0.93
Tidak mudah putus asa, seperti tidak putus asa dalam bermain <i>game</i> .	96 29.3	70 21.3	54 16.5	108 32.9	2.53 1.23
Lakukan eksperimen sains yang dilihat di internet.	58 17.7	72 22.0	79 24.0	119 36.3	2.79 1.12
Lakukan tingkah laku baik yang dilihat di internet.	124 37.8	120 36.6	48 14.6	36 11.0	1.98 0.98
Menghabiskan banyak masa melayari laman pembelajaran.	48 14.6	97 29.6	96 29.3	87 26.5	2.68 1.02

Nota : \*1-tidak, 2-jarang-jarang, 3-kadang-kadang, 4-selalu

Berdasarkan jadual 4.2, tahap penggunaan internet melalui konstruk sikap dan tingkah laku menunjukkan responden melayari internet setiap hari mempunyai nilai min yang tertinggi (M=2.92, SP=1.01). Diikuti melakukan eksperimen sains yang dilihat (M=2.79, SP=1.12), menghabiskan banyak masa melayari laman pembelajaran (M=2.68, SP=1.02), melayari internet sepanjang hari semasa hujung minggu (M=2.60, SP=1.10) dan tidak mudah putus asa seperti tidak berputus asa dalam bermain *game* (M=2.53, SP=1.23).

Seterusnya sikap dan tingkah laku yang sederhana ditunjukkan oleh responden iaitu terus melayari internet apabila pulang dari sekolah (M=2.28, SP=1.14), diikuti mahu „tambah beberapa minit lagi“ semasa melayari internet (M=2.19, SP=1.12), kemudian cuba melayari internet sebentar sahaja tetapi gagal (M=2.18, SP=1.13),

melakukan tingkah laku yang baik semasa melayari internet (M=1.98, SP=0.98), melanggan data internet untuk bermain *game* di telefon pintar (M=1.89, SP=1.09), menjerit jika ada yang mengganggu semasa bermain online game (M=1.76, SP=1.10), mengabaikan kerja rumah semasa melayari internet (M=1.73, SP=0.99), malas melakukan kerja sekolah apabila melayari internet (M=1.72, SP=0.93), lupa untuk makan semasa melayari internet (M=1.60, SP=0.89) dan *chatting* dengan rakan sehingga lewat malam dengan nilai min (M=1.56, SP=0.95).

**Jadual 4.3 : Rumusan nilai min konstruk sikap / tingkah laku**

<b>Jumlah item</b>	<b>Nilai min</b>	<b>Sisihan piawai</b>
25	1.7948	0.32513

Berdasarkan jadual 4.3, rumusan nilai min bagi konstruk sikap dan tingkah laku pelajar adalah (M=1.79, SP=0.33) iaitu pada skala 2 jarang-jarang. Konstruk sikap dan tingkah laku ini merujuk kepada sikap serta tingkah laku positif dan negatif responden semasa menggunakan internet. Walaupun data menunjukkan responden melayari internet setiap hari adalah yang tertinggi, namun penggunaan internet tersebut bukan sahaja untuk perkara yang melalaikan, terdapat juga penggunaan internet untuk perkara yang berfaedah seperti melayari laman pembelajaran dan berkongsi idea dan maklumat dengan rakan di media sosial.

## **ii. Konstruk kesan fizikal**

Analisis deskriptif menggunakan nilai skor min dijalankan untuk menilai kesan fizikal pengguna internet. Data diambil untuk mengetahui tahap penggunaan internet melalui kesan fizikal responden yang terlibat dengan menggunakan nilai 4 tahap skala likert.

**Jadual 4.4 : Tahap penggunaan internet (konstruk kesan fizikal)**

Kesan fizikal	Tahap penggunaan (frekuensi/peratus)				Min (M)
	1	2	3	4	Sisihan piawai
Penglihatan kabur akibat menghadap skrin terlalu lama.	192	54	37	45	1.80
	58.5	16.5	11.3	13.7	1.10
Kepala pening akibat melayari internet terlalu lama.	158	73	56	41	1.93
	48.2	22.3	17.0	12.5	1.07
Pinggang sakit akibat melayari internet terlalu lama.	248	39	24	17	1.41
	75.6	11.9	7.3	5.2	0.83
Tangan lenguh akibat lama bermain <i>online game</i> .	134	59	79	56	2.16
	40.9	18.0	24.1	17.0	1.14
Leher sakit akibat menghadap gajet terlalu lama	162	63	60	43	1.95
	49.4	19.2	18.3	13.1	1.09
Mengabaikan kebersihan diri kerana media sosial.	259	30	23	14	1.36
	79.0	9.1	7.6	4.3	0.79
Badan lemah di sekolah akibat melayari internet hingga lewat malam.	250	31	28	19	1.43
	76.2	9.5	8.5	5.8	0.87
Mata bengkak kerana tidak cukup tidur akibat melayari internet.	256	41	21	10	1.33
	78.0	12.5	6.5	3.0	0.72

Nota : \*1-tidak, 2-jarang-jarang, 3-kadang-kadang, 4-selalu

Berdasarkan jadual 4.4, kesan fizikal dalam tahap penggunaan internet responden yang tertinggi ialah tangan lenguh akibat lama bermain *online game* (M=2.16, SP=1.14), diikuti leher sakit akibat menghadap gajet terlalu lama (M=1.95, SP=1.09), kepala pening akibat menghadap skrin terlalu lama (M=1.93, SP=1.07) dan penglihatan kabur akibat menghadap skrin terlalu lama (M=1.80, SP=1.10).

**Jadual 4.5 : Rumusan nilai min konstruk kesan fizikal**

Jumlah item	Nilai min	Sisihan piawai
8	1.6713	0.52743

Berdasarkan jadual 4.5 rumusan nilai min bagi konstruk kesan fizikal penggunaan internet ialah ( $M=1.67$ ,  $SP=0.53$ ) pada skala 2 iaitu jarang-jarang berlaku. Secara keseluruhan, rumusan ini menunjukkan berlaku beberapa kesan fizikal dalam kalangan responden yang menggunakan internet seperti tangan lenguh, leher sakit, kepala pening dan penglihatan kabur akibat menghadap gajet atau bermain *online game* terlalu lama. Manakala bagi kesan fizikal yang lain berada pada tahap rendah namun masih berlaku iaitu kesakitan pada bahagian pinggang, mengabaikan kebersihan diri kerana lalai dengan media sosial, lemah badan di sekolah dan mata bengkak akibat melayari internet terlalu lama.

**iii. Konstruk kesan emosi**

Analisis deskriptif menggunakan nilai skor min dijalankan untuk menilai emosi pengguna internet. Data diambil untuk mengetahui tahap penggunaan internet melalui konstruk emosi responden yang terlibat dengan menggunakan nilai 4 tahap skala likert.

**Jadual 4.6 : Tahap penggunaan internet (konstruk kesan emosi)**

Kesan emosi	Tahap penggunaan (frekuensi/peratus)				Min (M)
	1	2	3	4	Sisihan piawai
Rasa tenang apabila dapat berbual dengan rakan di laman sosial.	99	70	60	99	2.48
	30.2	21.3	18.3	30.2	1.21
Rasa sedih jika tidak dapat bermain <i>online game</i> dalam sehari.	196	61	38	33	1.71

	59.8	18.6	11.5	10.1	1.02
Rasa gelisah jika tidak boleh menggunakan internet.	165	67	45	51	1.94
	50.3	20.4	13.8	15.5	1.12
Rasa marah jika tidak boleh menggunakan internet.	185	72	42	29	1.74
	56.4	22.0	12.8	8.8	0.99
Rasa bersalah selepas terlalu lama melayari internet.	60	99	70	99	2.63
	18.3	30.2	21.3	30.2	1.09
Rasa sunyi jika tidak dapat berbual dengan rakan di media sosial.	178	50	57	43	1.89
	54.3	15.2	17.4	13.1	1.11
Marah jika ada yang mengganggu saya sedang melayari internet.	176	62	45	45	1.86
	53.7	18.9	13.7	13.7	1.10
Gembira apabila dapat bermain <i>online game</i> .	64	67	67	130	2.80
	19.5	20.4	20.5	39.6	1.16
Gembira apabila dapat belajar melalui laman pembelajaran.	126	85	64	53	2.13
	38.4	25.9	19.5	16.2	1.10
Gembira apabila dapat berkongsi ilmu dengan rakan di media sosial	115	70	74	69	2.29
	35.1	21.3	22.6	21.0	1.16
Gembira kerana lebih faham pelajaran selepas menonton video di internet.	86	92	77	73	2.42
	26.2	28.0	23.5	22.3	1.10

Nota : \*1-tidak, 2-jarang-jarang, 3-kadang-kadang, 4-selalu

Berdasarkan jadual 4.6, kesan emosi dalam penggunaan internet yang tertinggi ialah perasaan gembira apabila dapat bermain *online game* (M=2.80, SP=1.16) diikuti perasaan bersalah selepas terlalu lama melayari internet (M=2.63, SP=1.09). Manakala

kesan emosi yang berada pada tahap sederhana ialah rasa tenang apabila dapat berbual dengan rakan di media sosial (M=2.48, SP=1.21) diikuti gembira apabila dapat berkongsi ilmu dengan rakan di media sosial (M=2.29, SP=1.16). Seterusnya ialah gembira kerana lebih faham pelajaran selepas menonton video berkaitan di internet (M=2.42, SP=1.10), gembira apabila dapat belajar melalui laman pembelajaran (M=2.13, SP=1.10), rasa gelisah apabila tidak dapat menggunakan internet (M=1.94, SP=1.12), rasa sunyi apabila tidak dapat berbual dengan rakan di media sosial (M=1.89, SP=1.11), marah jika ada yang mengganggu semasa melayari internet (M=1.86, SP=1.10) dan rasa marah jika tidak dapat menggunakan internet (M=1.74, SP=0.99)

**Jadual 4.7 : Rumusan nilai min konstruk kesan emosi**

<b>Jumlah item</b>	<b>Nilai min</b>	<b>Sisihan piawai</b>
11	2.1724	0.50728

Berdasarkan jadual 4.7 rumusan nilai min bagi konstruk kesan emosi penggunaan internet ialah (M=2.17, SP=0.51) berada pada skala 2 iaitu jarang-jarang berlaku. Secara keseluruhan, rumusan ini menunjukkan berlaku beberapa kesan emosi dalam kalangan responden yang menggunakan internet. Perasaan gembira apabila dapat bermain *online game* merupakan item dalam kesan emosi yang paling tinggi diikuti perasaan bersalah apabila melayari internet terlalu lama. Ini menunjukkan pelajar gembira dengan permainan atas talian dalam masa yang sama menyesal dengan sikap mereka menggunakan internet sehingga mengabaikan waktu dan rutin harian mereka. Seterusnya item kesan emosi yang lain berada pada tahap sederhana dan ia melibatkan emosi yang positif dan juga emosi yang negatif. Ini menunjukkan kesan emosi dalam penggunaan internet itu berlaku tetapi masih terkawal dan jarang-jarang berlaku.

**Jadual 4.8 : Rumusan nilai min keseluruhan tahap penggunaan internet**

Jumlah item	Nilai min	Sisihan piawai
44	1.8572	0.30877

Berdasarkan jadual 4.8, rumusan nilai min bagi tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah sekitar Pekan Subang ialah ( $M=1.86$ ,  $SP=0.31$ ). Ini menunjukkan keseluruhan tahap penggunaan internet pelajar berada pada skala 2 iaitu jarang-jarang. Antara ketiga-tiga konstruk bagi tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah ini, didapati min bagi konstruk kesan emosi adalah yang tertinggi iaitu ( $M=2.17$ ,  $SP=0.51$ ) berbanding konstruk sikap dan tingkah laku ( $M=1.79$ ,  $SP=0.33$ ) dan konstruk kesan fizikal ( $M=1.67$ ,  $SP=0.53$ ). Ini menunjukkan penggunaan internet memberi impak emosi yang tinggi sama ada emosi positif atau negatif kepada pelajar sekolah rendah yang menggunakannya.

#### **4.2.3 Hipotesis 1 : Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan internet berdasarkan jantina**

Sebelum analisis dijalankan, pengkaji telah melakukan *Normality Test* bagi melihat kenormalan taburan data. Didapati data tertabur secara normal maka ujian parametrik telah dijalankan dan data dinyatakan sebagai min. Ujian-t sampel tidak bersandar dijalankan menggunakan *Levene Test* bagi menguji kehomogenan varians (tahap penggunaan internet berdasarkan jantina).

**Jadual 4.9 : Perbezaan tahap penggunaan internet berdasarkan jantina**

Jantina	Bil.	Min	Sisihan piawai	Tahap signifikan
Lelaki	164	1.8947	0.31142	0.28
Perempuan	164	1.8197	0.30241	



Berdasarkan jadual 4.9, skor min tahap penggunaan internet pelajar perempuan ialah ( $M=1.82$ ,  $SP=0.30$ ) iaitu lebih kecil berbanding skor min pelajar lelaki ( $M=1.89$ ,  $SP=0.31$ ). Namun, secara keseluruhannya tahap penggunaan internet antara pelajar lelaki dan perempuan adalah sama berada pada skala 2 iaitu jarang-jarang. Seterusnya tahap signifikan bagi perbezaan tahap penggunaan internet berdasarkan jantina ialah  $p=0.28$ . Ini menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan internet pelajar lelaki dan pelajar perempuan kerana nilai ( $p>0.05$ ). Maka hipotesis 1 adalah tidak diterima kerana tidak terdapat perbezaan antara tahap penggunaan internet pelajar lelaki dengan tahap penggunaan internet pelajar perempuan.

#### **4.2.4 Hipotesis 2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet.**

Hipotesis kedua adalah untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan tentang hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah. Hipotesis ini menggunakan ujian analisis regresi berganda (*Multiple Resgression*) bagi melihat nilai pekali korelasi ( $r$ ).

Nilai kekuatan hubungan ditentukan menggunakan nilai  $r$ . Menurut Cohen, nilai rendah  $r$  0.10 hingga 0.29, nilai sederhana  $r$  0.30 hingga 0.49 dan nilai tinggi  $r$  0.50 hingga 1.0.<sup>209</sup> Dapatan bagi hipotesis dua adalah seperti dalam jadual 4.10 di bawah.

---

<sup>209</sup> Jacob Cohen, *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*, (New York: Academic Press, 1969), 80.

**Jadual 4.10 : Rumusan hipotesis 2**

<b>H2</b>	<b>R</b>	<b>r square</b>	<b>Keputusan</b>
Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet.	0.276	0.076	Tiada hubungan signifikan

Berdasarkan jadual 4.10, secara keseluruhannya, nilai  $r$  iaitu hubungan antara pengetahuan tentang hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet ialah 0.276 di mana nilai ( $r < 0.4$ ) yang menunjukkan nilai yang rendah dan menandakan tidak ada hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Manakala nilai  $r$  square ialah 0.076 yang membawa maksud hanya 7.6% daripada item pengetahuan mengenai hukum penggunaan internet mempengaruhi peningkatan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah manakala 92.4% wujud dari faktor lain yang tidak ditanya dalam item soal selidik. Sebagai kesimpulan, hipotesis dua adalah ditolak kerana pengetahuan hukum penggunaan internet tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penggunaan internet.

#### **4.2.5 Hipotesis 3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet**

Hipotesis ketiga adalah untuk melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan tentang etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah. Ujian analisis regresi berganda (*Multiple Regression*) digunakan dalam hipotesis ini.

Nilai kekuatan hubungan ditentukan menggunakan nilai  $r$ . Menurut Cohen, nilai rendah  $r$  0.10 hingga 0.29, nilai sederhana  $r$  0.30 hingga 0.49 dan nilai tinggi  $r$  0.50 hingga 1.0.<sup>210</sup> Dapatan bagi hipotesis dua adalah seperti dalam jadual 4.11 dibawah:

**Jadual 4.11 : Rumusan hipotesis 3**

<b>H3</b>	<b><math>R</math></b>	<b><math>r</math> square</b>	<b>Keputusan</b>
Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet.	0.305	0.093	Tiada hubungan signifikan

Berdasarkan jadual 4.11, secara keseluruhannya, nilai  $r$  iaitu hubungan antara pengetahuan tentang etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet ialah 0.305 di mana nilai ( $r < 0.4$ ) yang menunjukkan nilai yang rendah dan menandakan tidak ada hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Manakala nilai  $r$  square ialah 0.093 yang membawa maksud hanya 9.3% daripada item pengetahuan mengenai etika penggunaan internet mempengaruhi peningkatan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah manakala 90.7% wujud dari faktor lain yang tidak ditanya dalam item soal selidik. Sebagai kesimpulan, hipotesis tiga adalah ditolak kerana pengetahuan etika penggunaan internet tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penggunaan internet pelajar.

### 3.3 Perbincangan

Tidak dinafikan dengan pertumbuhan gajet yang semakin berkembang serta pengeluaran yang meningkat, telefon pintar kini boleh didapati dengan harga mampu milik sehingga kanak-kanak juga mampu memiliki telefon pintar sendiri. Dengan

<sup>210</sup> Jacob Cohen, *Statistical power analysis for the Behavioral Sciences*, 80.

jumlah responden seramai 206 orang yang menggunakan telefon pintar sebagai alat komunikasi utama. Dapatan kajian ini disokong oleh hasil soal selidik SKMM pada tahun 2016 di mana kebanyakan pengguna internet kanak-kanak seawal usia 12 tahun didapati telah memiliki telefon pintar sendiri.<sup>211</sup>

Secara purata, kebanyakan responden yang berumur 10 hingga 11 tahun ini melayari internet selama 1 hingga 2 jam sehari. Namun terdapat juga responden yang menggunakan internet selama 3 hingga 4 jam dan ke atas dalam sehari. Penggunaan internet selama 4 jam ke atas dilihat agak membimbangkan bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 11 tahun. Kimberly S. Young dalam bukunya bertajuk "*Internet Addiction In Children And Adolescents*"<sup>212</sup> telah membangunkan satu panduan yang digelar Panduan Keibubapaan 3-6-9-12 bagi mengurus penggunaan teknologi di rumah untuk kanak-kanak berbeza peringkat umur. Berdasarkan panduan tersebut, kanak-kanak di bawah umur tiga tahun tidak sepatutnya dibenarkan menggunakan internet kerana ia boleh mengganggu perkembangan komunikasi dan sosial mereka.

Pada peringkat umur 3-6 tahun Young mencadangkan penggunaan internet selama satu jam secara terkawal. Kanak-kanak berumur 6-9 tahun pula boleh menggunakan internet selama dua jam juga dengan pengawasan. Manakala peringkat umur 9-12 tahun juga boleh menggunakan internet selama dua jam tetapi dengan sedikit kebebasan menggunakan media sosial. Ini menunjukkan penggunaan internet dihadkan mengikut peringkat umur. Kanak-kanak yang menggunakan internet melebihi 3 jam dan ke atas dibimbangi akan terganggu rutin harian mereka selain mengganggu perkembangan mental dan emosi.<sup>213</sup>

Seterusnya, responden memilih penggunaan media sosial *WhatsApp* sebagai keutamaan semasa melayari internet. Ini bertepatan dengan rumusan SKMM pada tahun

---

<sup>211</sup> "SKMM Bakal Wujud Garis Panduan Tangani Ketagihan Internet" Astro Awani Portal, diakses pada 15 Disember 2016, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/skmm-bakal-wujud-garis-panduan-tangani-ketagihan-internet-118622>

<sup>212</sup> Cristiano Nabuco de Abreu, ed., *Internet Addiction in Children and Adolescents*, 30.

<sup>213</sup> *Ibid.*,

2016 iaitu sejumlah 92.7% pengguna internet menggunakan khidmat mesej melalui aplikasi seperti *Whatsapp*, *Telegram* dan *Wechat* untuk berkomunikasi antara satu sama lain.<sup>214</sup> Peratus penggunaan media sosial merupakan jumlah tertinggi dalam penggunaan internet di Malaysia. Media sosial ialah alat atau medium komunikasi berasaskan sebuah jaringan yang membolehkan manusia berinteraksi antara satu sama lain, dengan kedua-dua belah pihak berkongsi atau menggunakan maklumat yang dikongsi.<sup>215</sup>

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah Pekan Subang ialah ( $M=1.8572$ ) yang menunjukkan tahap penggunaan internet berada dalam skala 2 iaitu jarang-jarang. Mengikut skala tahap penggunaan internet pada jadual 1.3, tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah Pekan Subang adalah berada pada tahap penggunaan yang normal tetapi berisiko untuk berlebihan jika ia tidak dikawal dari aspek masa dan jenis penggunaannya. Di antara ketiga-tiga konstruk tahap penggunaan internet yang melibatkan konstruk sikap dan tingkah laku, konstruk kesan fizikal dan konstruk kesan emosi, kesan emosi menunjukkan nilai min yang tertinggi dalam penggunaan internet iaitu ( $M=2.1724$ ).

Perasaan gembira apabila dapat bermain permainan atas talian dan perasaan bersalah kerana terlalu lama melayari internet adalah antara kesan emosi tertinggi yang ditunjukkan dalam kalangan pelajar. Sesuai dengan artikel Nandhini yang menyenaraikan kesan-kesan emosi yang berlaku dalam kalangan mereka yang berlebihan dalam penggunaan internet iaitu perasaan bersalah dan perasaan teruja apabila dapat melayari internet.<sup>216</sup> Selain itu, artikel Naquiah Nahar juga menjelaskan pengaruh teknologi moden dalam kehidupan individu seawal usia kanak-kanak telah menyumbang kepada kepincangan pembentukan sosioemosi kanak-kanak. Berlebihan dalam penggunaan internet juga menjadikan kognitif lembap, pembelajaran terjejas, peningkatan kepada perlakuan mengikut emosi dan kurang kebolehan untuk mengawal

---

<sup>214</sup> "Kajian Pengguna Internet 2016", SKMM

<sup>215</sup> Ika Destiana, "Penerimaan Media Sosial," 126.

<sup>216</sup> Nandhini, "Evaluation of Internet Addiction Disorder among Students," 2.

selia diri. Oleh itu, pendedahan kanak-kanak terhadap teknologi moden mengganggu perkembangan otak selain mengganggu emosi pelajar.<sup>217</sup>

Seterusnya hipotesis pertama mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Tahap penggunaan internet kedua-dua jantina adalah dalam skala 2 iaitu jarang-jarang yang merujuk kepada penggunaan internet yang normal tetapi berisiko untuk berlebihan dalam penggunaan jika tidak dikawal. Hasil dapatan menunjukkan perubahan ketara dalam peningkatan penggunaan internet pelajar perempuan. Dapatan ini berlawanan dengan artikel Hafiz Rahman yang menjelaskan bahawa golongan wanita ketinggalan dalam penggunaan teknologi.<sup>218</sup> Hasil kajian beliau juga mendapati lelaki lebih kerap dan lebih lama menggunakan internet berbanding perempuan.

Selain itu, kajian sebelum ini iaitu „Ketagihan Penggunaan Internet Dalam Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 Di Bandaraya Johor Bahru“ juga menunjukkan hasil bahawa tahap ketagihan atau penggunaan internet dalam kalangan pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.<sup>219</sup>

Namun, bagi hasil kajian ini tahap penggunaan internet pelajar lelaki dan perempuan adalah setara. Ini membuktikan bahawa dapatan terkini pelajar perempuan turut menggunakan internet secara kerap setara dengan penggunaan pelajar lelaki. Dapatan ini disokong sebuah artikel penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di mana penulis membincangkan bahawa peningkatan penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak perempuan adalah dengan tujuan

---

<sup>217</sup> Naquiah Nahar, et al., “Impak Negatif Teknologi Moden dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja,”94.

<sup>218</sup> Hafiz rahman, et.al., “Pengaruh Peranan Gender dalam Corak Penggunaan Internet dalam Kalangan Pelajar Universiti Putra Malaysia,” *Journal of Social Science and Humanities*, Special Issue 1, (2016): 159.

<sup>219</sup> Johari Hassan, “Ketagihan Penggunaan Internet dalam Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bahru.”

menggunakan media sosial, manakala kecenderungan kanak-kanak lelaki menggunakan internet dilihat lebih kepada permainan atas talian.<sup>220</sup>

Hasil kajian seterusnya menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah Pekan Subang. Ini menunjukkan pengetahuan hukum penggunaan internet dalam kalangan pelajar tidak memberi kesan terhadap tinggi rendah tahap penggunaan internet. Dapatan ini menunjukkan sasaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahap pertama iaitu menguasai pengetahuan dalam setiap kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing tidak memberi impak kepada tahap penggunaan internet pelajar.

Sebaliknya, pelajar perlulah sekurang-kurangnya menguasai tahap ketiga iaitu amalan di mana murid dapat menjelaskan dan mengaplikasikan pengetahuan melalui amalan daripada kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing. Kenyataan ini disokong lagi oleh Nor Azah Abdul Aziz yang menjelaskan selepas mempunyai ilmu pengetahuan, perlulah diamalkan dengan amalan zahir seperti solat, puasa dan zikir serta amalan batin seperti, taubat, ikhlas, tawakal dan menguatkan hati untuk mengasingkan diri dari golongan yang yang berlebihan dengan internet.<sup>221</sup>

Pengetahuan daripada kandungan mata pelajaran sahaja tidak cukup untuk menentukan tahap penggunaan internet pelajar sedangkan pengetahuan itu perlu dijadikan amalan dan diaplikasikan agar dapat memberi kesan yang positif dalam amalan harian. Perkara ini juga disokong oleh kajian Mohd Rosdi Mahamud yang menjelaskan bahawa proses pelaksanaan kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam telah memberi kesan yang positif secara menyeluruh mencakupi aspek-aspek fizikal,

---

<sup>220</sup> Zoi Tsimsiou, et al., "Internet Usage," 3.

<sup>221</sup> Nor Azah Badul Aziz, "Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi," 29.

mental, rohani dan emosi melalui amalan dan pentabiatan.<sup>222</sup> Penjelasan ini menolak kenyataan bahawa masalah disiplin pelajar terutamanya yang melibatkan penggunaan internet adalah kerana kurikulum Pendidikan Islam yang tidak berkesan. Tetapi permasalahan itu wujud dari sikap pelajar sendiri yang tidak mengamalkan apa yang dipelajari di sekolah.

Hasil dapatan juga menunjukkan hanya 7.6% pengetahuan hukum penggunaan internet yang mempengaruhi tahap penggunaan internet pelajar manakala selebihnya adalah faktor lain yang tidak dikaji dalam instrumen soal selidik. Hampir kesemua item tidak menunjukkan hubungan yang signifikan kerana bacaan nilai  $p > 0.05$ . Namun, terdapat item yang menunjukkan hubungan yang sederhana signifikan iaitu item 2 iaitu „melayari internet berlebihan adalah haram“ dengan nilai  $p$  ialah 0.07 yang menunjukkan terdapat hubungan linear yang negatif iaitu apabila murid mengetahui melayari internet adalah haram maka tahap penggunaan internet semakin menurun.

Perbincangan seterusnya menerangkan hasil kajian bahawa pengetahuan etika penggunaan internet tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penggunaan internet. Melalui hasil dapatan, hanya 9.3% sahaja pengetahuan etika penggunaan internet yang mempengaruhi tahap penggunaan internet pelajar, manakala selebihnya adalah faktor lain yang tidak dikaji dalam instrumen soal selidik. Hampir kesemua item tidak menunjukkan hubungan yang signifikan kerana bacaan nilai  $p > 0.05$ . Namun, terdapat beberapa item yang menunjukkan hubungan yang signifikan iaitu item 20, item 30 dan item 36. Item 20 ialah „menetapkan tujuan sebelum melayari internet“ dengan nilai  $p$  ialah 0.049. Ini menunjukkan terdapat hubungan linear yang negatif iaitu apabila seseorang menetapkan tujuan sebelum melayari internet, maka tahap penggunaan internet semakin menurun.

---

<sup>222</sup> Mohd Rosdi Mahamud, “Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Kesannya Terhadap Peningkatan Disiplin Pelajar: Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Perlis” (Tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2009): xvi.



Seterusnya item 30 iaitu „berjimat cermat apabila menggunakan internet di kafe siber“ dengan nilai p ialah 0.028. Ini menunjukkan apabila seseorang pelajar berjimat cermat semasa pergi ke pusat siber, tahap penggunaan internet dapat dikurangkan. Seterusnya item 36 iaitu“ bersabar apabila diganggu“ dengan nilai p ialah 0.015 yang menunjukkan terdapat hubungan linear yang negatif iaitu apabila seseorang itu tahu bahawa mereka perlu bersabar apabila diganggu semasa melayari internet, maka tahap penggunaan internet juga dapat dikawal.

Dapatan ini menunjukkan pengetahuan hukum dan etika penggunaan internet bukanlah faktor utama dalam peningkatan tahap penggunaan internet. Kajian kualitatif ketagihan internet meta-sintesis dari tahun 1996-2006 mendapati kesunyian adalah perkara utama dalam berlakunya fenomena berlebihan dalam penggunaan internet disamping perasaan terasing, dan keyakinan diri yang rendah.<sup>223</sup> Morahan Martin & Schumacher mendapati purata penggunaan internet lebih tinggi dalam kalangan mereka yang kesunyian.<sup>224</sup> Ini bermakna, kesunyian adalah salah satu faktor lain yang disebutkan sebagai faktor peningkatan tahap penggunaan atau ketagihan internet. Faktor kesunyian ini telah diterangkan oleh pengkaji dalam bab 2.

Walau bagaimanapun, Abuddin menegaskan tujuan pendidikan anak menurut Islam adalah bagi melahirkan anak yang bertakwa, berakhlak mulia dan mempunyai pengetahuan berkenaan etika hidup selain memiliki ilmu pengetahuan dan mahir dalam teknologi terkini agar anak-anak menjadi insan yang berdikari dan berguna bukan sahaja untuk dirinya malah untuk bangsa dan agama.<sup>225</sup> Justeru, pengetahuan berkenaan etika penggunaan internet penting, namun ia tidak menjadi kayu ukur sejauh mana tahap penggunaan internet seseorang. Pada akhirnya, hanya akhlak, takwa dan amalan sahaja yang menjadi penentu baik buruk hala tuju kehidupan seseorang individu Muslim.

---

<sup>223</sup> Halley M. Pontes, “Internet Addiction and Loneliness,” 92.

<sup>224</sup> Janet Morahan, “Loneliness and Social Uses of the Internet,” 660.

<sup>225</sup> Abuddin Nata, *Kapita Selekta Pendidikan Islam*.

#### **4.4 Kesimpulan**

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan internet dalam kalangan murid sekolah rendah Pekan Subang adalah berada pada skala 2 iaitu tahap penggunaan internet yang normal. Walau bagaimanapun, ia harus diambil perhatian kerana tahap penggunaan internet pada skala 2 menunjukkan risiko pelajar untuk ke arah berlebihan dan boleh membawa kepada ketagihan internet. Selain itu, hasil kajian ini turut menunjukkan peningkatan tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar perempuan. Fenomena ini agak membimbangkan kerana ketagihan seawal sekolah rendah boleh membawa ketagihan yang lebih teruk di sekolah menengah jika tidak dikawal lebih awal.

## **BAB 5: PENUTUP**

### **5.1 Pengenalan**

Berlebihan dalam penggunaan internet merupakan isu semasa yang semakin serius kerana ia boleh membawa kepada risiko ketagihan. Perkara ini melibatkan pelbagai lapisan usia sama ada dewasa, remaja atau kanak-kanak. Penggunaan dan ketagihan internet dalam kalangan pelajar sekolah rendah telah dibincangkan dalam kajian ini. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, semua pihak harus bertanggungjawab dalam menangani masalah ini, bukan hanya guru dan ibu bapa, malah masyarakat sekeliling harus sama-sama membuat perubahan dalam gaya hidup masa kini terutama dalam mengamalkan dan menjadikan pengetahuan berkenaan hukum dan etika penggunaan internet sebagai satu tabiat dan amalan.

### **5.2 Dapatan Kajian**

Berdasarkan kajian, pengkaji merumuskan beberapa dapatan kajian, antaranya ialah tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah rendah Pekan Subang dalam kajian yang telah dijalankan adalah pada skala 2 iaitu tahap penggunaan internet yang normal dengan nilai min 1.8572. Namun dapatan menunjukkan pelajar sekolah rendah di kawasan Pekan Subang berumur 10 hingga 11 tahun berisiko untuk ketagih dengan internet jika penggunaannya tidak dikawal.

Selain itu, hasil dapatan kajian hipotesis pertama menunjukkan tahap penggunaan internet pelajar lelaki adalah setara dengan tahap penggunaan internet pelajar perempuan di mana tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua jantina. Seterusnya adalah dapatan hipotesis kedua iaitu hubungan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet. Hasil menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara pengetahuan hukum penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet pelajar. Ini menunjukkan pengetahuan hukum penggunaan internet tidak mempengaruhi tinggi atau rendah tahap penggunaan internet.

Hanya 7.6% item pengetahuan hukum yang mempengaruhi tahap penggunaan internet, manakala selebihnya adalah faktor lain yang tidak dikaji dalam instrumen soal selidik.

Perbincangan seterusnya adalah hubungan antara pengetahuan etika penggunaan internet dengan tahap penggunaan internet. Setelah analisis dijalankan, didapati pengetahuan etika penggunaan internet tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penggunaan internet, bermaksud pengetahuan etika penggunaan internet murid tidak mempengaruhi tinggi atau rendah tahap penggunaan internet pelajar. Hanya 9.3% pengetahuan etika sahaja yang mempengaruhi tahap penggunaan internet, selebihnya adalah faktor lain yang tidak dikaji dalam instrumen soal selidik.

Kesimpulannya, hasil dapatan menunjukkan terdapat faktor lain yang menjadi penyumbang kepada tinggi atau rendah tahap penggunaan internet pelajar sekolah rendah Pekan Subang selain pengamalan dan pentabiatan murid dalam pengetahuan berkenaan kandungan mata pelajaran yang dipelajari di sekolah.

### **5.3 Saranan Kajian**

Bertitik tolak daripada dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu, antaranya:

#### **5.3.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Melalui kajian ini, pengkaji mencadangkan agar pihak KPM melaksanakan pelbagai program anti-ketagihan internet dalam usaha menangani masalah ini. Pengawalan ketagihan bukan sahaja harus dijalankan di dalam kelas melalui proses pengajaran dan pembelajaran, namun pelbagai program, kempen, ceramah, penguatkuasaan disiplin secara menyeluruh di setiap sekolah harus dilakukan oleh pihak kementerian agar semua pengetahuan berkaitan hukum dan etika penggunaan internet yang dipelajari di sekolah dapat diamalkan dan dijadikan tabiat dalam kehidupan seharian.

### **5.3.2 Guru**

Guru merupakan contoh teladan yang baik kepada pelajar. Setiap perilaku dan kata-kata guru diperhatikan oleh pelajar. Oleh itu, guru perlu memperbanyakkan komunikasi dua hala bersama pelajar agar dapat menerapkan budaya bersederhana dalam penggunaan internet selain mengaitkan fenomena ketagihan ini dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran. Peluang ini dapat diambil lebih-lebih lagi dengan pembelajaran masa kini yang banyak menggunakan laman pembelajaran seperti *VLE-Frog*. Ini membolehkan guru menyelitkan amalan baik penggunaan internet semasa proses pengajaran disamping membudayakan etika penggunaan internet serentak.

### **5.3.3 Ibu bapa**

Ibu bapa haruslah memainkan peranan utama dalam membudayakan penggunaan internet berhemah. Ini kerana masa pelajar bersama ibu bapa adalah lebih banyak berbanding guru. Ibu bapa harus memberikan contoh terbaik dengan tidak berlebihan melayari internet. Tingkah laku ibu bapa juga akan menjadi ikutan anak-anak. Ia akan menjadi lebih teruk jika ibu bapa hanya membiarkan sahaja anak-anak menggunakan internet tanpa kawalan masa dan had dalam melayari internet.

Ibu bapa berperanan dalam mengawal penggunaan peranti elektronik anak-anak selain memastikan anak-anak tidak menghabiskan masa di kafe siber. Bagi ibu bapa yang bekerja sehingga lewat malam di mana tidak dapat mengawal pergerakan anak secara menyeluruh, adalah menjadi tanggungjawab untuk memberi peringatan dan amaran berulang kali agar sentiasa mengawal penggunaan internet di rumah.

### **5.3.4 Masyarakat**

Masyarakat membina negara, tanpa masyarakat yang baik, negara tidak akan maju. Masyarakat sekeliling juga adalah mereka yang menjadi faktor pelbagai kerosakan dan

gejala sosial masa kini. Jika baik masyarakat di sekitarnya, maka baiklah ia, jika buruk perilakunya maka buruklah sikapnya. Oleh itu, masyarakat sekeliling termasuk pengusaha kafe siber, jiran tetangga, rakan-rakan serta sesiapa sahaja harus bertanggungjawab dalam menangani ketagihan internet bermula dari kecil lagi. Jika pengusaha kafe siber lebih mementingkan keuntungan, maka semakin ramai pelajar sekolah rendah dibiarkan menghabiskan masa bermain *game* di kafe siber tanpa mengira masa dan usia pengguna.

Begitu juga dengan jiran dan rakan-rakan yang melihat pelajar asyik melayari internet di kafe siber tetapi tidak mengambil sikap ambil tahu atau berusaha memberi maklumat kepada ibu bapa pelajar tersebut, maka, fenomena ini tidak akan dapat dikawal. Seluruh masyarakat harus berperanan dalam memastikan penggunaan internet adalah untuk manfaat dan kebaikan sahaja.

#### **5.4 Cadangan Kajian Lanjutan**

Dapatan kajian menunjukkan banyak lagi ruang kelompangan yang boleh diisi dengan kajian akan datang. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan:

1. Kajian yang berkaitan faktor utama peningkatan tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Ini adalah bertujuan agar pengkaji dapat mengenalpasti faktor utama wujudnya fenomena ketagihan internet dan mencari penyelesaian untuk mengawalinya.
2. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan secara kualitatif untuk mendalami situasi amalan dan pentabiatan pelajar sekolah rendah dalam penggunaan internet di rumah atau di mana sahaja mereka berada.
3. Menjalankan temubual dengan responden, guru, ibu bapa atau golongan yang berautoriti berkaitan penggunaan internet, serta hukum dan etika penggunaan internet.

## **5.5 Kesimpulan**

Tuntasnya penggunaan internet secara bijak mampu mendatangkan manfaat kepada para pengguna sebaliknya penggunaan secara negatif sehingga menyebabkan ketagihan boleh mendatangkan kemudharatan kepada pengguna. Jelas dalam kajian ini, para pelajar tidak menjadikan pengetahuan yang mereka pelajari di sekolah sebagai satu amalan dan tabiat dalam menggunakan internet sama ada di sekolah mahupun di rumah. Ternyata pengetahuan berkenaan hukum dan etika penggunaan internet tidak mengawal mereka semasa menggunakan internet. Hukum dan etika penggunaan internet telah diajar di sekolah sama ada secara langsung atau tidak langsung, terpulang kepada ibu bapa, masyarakat dan pelajar itu sendiri untuk memastikan ia menjadi amalan dan tabiat agar ketagihan internet tidak berlaku seawal peringkat sekolah rendah lagi.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

Al-Quran Al-Karim

„Ala‘uddin ‘Abi al-Hasan „Ali bin Sulaiman bin ‘Ahmad al-Mardawi, *al-‘hsaf fi Ma,rifah al-Rājih min al-Khilāf*, Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa,,udiyah, 1998.

„Izz al-Din Ibn „Abd al-Salam, *Qawa‘idal-Ahkam Fi Masalih al-Anam*, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiah, 1999.

AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar Juzu‘ 1-30*, Jakarta : Pustaka Panjimas, 1988.

Abd Karim Zaydan, *Majmu‘ah Buhuth Fiqhiyyah*, Baghdad: Maktabah al-Quds, 1986.

Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali@Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh*, Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000.

Abdul Nasih Ulwan, “Cara-cara Pendidikan Berkesan Kepada Anak” dalam *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam jilid Dua*, terj. Syed Ahmad Semat, Singapura : Pustaka PTE LTD, 2012

Abu Abdillah Sufyan bin Sa‘id bin Masruq ats-Tsauri al-Kufi, *Tafsir Sufyan ats-Tsauri*, Beirut : Darul Kutub al-,Ilmiah, 1983.

Abuddin Nata, *Kapita Selekta Pendidikan Islam*, Jakarta : PT Raja Grafindo Persada, 2012.

Agresti Alan and Barbara Finlay, *Statistical Methods for the Social Sciences*, Fourth Edition. New Jersey : Upper Saddle River, Prentice-Hall, Inc.,2009.

Abu Abdillah Sufyan bin Sa‘id bin Masruq ats-Tsauri al-Kufi, *Tafsir Sufyan ats-Tsauri*, Beirut : Darul Kutub al-,Ilmiah, 1983.

Ahmad bin Muhammad al-Zarqa‘, *Sharh Al-Qawa‘id Al fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam, cet 5,1998.

Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi (edisi ke 3)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Ahmad Zamzuri Mohamad Ali, ed., *Pembelajaran Berasaskan Web, Isu dan Trend*, Tanjong Malim, Perak : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.

Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin, *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*, Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd, 2011.



- Al Bukhari. Abu „Abd Allah S.W.T Muhammad bin Ismail, *Sahih Al-Bukhari : Kitab Al-Sulh, Bab : Idha Istalah"ala Suh*, Bil. 2499, Kaherah : Dar al-Takwa, 2001.
- Al-Ghazali Abu Hamid dan Muhammad Ibnu Muhammad, *Minhaj Al-A'bidin : Petunjuk bagi orang-orang ahli ibadah*, terj. Abu Mazaya al-Hafiz, Johor Bahru, Perniagaan Jahabersa, 2006.
- Ali Ahmad al-Nadwi, *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, cetakan ke-4, Damsyik : Dar al-Qalam.
- Ali and Abdullah, *The Holy Quran: Translation and Commentary*, Islamabad: Da'wah Academy IJU, 1990.
- Al-Jundi Anwar, *Muqaddimat al-'Ulum wa al-Manahij li Bina' Manhaj al-Islami al-Mutakamil*, Jil. 1, Beirut: Dar al-Ietisam, 1979.
- Al-Marbawi Abd al-Rauf, *Qamus Idris al-Marbawi*, Beirut : Dar al-Fikr, 1990.
- Al-Maududi Abu al-Ala, *The Islamic Way of Life*, Birmingham: U.I.K.M. Da'wah Centre, 1998.
- Al-Nawawi, al-Imam Mahy al-Dīn Abu Zakariyya Yahya, *Al-Arba,ūn al-Nawawiyyah wa Sharhuhā*. Qaherah: Al-Matba,ah al-Salafiyyah, 1379.
- Azuar, Juliandi ed., *Islamisasi Pembangunan*, Medan, UMSU Press, 2014.
- Bahadir Bozoglan, Psychological, Social, and Cultural Aspects of Internet Addiction, in a volume in *The Advances in Human and Social Aspects of Technology (AHSAT) Book Series*, Germany: IF Weinheim Institute, 2018.
- Christian Montag and Martin Reuter, ed., *The Evolution of Internet Addiction : Neuroscientific Approches and Theraputical Interventions*, Germany: Springer, 2015.
- Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Kaedah Penyelidikan*, Malaysia : McGraw-Hill, 2006.
- \_\_\_\_\_ *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education, 2011.
- Cristiano Nabuco de Abreu, ed., *Internet Addiction: A Handbook and Guide to Evaluation And Treatment*, New Jersey : John Wiley & Sons Inc, 2011.
- Dahlan dan Abdul Azis, *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta: Pt Ichtiar Van Hoeve, 1999.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodeologi Penyelidikan dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.
- Ibnu Katsir, Abi Al-Fida" Ismā'īl bin Umar, *Tafsir Ibnu Katsir (Tafsir al-Qurān al-Azīm)*, Beirut : Dār al-Kutub al-,Alamiyyah, 1994.

- \_\_\_\_\_ *Tafsir Ibnu Katsir* (jilid 3), terj., M.Abdul Ghoffar E.M dan Abu Ihsan al-Atsari, Jakarta : Pustaka Imam Assyafie, 2008.
- Ibnu Manzur Al-Fadl Jamaluddin Muhammad bin Makram, *Lisan al-Arab*, Beirut: Dar al-Sadir, 1997.
- Ibrahim Muhammad Mahmud al-Haririy, *al Madkhal Ila al Qawaid al Fiqhiyyah al Kulliyah*, cetakan 1, Amman: Dar „Ammar, 1998.
- Imam Abi Bakar Ahmed bin al-Hussain al-Baihaqi, *Sunan al-Kubra Bayhaqi*, terj. Muhammad Abdul Qodir Atho, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah,2003.
- Jacob Cohen, *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*, New York: Academic Press, 1969.
- James Curran, Natalie Fenton and Des Freedman, *Misunderstanding The Internet*, New York: Routledge, 2016
- Jawwad Fathayir, *Al-Idhman; Anwa "uhu, Marahiluhu, ilajuhu*, Dar Al-Shuruq, 2001.
- Judy Pearsall, ed., *The Concise Oxford Dictionary, edisi 10*, London : Oxford University Press, 2000.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, "Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun Lima, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)," Putrajaya : Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015.
- Khalid Ramadhan Hasan, *Mu'jam Usul al-Fiqh*, Kaherah : Dar al-Raudhah, 1998.
- Maizatul Hayati Mohamad Yatim, Mohd Nazri Md. Saad, dan Roznim Mohamad Rasli, ed., (*Teknologi Maklumat Sekolah Rendah (KRT3013)*), Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2011.
- Michael, K. dan Amy, A. *Sociology Now: The Essentials*, Boston: Pearson, 2009.
- Muhammad Abu Zahrah, *Usul Al-Fiqh*, Kaherah: Dâr al-Fikr al-„Arâbi, 1957.
- Moh Ali Aziz, *Ilmu Dakwah*, Jakarta : Prenada Media Group, 2012.
- Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Syarif An-Nawawi, "Hadith Keenam" dalam *Hadith Empat Puluh*, terj. Abdul Qahar Hasan, Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa, 1990.
- Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan (edisi kedua)*, Shah Alam, Selangor: McGraw-Hill Education Malaysia Sdn. Bhd., 2013.
- Noresah Baharom. *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Norsuhana bt Abdullah, Muhammad Nazalman bin Ahmad Rawaddin, & Aminah bt Idris, *Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 4*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017.

---

*Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 5*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017.

Potter, J.W., *Media Literacy*, New York: Sage, 2013.

Sajap Maswan, “Kelebihan Penggunaan Internet dan Laman Web dalam Pengajaran dan Pembelajaran,” Institut Perguruan Tengku Bainun, 2005.

Santrock, J, *Life – span Development*, 12th edition, Boston : Pearson, 2010.

Scott E. Caplan and Andrew C. High, “Online Social Interaction, Psychosocial Well-Being, and Problematic Internet Use” in *Internet Addiction A Handbook and Guide Evaluation and Treatment*, New Jersey, Canada : John Wiley & Sons, Inc., 2011.

Setiadi, J. A. dan Ulum, B., *Teknologi Informasi dan Komunikasi*, Jakarta: Pusat Perbukuan Kementerian Pendidikan Nasional, 2010.

Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori Dan Praktis*, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001.

Sidi Ghazalba, *Pembimbing Latihan Imiah dan Tesis*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1981.

Wahbah al-Zuhaily, *Usul al-Fiqh al-Islami*, cetakan 1, Damsyik : Dar al-Fikr, 1986.

Wahbah al-Zuhaily, *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr, 1998.

Weiten, W. and Llyod, M.ed., *Psychology to Modern Life, Adjustment in The 21st Century 8th*, Canada: Thomson Learning, Inc, 2006.

Yusuf al-Qaradhawi, “Memahami Keutamaan Berasaskan al-Quran dan Sunnah” dalam *Maqasid Syariah: Isu-isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*, Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2013.

Yusuf al-Qaradhawi, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Beirut: Maktab al-Islami, 1980.

Yusuf al-Qaradhawi, *Fiqh Keutamaan: Keutamaan Seorang Muslim*, terj. Lasafurdi Lahadi dan Ahmad Muzzakir Ahlami, Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn Bhd, 2014.

Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kuasa Iqra’*, Selangor : PTS Islamik Sdn. Bhd, 2012.

## **ARTIKEL JURNAL**

Abdul Hafiz dan Hasni Nor, “Pendidikan Anak Menurut Perspektif Al-Quran,” *Jurnal Madrasah Ibtidaiyah*, Vol.1(2), (2016) :1-16.

Abdul Wahab Md Ali, “Analisis Tahap-tahap Ketagihan Menurut Teori Al-,Ishq Ibnu Qaiyyam Al-Jawziyyah,” *Al-Hikmah* Vol.9(1), (2017), 49-59.

- Alam S. S, et al., “Negative and Positive Impact of Internet Addiction on Young Adults: Empirical Study in Malaysia” *Intangible Capital* Vol. 10(3), (2014), 619-638.
- Alifa Aliya Ngadiman dan Zakiah Mohamad Ashari, “Sikap Terhadap Gajet Teknologi Dan Kesannya Kepada Sosio-Emosi Pelajar,” *Jurnal Sains Humanika* Vol 10(3-2), (2018).
- Alyshia Murgatroyd Giffen and Darren Bishopp “The Influence of Pornography on Young People’s Sexual Health and Behaviour” *The Journal of Sexual Medicine* Vol.14(5), (2017), 289.
- American Psychiatric Association, “Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, 4th edition,” *American Psychiatric Press*, (Washington DC, 1994).
- Amini Amir bin Abdullah, “Etika Digital dan Berinternet Menurut Islam,” *Jurnal Penyelidikan Islam* Vol.25, (2011) : 56-82.
- Aznan Omar, “Permainan Mudah Alih dan Kanak-Kanak,” *Ideology* 2(1) (2017), 137-149.
- Bogdănici Camelia Margareta, et al., “Eyesight Quality and Computer Vision Syndrome” *Romanian Journal of Ophthalmology*, Vol.61(2), (2017):112-116
- C.Nandhini and K. Krishnaveni, “Evaluation of Internet Addiction Disorder among Students,” *Indian Journal of Science and Technology*, Vol.9(19),(2016), 1-5.
- Elder, A., “Excellent Online Friendship: An Aristotelian Defense of Social Media,” *Journal of Ethic Information and Technology*, Vol.16, (2014), 287–297.
- Fan. W.F and Gordon, “The Power of Social Media Analytics,” *Journal Communications of the Acm*, 57 (6) (2014), 75.
- Fadzli Adam, et.al., “Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Vol 9, (2015), 12-23 (17).
- Griffiths, M., “Technological Addictions,” *Clinical Psychology Forum*. Vol.76, (1995):14 -19.
- Hafiz rahman, et.al., “Pengaruh Peranan Gender dalam Corak Penggunaan Internet Dalam Kalangan Pelajar Universiti Putra Malaysia,” *Journal of Social Science and Humanities*, Special Issue 1, (2016), 159-172.
- Halley M. Pontes, Mark D. Griffiths and Ivone M. Patrão “Internet Addiction and Loneliness Among Children and Adolescents in the Education Setting: An Empirical Pilot Study,” *Aloma*, Vol.32(1), 2014): 92.
- Hannah Gomez Farias, Ann Paskor and Walter E. Block, "The Social Media Leads to Socialism," *Humanomics*, Vol.31(4), (2015), 385-398.

- Hassan, J., Rashid, R. A., dan Shahrina, R., “Ketagihan Penggunaan Internet di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bahru,” *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Vol.6, (2014), 23-43.
- Hayat Boz and Mehmet Emin Aksoy, “The Internet Usage Profiles of Adults” *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol.28, (2011): 596 – 600.
- Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd Helmi Abd Rahim “Penerimaan Media Sosial:Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Palembang” *Jurnal Kemanusiaan* Vol. 29 (2), (2013), 125-140.
- Janet Morahan-Martin and Phyllis Schumacher “Loneliness and social uses of the Internet,” *Computer and Human Behavior* Vol.19(6), (2011), 659-670.
- Jin, S. A. A., “Peeling Back The Multiple Layers of Twitter’s Private Disclosure Onion; The Roles of Virtual Identity Discrepancy and Personality Traits in Communication privacy Manangement on Twitter,” *New Media & Society*:Vol.15(6), (2013), 813-833.
- Joan-Carles Surís, et al.,“Is Internet Use Unhealthy?A Cross-sectional Study of Adolescent Internet Overuse” *The European Journal of Medical Science, Swiss Med Wkly* (2014), 1-7.
- Jorgenson, A. G., Hsiao, R. C. J., and Yen, C. F., “Internet Addiction and Other Behavioral Addictions,” *Child and Adolescent Psychiatric Clinics of North America*, Vol.25(3), (2016) :509-520.
- Kerr, A., and Ivory, J. D., “Online Games,” *The International Encyclopedia of Digital Communication and Society*, 2015.
- Khusnul Hanafi dan Mohd. Helmi Abd. Rahim, “Penggunaan Media Sosial Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Terbentuknya Gerakan Sosial Oleh Pemimpin Pelajar Universiti di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia,” *Journal of Science Social and Humanities*, Vol. 12(2), (2017), 90.
- Kraidy, M.,“The Internet as a Mass Communication Medium,” *Journalism and Mass. Communication*, (2008): 2.
- Liron Ben-Yehuda, Liel Greenberg and Aviv Weinstein, “Internet Addiction by Using the Smartphone-Relationships between Internet Addiction, Frequency of Smartphone Use and the State of Mind of Male and Female Students” *Journal of Reward Deficiency Syndrome & Addiction Science*. (2016).
- M.Ramli, “Media Pembelajaran dalam Perspektif Al-Qur’an Dan Al-Hadits,” *Itihad Jurnal Kopertais Wilayah XI Kalimantan*, Vol. 13(23), (2015):1-25.
- Manfred Thuring, Jorg Mannemann, and Jorg M.Haake, “Hypermedia and cognition:Designing for comprehension,” *Communications of the ACM* Vol.38(3), (1995), 57.

- Marchand, A., and Hennig-Thurau, T., "Value Creation in the Video Game Industry: Industry Economics, Consumer Benefits, and Research Opportunities," *Journal of Interactive marketing* Vol.27(3), (2013),143.
- Mark D. Griffiths, et.al., "The Evolution of Internet Addiction: A Global Perspective" *Addictive Behaviors* 53 (2016),193–195.
- Matthew N.O. Sadiku, Adebowale E. Shadare and Sarhan M. Musa, "Internet Addiction" *International Journal of Engineering Research* Vol.No.6(9), ( 2017): 431-432.
- Mishra S, et al., "The Impact Of Internet Addiction On University Students And Its Effect On Subsequent Academic Success: A Survey Based" *Issues In Information Systems* 15(1), (2014), 344.
- Mohd Aziz Shah Mohamed Arip, *et al*, "Strategi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes," *Jurnal Personalia Pelajar*, 16 (2013): 93-103.
- Mohd Azul Mohamad Salleh dan Nurul Madiha Mohd Ilham, "Pengalaman dan Kesedaran Pengguna Dewasa Terhadap Isu Pengawasan di Media Sosial," *Journal of Communication*, Vol.33(1), (2017), 502-514.
- Mohd Noorhadi Mohd Yusof dan Zurinah Tahir "Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi dalam Pendidikan IPTA" *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan*, Vol. 12(3), (2017), 1-10.
- Muhammad Faizal A. Ghani, et al., "Cabaran Keberkesanan Sekolah: Perspektif Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Berprestasi Tinggi" *Jurnal Isu Dalam Pendidikan*. Jilid 40, (2016) : 1-30.
- Muscannell, N. L., and Guadagno, R. E. "Make New friends or Keep the Old: Gender and Personality Differences in Social Networking Use" *Computers in Human Behavior*, 28, (2012), 107–112.
- Naquiah Nahar, et al., "Impak Negatif Teknologi Moden dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja," *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Vol.1, (2018): 87-99.
- Nor Azah Abdul Aziz dan Che Zarrina Saari "Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-undang dan Amalan Spiritual" *Journal of Islamic and Arabic Education* Vol. 3(1), (2011), 31-34.
- Nowak DE. "College Student-Athlete Gambling Disorder: A Review of Research (1991-2017)," *Journal Psychiatry Mental Health*, (2017), 1-7.
- Odacı, H., and Kalkan, M., "Problematic Internet Use, Loneliness And Dating Anxiety Among Young Adult University Students," *Computers & Education*, (2010), 55.
- Pabasari Ginige, "Internet Addiction Disorder, Mental and Behavioural Disorders and Diseases of the Nervous System," *Child and Adolescent Mental Health*, (2017),2.

- Rice, M., "Online addiction" *Beijing Review*, Vol.48(46),(2005), 32–33.
- Robert Edgren, et al., "Reliability of Instruments Measuring At-Risk and Problem Gambling Among Young Individuals: A Systematic Review Covering Years 2009-2015," *Journal of Adolescent Health* 58, (2016), 600-615.
- Robert V. Krejcie and Daryle W. Morgan, "Determining Sample Size for Research Activities", *Educational and Psychological Measurement*, Vol.30(3), (1970), 607-610.
- Shuiqing Yang Yuan Liu June Wei, "Social Capital on Mobile SNS Addiction A Perspective from Online and Offline Channel Integrations," *Internet Research* Vol. 26, (2016), 982-1000.
- Siti Nurunnajwa Shamsudini Irwan Mohd Subri dan Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, "Penerimaan Media Atas Talian Sebagai Medium Penyampaian Fatwa dalam Kalangan Masyarakat Muslim Selangor: Satu Tinjauan Awal," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol 10(1), (2017) : 73-88.
- Siti Ramizah Khairunnisa Radzi, "Kita Adalah Rakan Rapat: Adakah Kualiti Hubungan Memainkan Peranan Dalam Pendedahan Kendiri Bagi Remaja Facebook?" *Global Media Journal – Malaysian edition* Vol.5(2), (2015), 1-13.
- Tamrin Amboala, et al., "Undang-Undang Siber Dari Perspektif Islam," *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)* 72:1 (2015), 125–130.
- Vladan Starcevic and Elias Aboujaoude, "Internet Gaming Disorder, Obsessive-Compulsive Disorder, and Addiction," *Journal of Behavioral Addictions* Volume 4, Issue 3, (2017), 317–322.
- Wan Norina Wan Hamat, et al., "Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia" *Journal of Islamic Education* Vol. 1(1), (2013), 17-27.
- Young K.S CBT-IA, "The First Treatment Model To Address Internet Addiction," *Journal Cognitive Therapy* Vol.25, (2011), 304–312.
- Young, K.S., "Internet addiction: The Emergence of a New Clinical Disorder," *CyberPsychology and Behavior*, 1(3), (1998), 237-244.
- Ziani. A.K., "Using Social Media in the Bahraini 2014 Elections :A Study on a Sample of Young People," *Journal New Media and Mass Communication* 37 (2015): 25-37.
- Zoi Tsimtsiou, et al., "Internet Usage in Primary and Secondary School Children: A Multi-Center, School-Based, Cross-Sectional Study in Greece," *International Journal of High Risk Behaviors & Addiction*, (2016), 1-25.
- Wan Anita Wan Abas & Azizah Hamzah, "Media dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-kanak," *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, Vol. 15(2), (2013): 27-39.

## KERTAS PERSIDANGAN

- Abd Rahman S. "Faktor Sosial dalam Pembentukan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah" Kertas Kerja dibentang di Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] di Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, 17-18 September 2013.
- Afgani. Y et.al., "Penyalahgunaan Aktiviti Internet dan Ketagihan WhatsApp: Suatu Analisa Konseptual," Kertas Kerja dibentangkan di Proceeding of International conference on Addiction Science : Holistic Approach On The Misuse And Addiction Management, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 8-9 June 2015.
- Ahmad Kilani Mohamed, Siti Norlina Muhamad dan Normala Hashim, "Pendidikan al-Quran ke Arah Pembangunan Insan Rabbani," Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim, 8-9 Mac 2012.
- Aina Sabariah Md. Isa dan Huzaimah Hj Ismail, "Media Sosial Sebagai Medium Terkini Pembentukan Akhlak dalam Kalangan Pelajar," 1st International Islamic Heritage Conference, 2015.
- Azizi Yahaya dan Muhamad Jumat Aliju, "Pengaruh Negatif Rakan Sebaya," Artikel tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2005.
- Azizi Yahya, Noordin Yahya dan Junaidah Bachok, "Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian," Artikel tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- Faradillah Iqmar, et.al., "Hubungan Penggunaan Media Sosial dan Penerimaan Mesej Dakwah," Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM) 16th – 17th November 2015.
- Mazulizam Ismail, "Penyalahgunaan Media Sosial Terhadap Perubahan Sikap Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Literatur," Kertas kerja, Universiti Sultan Zainal Abidin, 2016.
- Mohd Zamrus Mohd Ali & Ratna Roshida Ab Razak, "Metodeologi Disiplin Al-Quran dalam Budaya Pembangunan Intelektual: Kajian Terhadap Ilmuwan Andalusia," Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam di Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim, 8-9 Mac 2012.
- Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna, "Penggunaan Berhemat, Kempen Konsumer Kebangsaan 2008-2012," Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC), Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) Petaling Jaya, Selangor 2009.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlal, "Merekonstruksikan Metodeologi Konsep Fiqh Kepenggunaan Islam," APIUM, 2014.



Syed Najihuddin Syed Hassan, et al., "Aplikasi Teknologi Moden Dalam Memantapkan Pendidikan Sunnah Di Era Globalisasi," Kertas Kerja Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2016), di Fatoni University, Thailand, Volume: 5, 2016.

### **TESIS / DISERTASI / KAJIAN PENYELIDIKAN**

Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah, "Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar Fakulti Pendidikan," Kajian Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, 2010.

Anderson Milton Starling, "Kids These Days: Political Knowledge, Young People, And The Internet," Tesis Kedoktoran, University of Alabama, Alabama, 2015.

Daria J Kuss, "Psychology Research and Behavior Management :6 Internet gaming addiction: current perspectives," Research Work, Birmingham City University, Birmingham, UK, 2013.

Iran Herman dan Saadah Yahya, "Lepak di Kafe Siber," Kajian Penyelidikan, Universiti Utara Malaysia, 2014.

Jamilah bt Mohd Noor, "Keberkesanan Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban," Tesis Master, Universiti Malaya, 2014.

Joshua B.Grubbs, Jennifer T.Grant and Joel Engelman, "Who's a Porn Addict? Examining the Roles of Pornography Use, Religiousness, and Moral Incongruence," Research Work, Bowling Green State University, Ohio USA, 2017.

Leonard. A.PS., "Penggunaan Media Sosial Sebagai Eksistensi Diri: Studi Deskriptif Kualitatif Penggunaan Media Sosial Untuk Eksistensi Diri Pada Mahasiswa Fisip UNS Tahun Ajaran 2015/2016," Tesis Sarjana, Universitas Sebelas Maret Surakarta, 2016.

Mohd Nawawi Abd Ghapar, Fakhrul Adabi Abdul Kadir dan Nurul Husna Mansor, "Unsur-Unsur Yang Mempengaruhi Akhlak Remaja:Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Meranti, Pasir Mas, Kelantan," Kajian Penyelidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.

Mohd Rosdi Mahamud, "Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dan Kesannya Terhadap Peningkatan Disiplin Pelajar: Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Perlis" Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2009.

Muhammad Fakhrudin bin Ishak, "Kesan Teknologi Moden Terhadap Perubahan Hukum : Analisis Terhadap Penggunaan Short Message Service (SMS)," Tesis Sarjana, 2010.

O'keffe, G. S and Pearson, K. C., "The Impact of Social media on Children, Adolescent and Families," Clinical Report, American Academy of Pediatrics, 2014.

RAJ, Aliffatullah Alyu dan Siti Nurina Hakim, “Perilaku Kecanduan Internet Terhadap Interaksi Sosial Pada Remaja Di Lingkungan Kos,” Tesis Sarjana, Universitas Muhammadiyah Surakarta, 2017.

Suhaili bt Ariffin “Pengaruh Ketagihan Internet Dan Kesihatan Mental Ke atas Sikap Mendapatkan Bantuan Kaunseling,” Tesis Master, Universiti Putra Malaysia, 2014.

Sukunesan Sinnapan, “Internet Addiction : An Exploratory Study On Malaysian Internet Users,” Tesis Kedoktoran, Universiti Putra Malaysia, 1999.

## **MAJALAH**

Pahrol Mohamad Juoi, “Mari berhibur dengan Iman,” Majalah Solusi Isu 57, Mei 2013

Umar Muhammad Noor, “Kemusykilan Hukum-hakam Internet,” Majalah Al-Ustaz Isu 18, Mac 2013.

Zaharuddin Abd Rahman, “Hukum Berkenaan Facebook,” Majalah Solusi Isu 17, Mei 2010

## **LAMAN SESAWANG (WEBSITE)**

“60,000 pelajar kita ketagih Facebook,” Portal Jabatan Penerangan Malaysia, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/penafian/11107-60000-pelajar-kita-ketagih-facebook.html>

“75% Kanak-kanak Pernah Lihat Web Lucah” Utusan Malaysia Online, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/75-kanak-kanak-pernah-lihat-web-lucah-1.456789>

“Kajian Pengguna Internet 2016” Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), <http://www.skmm.gov.my/Resources/Statistics/Internet-users-survey.aspx>

“Kajian Pengguna Internet 2017” Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), <https://www.skmm.gov.my/resources/statistics/internet-users-surveyx>

“Kajian Pengguna Internet 2018,” SKMM, <https://www.skmm.gov.my/resources/statistics/internet-users-survey>

“Ketagihan Permainan Dalam Talian” Kosmo Online, [http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=0406&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_02.htm](http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=0406&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm)

“Mufti: Haramkan Sembang Maksiat di Laman Sosial,” Malaysia Kini, <https://www.malaysiakini.com/news/251329>

“Pelajar Kantoi Ponteng Sekolah Melepak di Kafe Siber Seawal Jam 8 Pagi Untuk Bermain Permainan Online,” Guru Pelajar Portal (GPS Bestari),

<http://www.gpsbestari.com/berita/perak/19-pelajar-kantoi-ponteng-sekolah-melepas-kafe-siber-seawal-jam-8-pagi-untuk-main-permainan-online-1.560998>

“Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak” Utusan Online, <http://m.utusan.com.my/rencana/i-penggunaan-internet-dan-media-sosial-dalam-kalangan-kanak-kanak-i-1.494492>

“Remaja Ponteng Sekolah Kerana Ketagih Permainan Video” Astro Awani Portal, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-ponteng-sekolah-kerana-ketagih-permainan-video-di-kafe-siber-53372>

“SKMM Bakal Wujud Garis Panduan Tangani Ketagihan Internet” Astro Awani Portal, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/skmm-bakal-wujud-garis-panduan-tangani-ketagihan-internet-118622>

Christina Tan, Farik Zolkepli dan Norbaiti Hamdan, “Judi Piala Dunia : Kajian Mendapati Kanak-kanak Remaja Mula Berjudi,” Mstar, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/04/21/judi-piala-dunia/>

Khairunnisa Sulaiman, “Atasi Ketagihan Internet” Utusan Online, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Kesihatan/20131208/kn\\_04/Atasi-ketagihan-Internet](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Kesihatan/20131208/kn_04/Atasi-ketagihan-Internet)

Mohd Farid Ravi Abdullah, “Haram Melihat Gambar Porno”, Utusan Online, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0922&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_02.htm#ixzz5fvdUHAIy](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0922&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm#ixzz5fvdUHAIy)

Nor Shafinaz Sari, “100 jadi 500” MyMetro, <https://www.hmetro.com.my/node/190039?fbclid=IwAR2T72rLvAHgpuC8Ippp7MtIJSAtOJs3-1aMI2idX0vIKppmS14nQkn5hkh>

Shuhada Mansor, “Port Lepak Berbeza,” MyMetro, <https://www.hmetro.com.my/node/90576>

Siti Zarinah Sahib, “Awasi Paparan di Internet” MyMetro, <https://www.hmetro.com.my/node/173394>

Siti Zarinah Sahib, “Latihan Mata Kurang Kesan Buruk” MyMetro, <http://www.hmetro.com.my/node/56472>

Young K.S, “Internet Addiction Test, (IAT),” Center for Internet Addiction Recovery, [www.netaddiction.com](http://www.netaddiction.com).

Zulkifli Mohamad al-Bakri, “Hukum Memuat Naik Gambar Tidak Menutup Aurat” Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/117-artikel/irsyad-fatwa/2412-irsyad-al-fatwa-227-hukum-memuat-naik-gambar-tidak-menutup-aurat-di-media-sosial>